

SIRI KENALI
ALAM SEKITAR
KE-

2

HIJAU KASIHNYA



Terbitan:
Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sains, Teknologi
dan Alam Sekitar

ISBN 983-9119-70-2

©Cetakan Pertama 1998
Terbitan Jabatan Alam Sekitar

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara samada secara elektronik, fotokopi, mekanik, gambar, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin pemilik hakcipta terlebih dahulu.

Novel ini telah memenangi Tempat
Ketiga Peraduan Menulis Novel
Kanak-kanak Bertemakan Alam Sekitar
Anjuran Jabatan Alam Sekitar -
Utusan Melayu 1995

Projek percetakan ini dibiayai oleh Kerajaan Malaysia
di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh (1996 - 2000)
Nombor Projek SETIA 46 00500 075

HIJAM KASIHNYA

Karya
MUHD. NASRUDDIN DASUKI

Diselaraskan oleh:
Patrick Tan Hock Chuan
Tunku Khalkausar Tunku Fathahi
Jabatan Alam Sekitar



Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar
Tingkat 12 & 13, Wisma Sime Darby,
Jalan Raja Laut,

KANDUNGAN

Bab	Tajuk	Muka Surat
1	Desaku Yang Permai	1
2	Apa Khabar Orang Kampung	8
3	Teringat Sahabat	19
4	Maju Tapi Hijau	26
5	Tamu Tak Diundang	35
6	Kenangan Yang Manis	42
7	Dua Lelaki Di Hulu Sungai	51
8	Malangnya Nasibmu	60
9	Jalan Masih Berliku	67
10	Cemar Di mana-mana	76
11	Amanah Allah	83
12	Negaraku Yang Makmur	90
13	Air Kumbahan	99
14	Tetamu Tidak Diundang	106
15	Terjawab Pertanyaan	115
16	Bermula Hidup Baru	122



Bab 1

**DESAKU YANG
PERMAI**

ALANGKAH nyamannya menyedut udara segar seperti ini. Terasa tenang dan aman. Aku rasakan seperti berada dalam satu dunia yang belum pernah aku temui. Aku menarik nafas dalam-dalam. Aku yakin, udara yang aku sedut, bebas daripada pencemaran kerana keadaan sekeliling yang bersih, segar serta dikelilingi pohonan menghijau. Kalau boleh aku ingin menikmati suasana sebegini untuk selama-lamanya, tapi tidak mungkin kerana..setiap ciptaan Allah itu akan mengalami perubahan.

Kalau di bandaraya pagi-pagi seperti ini, jalan raya sudah dipenuhi dengan kenderaan. Bunyi bising sudah kedengaran di mana sahaja jalan utama. Tidak akan kedengaran kicau burung kelicap dan kokokan ayam bersahutan menyambut pagi.

Tetapi di desa yang indah permai ini, hati terasa terhibur mendengar kicau burung masih berlagu. Kokokan ayam masih kedengaran membuka tirai pagi. Pandangan terasa sayup apabila memandangi kehijauan bukit diselaputi kabus putih. Kesegaran masih terasa ketika embun masih di hujung daun.

Aku berpeluk tubuh sambil duduk di beranda. Kesejukan masih mencengkam. Kebetulan malam tadi bulan mengambang penuh. Kebiasaannya kalau bulan mengambang penuh, kesejukan bertambah jika dibandingkan dengan hari-hari biasa. Mungkin ketika masa bulan mengambang kandungan embun yang turun ke bumi semakin bertambah.

Pagi-pagi begini, biasanya ayah sudah bersiap-siap hendak ke tempat kerja. Begitu juga dengan penghuni ibu kota yang lain. Keluar awal dari rumah untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas, boleh menenangkan perasaan semasa memandu.

Kata ayah, perjalanan dari rumah di Taman Melawati, Hulu Klang ke kompleks pejabat kerajaan di Jalan Duta, tidaklah jauh sangat. Tetapi jika terperangkap dalam kesesakan, tentu masa banyak terbuang.

Kata ayah lagi, keadaan sesak di bandaraya sudah

menjadi satu cara hidup yang mesti dilalui. Menurutnya, keadaan seperti ini sukar untuk dielakkan walaupun ia mendatangkan kesan buruk terhadap kesihatan para pengguna.

“Memandu dalam keadaan sesak boleh meyebabkan tekanan jiwa. Tahap toleransi seseorang pemandu akan menurun, ia berasa cemas, cepat marah sehingga boleh mendorong hilang pertimbangan,” kata-kata ayah masih terngiang-ngiang di telinga.

“Selain itu, kesesakan lalu lintas boleh menyebabkan pencemaran udara dan bunyi akibat enjin kenderaan serta hon pemandu yang kurang sabar. Bagaimanapun kesesakan ini sebenarnya menguji kesabaran kita berhadapan dengan dugaan,” kata ayah lagi.

“Kalau tak silap Fik, pencemaran udara berada di tahap yang tinggi ketika kesesakan lalu lintas. Betul tak ayah?”

“Ya memang betul. Mereka yang menghadapi kesukaran bernafas boleh terjejas kesihatan mereka akibat pencemaran ini. Pencemaran bunyi pula boleh menyebabkan masalah pendengaran dan ketegangan,” kata ayah.

Aku mengangguk. Tidak hairanlah ramai penghuni bandar-bandar besar yang sering berlaku kesesakan lalu lintas, tidak mampu menahan sabar dan mudah dihidapi penyakit.

“Bayangkanlah kalau setiap hari kita menghabiskan antara dua hingga 3 jam di jalan raya akibat kesesakan. Kita akan duduk lama dalam kereta. Kata Doktor, ini boleh menjadi penyebab awal penyakit kencing manis dan serangan jantung. Sebab itulah ayah lebih suka keluar awal untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas.”

“Ada tak cara untuk mengatasi ketegangan ketika terperangkap dalam kesesakan lalu lintas ni ayah?” Aku tahu, ayah sudah bertahun-tahun memandu kereta di Kuala Lumpur, sudah tentu ada cara bagaimana mahu mengelakkan masalah ketegangan ketika memandu.

“Ini sebenarnya petua dan memang terbukti

berkesan jika diamalkan selalu. Kalau boleh kita banyakan membaca doa ketika memandu, atau berzikir dalam hati atau boleh juga menyebut perkataan dua suku kata berulang kali. Cara ini boleh membuatkan seseorang tenang dan memulihkan semangat.”

“Kata cikgu, orang yang selalu terperangkap dalam kesesakan lalu-lintas boleh menghadapi penyakit sampingan, betul ayah?” Tanyaku ingin kepastian.

“Daripada buku yang ayah pernah baca hasil kajian seorang doktor, perkara ini memang benar. Pada peringkat awal mereka akan mengalami sakit kepala, keletihan otot, ketegangan sendi dan lelah. Manakala untuk jangka panjang mereka boleh menghadapi ulser, masalah tulang belakang serta tekanan darah tinggi,” jelas ayah.

“Hai Fik, pagi-pagi dah termenung. Tak kan baru sampai sini petang semalam dah rindukan emak, ayah?” Aku tersedar dari lamunan apabila datuk menegur.

Aku tidak sedar bila masanya datuk berjalan-jalan di halaman. Pagi tadi, datuk mengejutkan aku. Dia mengajak untuk bersolat subuh berjemaah di masjid tetapi matakु terlalu mengantuk. Aku masuk tidur lambat kerana berbual dengan datuk dan nenek sehingga larut malam.

Akhirnya datuk pergi sendiri ke masjid. Sepulanganya dari masjid, datuk mengejutkan aku. Aku bingkas, mencapai tuala dan terus ke bilik mandi. Bangun pagi tidak menjadi masalah kerana aku memang sudah biasa bangun pagi.

Selepas itu aku tidak tahu datuk ke mana. Aku bersolat subuh sendiri. Selesai berdoa, aku teringat ingin menyambung tidur tetapi matakु tidak mahu lelap. Akhirnya aku ke beranda melihat suasana pagi di desa sambil mendengar kokokan ayam dan kicau burung.

Dari beranda, tempat aku duduk, aku lihat datuk yang berbaju T putih cap pagoda dan berkain pelikat berkotak-kotak sedang membuat senaman ringan.

Datuk mendepakan kedua belah tangan. Tangan dihayun ke atas, ke tengah dan ke bawah hingga ke peha.

Kemudian datuk bercekak pingggang. Dia berpusing ke kiri dan ke kanan. Selepas itu dia membongkok dan menghenjutkan kedua belah tangannya ke bawah.

"Atuk buat apa pagi-pagi begini?" Aku bingkas dari kerusi, berdiri menghampiri dinding beranda.

"Buat senaman ringan. Atuk nak berjogging, manalah Atuk larat. Atuk lakukan setiap pagi," jelas datuk. Dia masih melakukan senaman ringan.

"Sebab itulah Atuk awet muda dan masih cergas." Aku berseloroh.

Aku turun dari beranda menghala ke anak tangga. Aku menyarung selipar dan terus menghampiri datuk. Aku cuba meniru pergerakan datuk.

"Eh, Fik pun nak bersenan juga?" Datuk tersenyum melihat tingkahku meniru pergerakannya.

"Seronok ya Tuk, pagi-pagi dapat bersenam begini. Tambah pula dapat sedut udara bersih dan segar." Aku memusing badan ke kiri, kemudian ke kanan.

"Kalau begitu kenalah tinggal di kampung dengan Atuk..." ujar datuk. Aku tahu datuk bergurau.

Kalau aku tinggal dengan datuk di kampung, apa kata ayah dan ibu. Dua tahun lagi aku akan mengambil peperiksaan Penilaian Menengah Rendah. Kalau bertukar sekolah tentu akan menimbulkan masalah.

Aku mahu belajar rajin-rajin dan menjadi orang pandai seperti ibu dan bapa saudaraku. Semuanya berpelajaran tinggi. Apabila tua, tentu senang sebab anak-anak mendapat pelajaran yang cukup.

"Nantilah Tuk. Kalau ada masa cuti panjang lagi, Fik datang lagi. Rasa tak puas kalau tinggal seminggu dua di kampung. Tapi tak apalah, sekurang-kurangnya Fik masih ada kampung. Masih dapat menikmati keindahan dan kehijauan kampung," ujarku sambil menarik nafas panjang.

Datuk senyap. Dia masih melakukan senaman ringan. Belum nampak keringat menitis di dahi. Matahari masih bersembunyi di sebalik bukit. Hari semakin lama semakin cerah. Kokokan ayam sudah tidak kedengaran

tetapi kicau burung masih kedengaran lagi.

Beberapa hari sebelum cuti sekolah, aku sudah terbayangkan keindahan kampung datuk. Rasa tidak sabar-sabar lagi untuk menemuinya. Di kampung, terasa bebas hendak ke mana-mana. Halaman rumah luas. Boleh bermain puas-puas.

Setahuku, di kampung semangat tolong menolong masih kuat diamalkan ketika mengadakan sesuatu majlis. Mereka tidak berat tulang untuk membantu. Sikap pentingkan diri sendiri tidak timbul. Apa lagi untuk bermusuhan.

Tetapi satu perkara yang menjadi tanda tanya ketika bas yang aku naiki semalam memasuki jalan ke kampung ini. Aku lihat di satu kawasan lapang, lebih kurang 15 orang berkumpul. Di antara mereka ada yang memegang sepanduk. Pada sebatang pokok pula diikat kain rentang.

Oleh kerana bas meluncur laju, aku tidak dapat membaca apa yang tertulis di kain rentang itu. Aku rasa mereka seperti sedang tunjuk perasaan. Aku tertanya-tanya dalam hati. Mengapa mereka berbuat demikian.

"Apa rancangan Fik hari ini?" Datuk bertanya. Dia sudah menghenthi senaman ringan. Sebaliknya datuk berjalan-jalan di sekitar halaman rumah.

Pokok bunga corong yang berwarna kuning kelihatan indah apabila di tanam bersusun lurus. Begitu juga dengan jenis pokok puding yang beraneka warna dan bentuk daunnya.

"Fik ingat nak ke rumah Badrul. Fik dah janji dalam surat. Kalau Fik datang rumah datuk, Fik nak pergi rumah Badrul," jelasku.

"Hmmm baguslah tu. Badrul baru semalam keluar dari hospital," ujar sambil mencabut sehelai rumput di halaman.

Aku terkejut apabila datuk memberitahu Badrul baru keluar dari hospital. Ketika dia membalaskan surat aku, beberapa hari sebelum cuti sekolah, dia memberitahu dia sekeluarga sihat sejahtera.

"Dia sakit apa tuk?"

"Kalau Fik nak tahu, kenalah ziarah dia, ujar datuk seperti mahu berteka-teki.

Ketika itu, aku mahu sahaja berlari ke rumah Badrul, sepupuku. Sakit apakah dia?

"Kita pergi sama tuk?" Aku mengajak datuk.

"Hari ini Atuk nak ke balai polis, lepas tu nak ke Pejabat Daerah. Ada urusan sedikit." Aku sedikit kecewa mendengar jawapan datuk.

"Pak Su Hadi tak balik tuk?" Aku teringatkan Pak Su Hadi, anak bongsu datuk, adik lelaki ketiga emak.

"Masa dia balik, dua minggu lepas, dia ada beritahu, minggu ini dia nak balik. Kalau dia balik, bolehlah Fik ajak dia. Kalau tak, Fik boleh pergi sendiri dengan basikal. Ada bawah rumah dekat tangga tu." Datuk menuding ke arah anak tangga. Aku menoleh. Memang ada sebuah basikal di situ.

Sinar matahari sudah menjengah di sebalik bukit. Sinarnya yang cerah sudah menerang segenap alam. Sisa embun masih melekat di hujung daun.

"Mari kita bersarapan." Datuk mengajak. Aku mengangguk. Datuk melangkah menghala ke anak tangga. Aku mengekori.

Belum pun sampai ke anak tangga. Sebuah motosikal dari jalan raya membelok ke rumah datuk. Sampai di halaman, enjin motosikal dimatikan.

Datuk menghentikan langkah. Aku juga berbuat demikian. Lelaki tidak bertopi keledar itu segera mendapatkan datuk.

"Apa hal ni macam cemas saja?"

Datuk memerhatikan lelaki gempal dan sasa itu sambil menghulurkan tangan untuk bersalam.

Bab 2

**APA KHABAR
ORANG KAMPUNG**

✓ **AKU** masih mundar mandir di anak tangga. Sesekali melihat ke jalan raya, manalah tahu Pak Su Hadi yang sedang aku tunggu -tunggu, tiba-tiba sahaja muncul. Datuk sudah pergi kira-kira setengah jam lalu. Dia pergi dengan kereta salah seorang rakan datuk.

Lembut sinar matahari menyimbah segenap ruang alam. Sisa-sisa embun sudah tiada lagi di hujung dedaun. Aku masih menanti dengan sabar kepulangan Pak Su Hadi.

Kalau dia bertolak dari Serdang, kira-kira pukul 8.00 pagi, lebih kurang pukul 9.30 pagi, dia akan sampai ke kampung. Lagipun dari Serdang ke Kuala Selangor, boleh dikatakan jalan elok meskipun tidak ada lebuh raya.

Tetapi sekarang sudah pukul 9.30 pagi. Kalau Pak Su Hadi tidak sampai dalam masa sepuluh minit lagi, terpaksa lah aku berbasikal ke rumah Badrul.

"Fik, Fik tak payahlah tunggu Pak Su Hadi. Dia mungkin lambat sikit. Kalau Fik nak pergi, pergilah sekarang. Tapi bawa basikal tu baik-baik sikit. Ikut tepi jalan." Tiba-tiba nenek bersuara.

Aku menoleh. Nenek sudah tercegat di ambang pintu tangga. Dia tercegat di situ melihat aku yang seperti menunggu buah yang tidak gugur.

Di tangan nenek ada penyapu, diperbuat daripada lidi kelapa sawit. Mungkin nenek hendak berkemas. Aku menggaru-garu kepala. Hati masih berbelah bagi sama ada menunggu Pak Su Hadi atau berbasikal sahaja.

Akhirnya aku mengambil keputusan untuk berbasikal sahaja memandangkan nenek sudah memberitahu kemungkinan Pak Su Hadi lewat balik.

Aku bingkas dari anak tangga. Perlahan-lahan aku heret basikal itu ke halaman. Aku periksa basikal itu.

Brek basikal itu masih kuat. Tayarnya baru. Tetapi basikal itu agak besar jika dibandingkan dengan basikal BMX kepunyaanku di rumah. Walaupun basikal itu agak besar, aku pernah menaikinya satu ketika dulu sewaktu datang ke rumah datuk bersama ayah, ibu, kakak dan adik-adik.

"Pergi dulu, nek," beritahuku pada nenek sambil mengayuh basikal.

"Bawa basikal tu baik-baik. Ikut tepi jalan," pesan nenek.

Keluar dari halaman rumah, aku membelok ke kanan. Jalan raya di kampung agak lenggang pagi itu. Seseekali kedengaran enjin motosikal datang dari hadapan.

Kereta juga tidak banyak yang lalu lalang seperti ini. Kalaulah jalan raya di Kuala Lumpur seperti ini, tentulah kemalangan jalan raya tidak berlaku.

Kira-kira 100 meter meninggalkan rumah, sebuah lori kecil berkepala merah datang dari arah belakang. Aku ke tepi. Kelajuan lori itu membuatkan aku berhenti sebentar di pinggir jalan. Sesudah lori itu pergi, aku mengayuh semula.

Aku hairan kenapa pemandu lori itu memandu laju di jalan kampung. Kebiasaannya kenderaan dilarang memandu laju di kawasan seperti ini. Entahlah mungkin mahu cepat agaknya, fikirku.

Rumah Badrul jauhnya kira-kira satu kilometer dari rumah datuk. Ketika melewati beberapa buah rumah, aku lihat kawasan sekitaran nampak bersih. Bunga-bunga yang ditanam di halaman rumah beraneka jenis dan rupa.

Kelihatan juga, suri rumah dan anak-anaknya menyapu dan membersihkan halaman. Rumah-rumah juga banyak yang cantik, mungkin penghuninya dari golongan berada.

Aku mengayuh perlahan kerana aku yakin Badrul tidak ke mana-mana. Dia pasti terkejut dengan kedatanganku nanti.

Kira-kira 50 meter di hadapan, ada simpang empat. Di simpang empat itu ada deretan kedai. Sampai di simpang empat itu aku membelok ke kanan. Aku menoleh ke deretan kedai. Ada kedai runcit, kedai membaiki motosikal, kedai kopi, kedai gunting rambut dan beberapa buah kedai lagi. Kata datuk, di situlah tempat orang bertumpu setiap pagi dan petang.

Dua puluh meter meninggalkan deretan kedai itu, aku tersentak apabila aku melihat seorang lelaki tercegat di pinggir jalan. Dia seperti sedang menanti kedatanganku.

Sebaik sahaja aku sampai di hadapannya, lelaki yang berusia dalam lingkungan empat puluhan tahunan itu tersengeh-sengeh. Kemudian dia seperti orang marah. Matanya terbeliak. Pakaianya agak kotor. Baju kemeja kotak-kotak yang dipakainya, tidak berelangan di sebelah kanan.

Orang siuman ke tidak ni? Rasanya macam orang tak siuman. Kalau siuman, tak mungkin dia berkelakuan yang luar biasa. Melewati kira-kira lima meter, lelaki itu seperti mahu mengejar. Aku menoleh. Lelaki itu memang mengejar aku.

Aku mempercepatkan kayuhan. Tercungap-cungap aku sejenak. Tapi mujurlah akhirnya lelaki yang aku rasa tidak siuman itu dapat aku tinggalkan kira-kira 30 meter di belakang. Aku menarik nafas lega.

Peluh mula menitis di dahi. Tambah pula matahari mula galak menyinar. Pagi-pagi begitu belum ada tiupan angin yang lembut. Aku membiarkan sahaja peluh di dahi.

Aku bersyukur kerana tidak ada apa-apa berlaku. Kalaulah aku dapat dikejar lelaki itu, tidak tahulah apa akan terjadi. Mungkin aku berpatah balik ke rumah. Tidak jadi ke rumah Badrul.

Aku melewati sekolah rendah. Sekolah itu cantik. Halaman sekolah juga ditanami dengan bunga-bunga. Oleh kerana hari itu hari Sabtu, sekolah tutup tetapi di padang sekolah ada sekumpulan pelajar sekolah sedang bermain bolasepak.

Rumah Badrul tidak jauh dari sekolah, selang enam buah rumah sahaja. Akhirnya aku sampai juga ke rumah Badrul. Sesampai di halaman, tidak ada sesiapa. Adik-adik Badrul juga tidak ada. Basikal aku tongkatkan tidak jauh dari anak tanggā.

"Assalamualaikum," Aku memberi salam tetapi tidak menjawab. Aku memberi salam sekali lagi. Dari dalam

rumah aku dengar suara perempuan menjawab salam. Mungkin Mak Cik Salmah, ibu Badrul.

Tidak lama Kemudian, Mak Cik Salmah muncul di muka pintu. Dia agak terkejut apabila melihat aku tercegat di anak tangga.

"Eh, Syafik. Datang dengan siapa? Mana emak dan ayah?" Mak Cik Salmah menuruni tangga. Aku bersalaman sebaik sahaja dia sampai ke bawah.

"Fik datang seorang saja mak cik. Emak dan ayah kirim salam. Mereka tak dapat datang sebab ramai jemputan kahwin musim cuti sekolah sekarang," ujarku sambil membuka kasut. Mak Cik Salmah menjawab salam.

"Naiklah Syafik. Badrul ada di atas." Pelawa Mak Cik Salmah sambil melangkah anak tangga ke atas. Aku mengekori.

"Mak cik dan Pak cik, apa khabar?"

"Alhamdulillah sihat. Cuma Badrul saja kurang sihat."

Sampai di ruang tamu, kosong tidak ada sesiapa.

"Syafik duduk sini dulu, biar mak cik panggirkan Badrul. Dia ada dalam bilik," beritahu Mak cik Salmah. Dia terus memanggil Badrul. Aku duduk di sofa.

Tidak lama kemudian, Badrul muncul dari bilik.

"Assalamualaikum Badrul. Apa khabar?" Aku bingkas dan bersalaman.

Badrul menjawab salam. Aku duduk semula di sofa. Badrul duduk berhadapan denganku. Sebentar kemudian dia bangun memetik suis kipas. Mungkin dia menyedari aku kepanasan dan melihat peluh di dahiku. Kemudian dia duduk semula.

"Datuk kata, Bad baru balik dari hospital. Bad sakit apa?" Aku lihat wajah Badrul tidak ada apa-apa perubahan. Anggota badannya juga tidak ada yang tidak kena.

"Benar. Satu hari saja di hospital. Lepas tu dibenarkan balik," ujar Badrul membetulkan majalah dan akhbar yang tidak tersusun di atas meja.

Sedang Badrul mengemas majalah dan akhbar, Mak



Cik Salmah datang menatang dulang berisi minuman jus oren. Terasa dahaga pula aku melihat jus oren dalam jag.

Mak Cik Salmah menuang jus oren ke dalam dua gelas. Satu gelas diletakkan di hadapanku. Segelas lagi diletakkan di hadapan Badrul. Sepiring karipap juga diletakkan di situ. Mak cik Salmah mempelawa minum. Aku mengganggu.

"Fik nak tau kenapa Bad masuk hospital? Tengok ni?" Badrul menunjukkan akhbar Utusan Malaysia keluaran tiga hari lepas.

20 PELAJAR SEKOLAH KERACUNAN

Aku membaca berita tidak bergambar itu. Sebenarnya aku ada membaca akhbar keluaran hari itu tetapi tidak perasan pula berita mengenai keracunan makanan itu.

Baru aku faham. Ketika ini aku teringatkan Mak Cik Senah, jiran sebelah rumah yang meninggal dunia kerana keracunan makanan setelah menghadiri majlis kenduri kahwin seorang saudaranya di Sepang.

"Cikgu Fik pernah kata, keracunan makanan berpunca daripada makanan terdedah kepada habuk, lalat, lipas dan kuman. Bad makan makanan terdedah agaknya?" Aku menduga sambil mencapai gelas jus oren dan meneguknya.

"Entahlah, Bad makan mi goreng di kantin masa rehat. Sejam kemudian Bad rasa mual, muntah dan perut terasa sebu. Rupa-rupanya bukan Bad seorang saja yang terkena, ramai lagi kawan-kawan Bad yang sakit perut. Terus cikgu bawa kami ke hospital. Tapi sekarang Alhamdulillah, sakit perut dah tak ada lagi," ujar Badrul sambil mempelawa makan kuih karipap.

"Mungkin pengendali makanan di kantin sekolah Bad tu tak jaga kebersihan. Sebab itulah terjadi keracunan."

"Jabatan Kesihatan sudah pun mengambil contoh makanan dari kantin dan memeriksa keadaan kantin. Harap-harap perkara ini tak berlaku lagi."

"Keracunan makanan juga satu pencemaran

terhadap tubuh kita. Kalau kita tidak berwaspada kesihatan akan terjejas. Betul tak?"

Badrul mengangguk.

"Macam mana dengan Kuala Lumpur? Masih berjerebu lagi?" Badrul sedikit tertawa.

"Dua tiga bulan lepas memang Kuala Lumpur dilanda jerebu teruk sekali. Penglihatan di jalan raya hanya kira-kira 100 meter. Pemandu kenderaan terpaksa bergerak perlahan untuk mengelakkan kemalangan," jelasku.--

"Khabarnya jerebu ni boleh mengakibatkan penyakit lelah dan sesak nafas." Badrul meneguk air.

"Memang benar. Sebab kandungan habuk halus dalam udara apabila disedut, akan masuk ke saluran pernafasan. Habuk ini akan terperangkap di rambut dinding saluran pernafasan. Akibatnya saluran itu berair dan bengkak," jelasku.

"Oh ya, kalau saluran pernafasan bengkak, jumlah oksigen yang masuk ke paru-paru berkurangan. Akibatnya kita akan cepat letih, sakit lelah dan batuk," terang Badrul.

"Fik tak kena batuk masa Kuala Lumpur berjerebu?"

"Masa Kuala Lumpur berjerebu, cikgu tak galakkan murid-murid bergerak bebas seperti bersenam di padang dan terdedah di tempat lapang," jelasku.

"Aneh ya, khabarnya jerebu ni berpunca dari hutan terbakar di Kalimantan dan Sumatera tapi negara kita pula yang berjerebu." Badrul melahirkan rasa hairannya.

"Sebenarnya Bad, ini berlaku kerana angin Tenggara yang bertiup ke negara ini membawa asap dan habuk. Selagi angin Tenggara ini tidak bergerak selagi itulah jerebu tetap melanda," kataku.

"Tapi hujan boleh menghilangkan jerebu kan?"

"Siapa kata? Hujan hanya boleh menghilangkannya seketika. Selepas hujan berhenti dan udara kering, jerebu akan kelihatan semula."

"Eh tahu juga Fik, fasal jerebu?" Badrul tertawa.

"Sebenarnya Bad. Kak Shidah banyak kumpul

keratan akhbar mengenai pencemaran alam dan jerebu ini. Tahun ni dia nak ambil SPM. Keratan akhbar boleh dijadikan bahan rujukan untuk membuat karangan. Jadi, Fik tumpang membaca," jelasku sambil melihat jam di dinding rumah Badrul. Lagi sepuluh minit sampai ke angka sebelas pagi.

"Bagus tu, bukannya penjagaan alam sekitar bermula dari rumah?"

"Betul tu. Cara paling senang, ibu-ibu kita hendaklah menggalakan anak-anaknya membuang sampah dan menanamnya, tidak membakar sampah dan menggunakan barangan yang dikitar semula."

Aku berasakan sudah lama berada di rumah Badrul. Aku berjanji dengan nenek akan balik ke rumah sebelum tengah hari.

"Tak apalah Bad, Fik balik dulu." Aku bingkas apabila melihat jam sudah menunjukkan angka sebelas pagi.

"Eh, kenapa cepat sangat? Sesekali datang makan tengah hari di sini." Badrul bingkas. Aku melangkah ke pintu. Badrul mengekori.

"Fik dah berjanji dengan nenek nak makan tengah hari di rumah. Nanti nenek tertunggu-tunggu pula," jelasku bukan tidak sudi untuk makan tengah hari bersama.


Aku melangkah ke anak tangga. Tiba-tiba aku teringat sesuatu.

"Macam mana janji nak memancing?" Aku menoleh ke wajah Badrul.

"Terpulanglah pada Fik. Bad bila-bila masa saja boleh."

Kalau macam tu, esok atau lusa Bad datang sini," Aku mengingatkan Badrul. Dia menghantarku hingga ke anak tangga.

"Oh ya, beritahu ibu Bad, Fik balik dulu. Kirim salam pada ayah Bad kalau dia balik nanti. Senang-senang nanti Fik datang sini lagi." Sambungku lagi sambil memakai kasut.



"Berapa lama Fik bercuti di sini?"

"Mungkin seminggu."

Aku mencapai basikal. Perlahan-lahan aku beredar dari halaman rumah Badrul. Memandang hari semakin panas, aku batalkan niat untuk berjalan-jalan si sekitar kampung.

Aku melalui semula jalan di mana aku datang tadi. Beberapa buah motosikal melalui jalan itu. Aku mempercepatkan kayuhan supaya segera sampai di rumah.

Melewati deretan kedai di simpang empat, keadaan masih seperti tadi. Orang masih ramai. Ada yang duduk-duduk di kedai kopi, ada yang sedang membeli barang di kedai runcit.

Aku memerhatikan sekitaran deretan kedai itu. Mencari-cari lelaki yang tidak siuman tadi. Terlupa pula aku hendak bertanyakan tentang lelaki itu kepada Badrul. Dia tentu tahu, sebab dia anak jati kampung ini.

Sedang aku mengayuh cepat, sebuah motosikal datang dari arah hadapan. Penunggangnya seorang anak muda. Berpakaian agak selekeh, berkacamata hitam dan bertopi keledar putih.

Anak muda berusia dalam lingkungan dua puluh tahun itu menghampiriku dan memberi isyarat supaya berhenti. Aku tersentak.

Apa yang engkau mahu?

"Adik, adik orang sini ya?"

"Tak, saya dari Kuala Lumpur. Bercuti di sini," jawabku jujur kerana aku tidak mencurigai apa-apa. Mungkin dia mencari seseorang di kampung ini.

Lelaki terus beredar.



Bab 3

**TERINGAT
SAHABAT**

KETIKA berbasikal begini, entah mengapa tiba-tiba sahaja wajah Yogeswaran yang muncul. Tentunya kerana setiap pagi aku dan Yogeswaran berbasikal ke sekolah. Rumah aku dengan rumah Yogeswaran selang enam buah rumah sahaja.

Walaupun aku dan Yogeswaran belajar di satu sekolah tetapi berlainan kelas. Aku dalam Tingkatan Satu Melor sedangkan dia dalam Tingkatan Satu Mawar.

Pada setiap pagi, Yogeswaran akan singgah di hadapan rumahku. Kami akan pergi ke sekolah bersama-sama. Walaupun pergi ke sekolah bersama-sama, tetapi ada kalanya kami tidak pulang bersama.

Kalau aku pulang cepat, aku pulang bersama. Kalau lambat, dia akan pulang bersama-sama teman yang lain. Tiga hari sebelum cuti sekolah, ibu dan bapa Yogeswaran datang ke rumahku. Waktu itu pukul 8.00 malam.

Aku terkejut apabila bapa Yogeswaran memberitahuku, anaknya itu tidak pulang ke rumah. Mereka bertanya aku sama ada pulang bersama Yogeswaran atau tidak, tengah hari itu.

Ketika pulang dari sekolah, aku memang mencari-cari Yogeswaran sama ada dia menunggu aku atau tidak. Tetapi setelah lama menunggu, nyata Yogeswaran tidak ada. Aku yakin dia sudah balik.

Rumah kami dengan sekolah tidak jauh. Kira-kira satu kilometer sahaja. Aku lebih suka berbasikal daripada menaiki bas kerana tidak mahu bersesak-sesak ke sekolah.

Sehari sebelum cuti sekolah, aku dapat tahu Yogeswaran diculik? Aku seperti tidak percaya. Mengapa Yogeswaran diculik? Ayahnya bukan orang kaya jika benar penculik itu mahukan wang tebusan.

Perkara inilah yang menyebabkan ayah dan ibu keberatan mengizinkan aku bercuti ke rumah datuk. Apatah lagi aku memberitahu, aku mahu datang sendiri ke kampung datuk memandangkan ayah sibuk dengan tugasnya.

“Tak payah pergilah Fik, emak risau.” Emak memberitahu sehari sebelum aku bertolak ke rumah

datuk. Aku serba salah. Surat sudah aku kirimkan kepada Badrul memberitahu akan kedatanganku.

“Emak janganlah risau. Fik dah besar. Fik anak lelaki. Anak lelaki kena berani. Lagipun kampung datuk bukan jauh sangat. Sejam setengah naik bas sampailah,” pujukku. Aku nampak wajah emak seperti gembira.

“Kalau dah begitu kata Fik. Emak harap, Fik jaga diri baik-baik. Tulis surat bila selamat sampai nanti,” ujar emak yang membantu mengemas pakaianku ke dalam beg.

Petang Jumaat, selepas sembahyang Jumaat, aku meninggalkan rumah. Emak menghantarku di depan rumah sahaja. Aku menaiki bas mini dari Taman Melawati ke perhentian bas Jalan Sultan Mohammad. Dari situ aku menaiki bas ekspres ke Klang. Dari Klang aku menaiki bas ke Kuala Selangor.

“Poonnnn!”

Aku tersedar dari lamunan apabila sebuah motosikal membunyikan hon. Mungkin aku berbasikal agak ke tengah jalan. Aku segera ke tepi.

Tanpa aku sedari, rupa-rupanya aku sudah hampir sampai ke rumah. Aku terus membelok sebaik sahaja sampai ke halaman rumah. Dari jauh aku lihat motosikal RXZ merah Pak Su Hadi berada di tepi tangga. Aku yakin Pak Su Hadi sudah balik.

Sesampai sahaja aku di depan rumah, aku sandarkan basikal pada tiang. Aku terus naik ke beranda. Di situ, Pak Su Hadi sedang membaca akhbar Utusan Malaysia.

Aku terpaku sejenak apabila menatap tajuk utama akhbar itu.

‘Tragedi tanah runtuh di Lebuhraya Karak
20 MATI TERTIMBUS’

Pak Su Hadi yang asyik membaca akhbar, meletakkan akhbar itu di paha. Aku terus mendapatkannya dan bersalaman.

“Dari mana ni? Macam kena kejar hantu aje?” ujar Pak Su Hadi apabila melihat peluh meleleh didahiku. Aku

mengesat dengan tuala yang disidai di beranda.

"Dari rumah Badrul. Pak Su bila sampai?"

"Baru setengah jam. Datuk ke mana?" Tanya Pak Su padaku.

"Nenek tak beritahu? Datuk ke balai polis, lepas tu ke Pejabat Daerah."

Pak Su Hadi meneruskan membaca akhbar. Aku mencuri-curi membaca tajuk utama akhbar itu. Di sebelah kanan berita utama akhbar itu, disiarkan sekeping gambar anggota-anggota bomba sedang membawa keluar salah seorang mangsa yang terbunuh dalam kejadian tanah runtuh itu.

Manakala di bawah berita utama itu, disiarkan cerita ngeri mangsa yang selamat. Aku menarik nafas panjang.

"Kasihannya, macam mana tragedi ni boleh berlaku?" Aku bersuara. Pak Su Hadi melipat akhbar. Diletak di atas meja kecil.

"Ini semua kerana kerja-kerja pembangunan di kawasan itu yang tidak dikawal. Penebangan pokok yang terlalu banyak juga mungkin telah mengubah dan mempercepatkan aliran air sehingga menyebabkan tanah runtuh," ujar Pak Su Hadi. Sebagai mahasiswa pengajian Sains dan Alam Sekitar, tentu dia lebih maklum perkara ini.

"Kalau nak dikirakan, banyak juga kerja pembangunan dan penebangan pokok tidak terkawal di tempat-tempat lain tetapi kenapa tanah runtuh berlaku di situ?" Tanyaku masih kurang pasti.

"Sebenarnya, kawasan bukit dan tanah tinggi amat sensitif. Akar-akar pokok itulah yang mencengkam tanah dan mengelak hakisan. Apabila pokok ditebang, tiada akar mencengkam tanah. Ini memudahkan tanah runtuh. Lagipun projek pembangunan di tanah tinggi tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya, ia harus mengambilkira kontur bukit dan pergerakan air, bukan dengan meratakan bukit sahaja," ujar Pak Su Hadi panjang lebar.

Tiga tahun di universiti itu, tentu sudah banyak ilmu diperolehi, fikirku apabila mendengar penerangan Pak Su

Hadi memang munasabah.

“Apa perlunya kontur tu Pak Su?”

“Kontur tu untuk mengenal pasti di mana tanah yang tinggi dan rendah dari paras permukaan laut di kawasan perbukitan. Dengan cara ini, kita boleh mengenal pasti di mana pergerakan air berlaku dan sama ada saliran yang disediakan boleh menampung pergerakan air atau tidak.” Terang Pak Su Hadi lagi.

“Inilah akibatnya kalau projek pembangunan tak dirancang. Akhirnya memusnahkan alam sekitar,” kataku sambil membaca sekali imbas berita utama itu.

“Betul tu sepatutnya tragedi kondominium mewah runtuh yang pernah mengejut negara tidak lama dulu perlu diambil iktibar. Mana-mana kawasan tinggi dan lereng bukit tidak perlu lagi dilaksanakan projek pembangunan. Tapi sekarang masih juga berlaku,” ujar Pak Su Hadi seperti kesal.

“Selain memusnahkan alam sekitar, habitat alam juga turut musnah akibat pembangunan. Kasihan, di mana lagi unggas-unggas hutan tu nak tinggal?”

“Simpati saja tidak cukup. Yang penting setiap kita mesti ada kesedaran betapa memelihara alam sekitar tu penting dan wajib.” Pak Su Hadi bingkas. Dia masuk ke dalam rumah.

Aku mengambil akhbar. Muka pertama akhbar itu aku baca. Selepas itu sambungnya pada muka dua. Pada muka empat disiarkan gambar-gambar tragedi tanah runtuh itu.

Tidak sampai hati aku melihatnya apabila terpandang gambar seorang mangsa terbaring dalam usungan diselaputi lumpur sehinggakan sukar untuk dikenali.

Selesai membaca keseluruhan berita mengenai kejadian tanah runtuh itu, aku membaca mengenai kejadian tanah runtuh itu, aku membaca berita lain yang menarik. Ketika ini aku teringatkan Yogeswaran. Aku mencari setiap muka surat. Dari berita besar sehingga berita kecil, tidak ada berita mengenai penculikan

Yogeswaran.

“Berita apa yang Fikri cari tu?” suara Pak Su Hadi yang tiba-tiba muncul di tengah muka pintu mengejutkan aku.

“Tak ada apa. Ni ha banyak sangat berita mengenai pencemaran alam berlaku. Di sini mengenai pembakaran pelupusan sampah. Di sana, pembuangan sisa toksik. Di tempat lain pula, pencemaran sungai,” ujarku sambil menatap berita menyiarkan pembakaran pelupusan sampah di Hulu Langat.

Pak Su Hadi senyap. Dia beredar menuruni anak tangga. Aku membaca sisa-sisa berita yang tidak sempat aku tatap. Baru sahaja hendak membaca, terdengar enjin motosikal Pak Su Hadi membingitkan telinga.

Tali minyak diputar. Bunyi enjin meletup-letup. Aku menoleh ke bawah. Asap dari ekzos berkepul-kepul keluar. Kemudian enjin motosikal dimatikan.

Tanpa berlengah aku turun, melihat apa yang dilakukan oleh Pak Su Hadi.

“Pencemaran bunyi kalau dibiarkan,” ujarku sambil mencangkung, memerhatikan apa yang dilakukan oleh Pak Su Hadi.

“Sebab bunyi bising inilah, Pak Su nak betulkan,” ujar Pak Su Hadi sambil mengorek daki minyak dari saluran ekzos.

“Apa sebabnya bunyi ekzos ni kuat sangat, Pak Su?”

“Ni ha, besi penapis bunyi ni tertanggal sebab skrunya longgar. Penapis bunyi yang berlubang-lubang kecil inilah yang menapis enjin daripada berbunyi kuat. Kalau ia tertanggal, bunyinya membingitkan telinga.” Pak Su Hadi memasukan semula penapis bunyi berbentuk selinder, panjangnya kira-kira 20 sentimeter. Kemudian skru diketatkan.

“Polis tahan tak kalau dibiarkan bunyi motosikal ni meletup-letup?”

“Eh, ini satu kesalahan sebab ia boleh mengganggu pendengaran pengguna lain. Lagipun asap yang dikeluarkan tanpa penapis asap menyebabkan udara

kotor. Fik suka sedut udara kotor?"

"Eiii tak suka!"

Pak Su Hadi menghidupkan enjin. Tali minyak dipusing. Bunyi yang membingitkan tadi sudah tiada. Asap juga tidak banyak yang keluar. Pak Su Hadi puas hati. Enjin dimatikan.

Sebaik sahaja enjin dimatikan, seorang lelaki bermotosikal membelok ke halaman rumah. Badannya agak sasa, berkulit agak kehitaman. Dia berhenti sebaik sahaja aku dan Pak Su Hadi memerhatikannya.

"Eh Di, bapak engkau ada?" Kata lelaki itu. Suara agak meninggi.

Pak Su Hadi senyap. Dia seperti tidak mendengar. Sebaliknya pula mengumpul sepana yang digunakan tadi. Tangannya yang berminyak dilap dengan tuala kecil.

"Eh, Di! Kau dengar aku tanya?" Lelaki itu bersuara lagi. Kali ini suaranya semakin tinggi.

Aku yakin, Pak Su Hadi tidak gemar dengan cara lelaki itu bertanyakan datuk. Tidak bersopan langsung. Sebab itulah Pak Su Hadi berpura-pura tidak mendengar.

Aku sendiri, kalau orang bertanya tidak mahu bersopan, aku tidak akan jawab. Biar orang yang menanya sedar, mahu bertanya mesti bersopan santun.

"Entah, katanya ke balai polis!"

"Ha! Balai Polis?"

Tanpa berlengah, lelaki itu terus memecut motosikalnya menuju ke jalan raya. Kemudian terus menghilang.

Aku dan Pak Su Hadi berpandangan.

Bab 4

**MAJU
TAPI HIJAU**

HATIKU berasa lapang apabila melihat halaman rumah datuk yang luas. Berbanding dengan halaman rumahku di Kuala Lumpur, tidak sebesar mana. Keluar sahaja pintu rumah, tempat letak kereta. Hanya sedikit sahaja tempat lapang untuk bermain. Di kiri dan kanan, pintu pagar rumah jiran.

Matahari sore, walaupun bersinar cerah tetapi dilindungi awan. Halaman rumah datuk, redup. Angin pula berpuput lembut, terasa menyegarkan.

Daripada rumput-rumput kering yang ada disudut halaman, aku yakin kawasan itu baru semalam ditajak. Hanya tinggal sedikit sahaja lagi. Datuk yang berseluar panjang, berbaju T biru asyik menajak rumput di sudut halaman.

Pak Su Hadi dengan parang panjang, menebas pokok senduduk yang bersempadan dengan lot tanah jiran sebelah. Aku cuba memasukkan rumput-rumput yang baru ditajak datuk ke dalam pungkis.

"Rumput yang baru ditajak ni, jangan dikumpulkan dulu. Biarkan kering. Fik kumpulkan rumput-rumput yang semalam datuk tajak. Tu ha yang bersepah." Datuk menuding rumput-rumput yang semalam ditajak.

Aku memasukkan rumput-rumput kering ke dalam pungkis. Aku berhajat untuk mengumpulkan rumput kering itu, kemudian membakarnya. Pungkis yang sudah penuh, aku angkat dan membuangnya di atas lubang yang disediakan.

"Atuk nak bakar rumput kering tu?" Aku bertanya kepada datuk sebaik sahaja, aku longgokan rumput-rumput kering itu.

"Atuk nak timbus saja. Jangan bakar!" Datuk berhenti menajak. Peluh sudah mengalir di dahi. Datuk mengesat dengan tuala kecil yang tersangkut di bahu.

"Kenapa tak bakar? Kan senang?"

"Salah membakar sampah secara terbuka. Asapnya boleh mencemarkan alam," beritahu datuk sambil meneruskan menajak.

Tiga ekor ayam betina dengan anak-anak ayam kira-

kira sepuluh ekor sebesar sekepal penumbuk berebut-rebut mencari rezeki. Ayam-ayam itu berkerumun di tempat datuk menajak.

"Mana ada orang nak datang periksa kita bakar sampah tuk?" Aku sengaja menguji datuk. Sebenarnya aku juga tahu. Membakar sampah secara terbuka memang salah.

"Kita tak boleh fikir begitu. Kita mahu sedut udara bersih setiap hari, tapi kita sendiri yang mencemari alam, macam mana?" ujar datuk sambil menghabiskan kerjanya,

Dia meninggalkan tempat yang baru ditajak tadi, Tajak dibawa bersama. Datuk menghala ke bangku panjang di bawah pokok ketapang. Di situ datuk selalu berehat-rehat waktu petang.

Aku mengekorinya.

"Masa Fik ke rumah Bad pagi tadi, Fik tengok ramai suri rumah bersihkan kawasan rumah. Ada apa Tuk?" Aku duduk di bangku panjang sebaik sahaja datuk duduk.

"Sekarang ni sedang berlangsung pertandingan kampung terbersih dan tercantik peringkat daerah. Tak lama lagi ahli jawatankuasa pertandingan akan datang ke kampung ini membuat penilaian. Mana-mana kawasan rumah yang bersih dan cantik akan menerima hadiah. Jika kampung ini bersih dan cantik, juga akan menerima hadiah," ujar datuk sambil mengesat peluh di dahi.

"Tentu lumayan hadiahnya jika menang peringkat daerah ya tuk?" Aku memandang wajah datuk. Walaupun usianya sudah mencapai enam puluh tahun tetapi datuk masih sihat dan cergas bekerja.

"Memang lumayan. Jika menang peringkat daerah, pemenang akan menerima wang tunai RM 1,000, projek bernilai RM 15,000, piala pusingan dan sijil penghargaan." Datuk membuka penutup botol plastik berisi air masak. Nenek sudah sediakan sejak tadi.

"Kalau peringkat negeri pula, berapa pula hadiahnya Tuk?"

"Lagi lumayan. Kalau menang peringkat negeri, hadiahnya wang tunai RM 5,000, projek bernilai RM

50,000, piala pusingan dan sijil penghargaan." Datuk menuang air ke dalam gelas, kemudian dihirup perlahan-lahan.

"Sebab itulah ramai penduduk di kampung ni bersungguh-sungguh membersihkan kawasan rumah masing-masing. Kalau kampung ini menang, mereka juga dapat faedahnya. Betul tak Tuk?"

"Betullah tu. Kalau menang di peringkat negeri, layak pula untuk ke peringkat kebangsaan. Kalau menang peringkat kebangsaan, hadiahnya wang tunai RM 20,000, projek bernilai RM 30,000, piala pusingan dan sijil penghargaan. Kampung yang menang inilah yang layak dijadikan kampung contoh," Datuk menarik nafas yang masih turun naik menahan penat.

Dari jauh, aku lihat pokok senduduk yang ditebas Pak Su Hadi sudah hampir rata dengan tanah. Dia menghala ke tempat kami duduk apabila melihat aku dan datuk berehat di bangku panjang.

Sesampai sahaja Pak Su Hadi sampai, aku menghulurkan botol air kepadanya. Dia segera mencapai. Barangkali terlalu dahaga kerana banyak keringat yang keluar.

"Kampung ni ada harapan menang peringkat daerah tak, Tuk?" Aku memandang wajah datuk. Datuk tersengeh.

"Bukan senang nak menang. Setakat bersih saja tak cukup. Banyak lagi perkara yang perlu diambil perhatian," jelas datuk.

"Contohnya?"

"Selain bersih, aspek lain perlu diambil kira seperti kemajuan kesihatan, aktiviti kepimpinan dan kemasyarakatan, keindahan kampung dan kegiatan pertanian serta perusahaan kecil."

"Kalau nak menang, setiap penduduk kampung mesti berganding bahu. Pelbagai kegiatan perlu diadakan. Tak begitu Tuk?"

"Betul Fik. Tak lama lagi, kampung ini akan mengalami perubahan?" ujar datuk sambil menyeka sisa

keringat di muka. Baju T yang dipakai masih basah.

"Perubahan apa ayah?" Pak Su Hadi yang sejak tadi senyap, tiba-tiba sahaja mencelah.

"Tak lama lagi, dekat kampung kita ni akan didirikan kilang. Tapi nampaknya ramai yang tidak setuju." Datuk membersihkan sisa tanah di hujung kaki seluarnya.

"Di mana kilang yang nak didirikan tu, Tuk?" Aku tidak pasti kerana agak jarang kilang didirikan di kampung.

"Masa Fik datang ke sini semalam, Fik nampak tak ada orang pegang poster dan sepanduk di jalan nak masuk ke kampung ini?"

"Jadi, orang yang berkumpul-kumpul tu membantah kilang yang nak didirikan tu?" Kini baru aku tahu perkara sebenar yang menjadi tanda tanya dalam fikiranku.

"Memang patut pun mereka membantah projek kilang di situ, ayah." Pak Su Hadi bersuara. Aku memandang wajahnya.


"Kenapa pulak mesti membantah?" Tanyaku.

"Kita bukan tak tahu. Projek perkilangan tu nanti akan mencemarkan alam sekitar kampung ini. Tak begitu ayah?" Pak Su Hadi memandang wajah datuk.

"Sebenarnya ada baik dan buruknya kilang itu didirikan di situ. Baiknya kilang itu akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada belia-belia di kampung ini. Keduanya, akan mengurangkan kesesakan lalu lintas di bandar, jika kilang-kilang didirikan berhampiran kampung-kampung," terang datuk.

"Buruknya pula, selain mencemarkan alam sekitar. Kesihatan penduduk kampung ni pasti terjejas dengan sisa buangan kilang itu nanti," balas Pak Su Hadi yang berasa tidak setuju kilang didirikan berhampiran kampung ini.

"Begini Hadi. Kita mesti berfikir dari segi faedahnya. Sebelum sesebuah projek perkilangan itu didirikan, kelulusan perlu diperolehi daripada Ketua Pengarah, Jabatan Alam Sekitar," jelas datuk lagi. Aku fikir, Pak Su



Hadi lebih maklum perkara ini.

“Kalau benar kelulusan diperolehi, kenapa masih ada kilang yang melanggar Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974?” Pak Su Hadi cuba mempertikaikan.

Perkara ini samalah dengan penguatkuasaan undang-undang. Tidak bermakna bila dikuatkuasakan, semua orang mahu mematuhi. Ramai juga yang melanggar undang-undang, walaupun mereka tahu itu salah!”

Pak Su Hadi senyap seketika. Kata-kata datuk memang ada benarnya.

“Kalau tak silap saya, ayah, di Negeri Sembilan 50 kilang dan di Selangor 25 Kilang dihadapkan ke Mahkamah kerana melanggar Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.” Ujar Pak Su Hadi. Sebagai mahasiswa Pengajian Sains dan Alam Sekitar, tentunya dia peka dengan keadaan ini.

“Dalam zaman sekarang, projek pembangunan harus seimbang dengan pemeliharaan alam sekitar. Contohnya kerajaan Selangor tetap memelihara alam sekitar dalam merancang program pembangunan agar mutu hidup rakyat tidak terjejas. Untuk itu konsep maju tetapi hijau diperkenal sebagai falsafah pembangunan negeri,” jelas datuk.

“Tetapi di negara Barat ayah, nyata konsep maju dan hijau tidak dapat berjalan seiring kerana pesatnya pembangunan industri. Akibatnya kehijauan alam telah dikorbankan kerana maju dan hijau, dua unsur yang bertentangan,” Pak Su Hadi seperti musykil.

Sebagai orang yang tidak banyak pengalaman, aku hanya mendengar. Ayah dengan Pak Su Hadi seperti sedang berdebat, dan aku berlagak sebagai pengadil.

“Apa yang berlaku di negara Barat bukan bermakna tidak boleh dilakukan di sini. Sebenarnya negara Barat maju dengan tidak mempedulikan soal kehijauan sedangkan di negara kita sedang membangun dan menuju ke arah kemajuan, belum terlambat untuk menggandingkan kedua-dua unsur ini. Maksudnya

apabila sesuatu kawasan itu dimajukan, proses menghijaukan semula alam sekitar perlu dilakukan serentak." Tegas datuk panjang lebar seperti sedang berceramah.

"Kalau begitu, saya percaya falsafah maju tapi hijau akan dapat disebar luaskan ke seluruh negara," Pak Su Hadi seolah olah sudah memahami hujah datuk.

"Tapi setakat konsep dan falsafah saja tak cukup jika kesedaran rakyat untuk membantu memelihara alam sekitar tidak digembelengkan," tegas datuk.

"Rakyat harus sedar, menjaga, menjaga kehijauan bukan di tangan pemimpin saja. Pembangunan tidak akan memberi makna apa-apa jika kesihatan rakyat sendiri terjejas," tegas Pak Su Hadi.

"Sebab itulah segala langkah penguatkuasaan diperketat ditambah pula usaha giat menghijaukan setiap pelusuk negeri sebagai menampung pembangunan yang banyak meranapkan hutan," ujar datuk lagi.

"Kita hidup ni kan Tuk, saling memerlukan. Pembangunan alam sekitar dan fizikal mesti sama rata. Barulah hidup bermakna," ujarku. Datuk senyum memandang wajahku.

"Hmmm pandai cucu Atuk." Datuk menepuk-nepuk bahu. Aku tersenyum. Pak Su Hadi turut tersenyum.

"Sekarang ni Tuk, di sekolah-sekolah sudah ditubuhkan Kelab Pencinta Alam. Kalau dulu aktiviti terhad di dalam kelas tetapi sekarang Persatuan Pencinta Alam berusaha membawa ahli Kelab Pencinta Alam ke hutan atau tempat-tempat hutan bakau untuk melihat sendiri hidupan liar serta burung-burung," ujarku yang menjadi ahli Kelab Pencinta Alam di sekolah.

Cikgu Athan yang menjadi pengerusi Kelab Pencinta Alam di sekolah memberitahu, hujung tahun nanti ahli-ahli kelab akan dibawa melihat Taman Hutan Bakau di Kuala Selangor. Sekarang aku berada di daerah ini. Rasanya aku ingin pergi dahulu sebelum ahli-ahli lain mengunjunginya tetapi aku sendiri tidak tahu di mana

letaknya Taman Hutan Bakau itu.

Aku ingin mengajak Pak Su Hadi, tetapi aku rasa dia hanya sekejap sahaja di kampung. Esok petang dia akan balik semula ke Serdang.

“Bagus tu, pelajar-pelajar sekolah memang digalakkan untuk mengenali lebih dekat alam sekeliling kita. Secara tak langsung, cara ini sedikit-sebanyak akan menanam asas kecintaan untuk memelihara alam sekitar,” tambah datuk.

Sedang kami berbual-bual, sebuah motosikal seperti mahu membelok ke halaman rumah tetapi tidak jadi. Penunggang itu seperti meninjau-ninjau.

Aku cam motosikal yang dinaiki itu, sama dengan motosikal anak muda yang bertanya aku ketika aku pulang dari rumah Badrul pagi tadi. Aku percaya, dia juga orang yang sama. Tapi apa yang dia mahu?

“Ingat lagi tak Fik? Pagi tadi ada orang jumpa Atuk. Dia bagi tahu, ada orang luar selalu berlegar-legar di kampung ni. Kadang-kadang waktu siang. Kadang-kadang malam,” beritahu datuk tiba-tiba.

“Orang luar?”

Bab 5

**TAMU TAK
DIUNDANG**

“CIKGU tak boleh buat keputusan sendiri!”

Datuk menopang dagu. Janggutnya yang sejempit diusap-usap. Malim hanya memerhatikan. Kipas di siling berputar ligat. Meskipun waktu malam, kehangatan masih terasa. Baru aku teringat, siang tadi cuaca panas sekali. Haba panas barangkali belum diserap oleh daun-daun.

Aku yang duduk di lantai, kira-kira lima meter di ruang tamu sesekali menjeling wajah Malim. Lelaki berusia dalam lingkungan empat puluhan itu.

Meskipun peti tv di depan mata, rancangan Hiburan Malam Minggu yang disiarkan secara langsung tidak menarik perhatianku. Aku lebih tertarik mendengar perbualan datuk dengan Malim. Hanya Pak Su Hadi sahaja yang terpaku di depan peti tv.

Nenek masih di dapur. Setelah menyediakan air teh dan keropok goreng untuk tetamu yang tidak diundang itu, nenek kembali ke dapur. Dari ruang tamu sesekali kedengaran nenek mencuci pinggan selepas makan malam.

“Keputusan apa ni, Malim?” Datuk bersuara lembut. Dipandang wajah Malim dalam-dalam. Datuk seperti dapat membaca apa yang berada di dalam hati Malim. Tetapi aku tahu, datuk sengaja bertanya.

“Cikgu macam tak faham apa yang berlaku sekarang?” Suara Malim agak meninggi. Aku menumpukan perhatian kepada perbualan datuk dengan Malim dari jauh.

“Bertenang Malim. Aku faham apa maksud kau Malim? Aku belum buat keputusan dan keputusan bukan di tangan aku. Kamu semua yang akan menentukan keputusan,” ujar datuk. Sebagai ketua kampung, menghadapi hal-hal begini memang biasa bagi datuk.

Menurut datuk, jika ada sesuatu projek pembangunan dibawa ke kampung, sudah pasti ada orang akan membantah. Bantahan mereka bukan diterima atau ditolak bulat-bulat.

Kata datuk, semasa jalan raya hendak dibina, keadaan yang sama juga berlaku. Ini bermakna ada pokok-

pokok buahan kepunyaan penduduk terpaksa menjadi korban.

Datuk memang maklum dengan perkara seperti ini. Setiap apa yang dilakukan, ada yang menyokong dan membantah. Kepintaran datuk menyelesaikan masalah, memang dikagumi. Sebab itulah datuk dilantik menjadi ketua kampung apabila ketua kampung sebelum ini meninggal dunia kerana sakit lemah jantung.

"Saya tak faham, apa maksud cikgu?" Malim menyilangkan kaki kanan ke atas kaki kiriya. Dia menyandar ke sofa.

"Dengar sini Malim. Keputusan membenarkan mendirikan kilang di jalan masuk ke kampung kita ni masih dalam penilaian beberapa pihak," ujar datuk mula memberikan penjelasan.

"Kami ada kuasa untuk membantah! Bukan kami tak suka kilang didirikan berhampiran kampung ni, tapi kita kena fikir kesannya!" Suara Malim meninggi. Dia memerhatikan sekitar. Sesekali memandang ke kaca tv.

"Kesannya itulah yang sedang dikaji oleh Pejabat Daerah, Jabatan Alam Sekitar dan pihak-pihak yang terbabit. Kalau Jawatankuasa Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling membenarkan projek pembangunan itu, apa kita nak buat?" Datuk mengharapkan pengertian Malim.

"Pembangunan apa cikgu kalau alam sekitar kita tercemar? Setiap masa kita akan menghidu bau busuk, setiap hari menyedut asap kotor, setiap ketika diganggu bunyi bising?" Malim seperti merungut. Dia menggoyang-goyangkan kepala.

Datuk mempelawa Malim minum. Lelaki itu hanya mengangguk. Datuk mencapai cawan dan meneguknya. Kemudian cawan itu diletakkan di atas piring.

"Kita kena fikir, tidak semua kilang itu mencemarkan alam. Sekarang ini macam-macam undang-undang dikuatkuasakan untuk memelihara alam sekitar. Pihak pengurusan kilang tak boleh berbuat sesuka hati." Datuk cuba memberi penjelasan kepada Malim. Tetapi dari

gaya Malim, aku beranggapan lelaki itu seorang yang keras hati.

"Kalau sebut saja kilang ni cikgu, semuanya memang mencemarkan. Kita baca saja surat khabar hari-hari, di mana-mana kilang mencemarkan alam sekitar, sama ada sungai, udara atau kawasan perumahan," tegas Malim yang masih tidak mahu berlembut.

"Ada juga kilang yang kurang mencemari alam seperti kilang berteknologi tinggi. Lagipun kerajaan sedang berusaha membina tempat-tempat pembuangan sisa industri ini. Kita tak perlu bimbang, Malim!"

"Yalah kita belum merasai kampung kita terancam pencemaran alam, kalau kita pernah merasa seperti yang berlaku di sesetengah tempat, terpaksa menggunakan penutup hidung, tidur dalam keadaan badan gatal akibat habuk kuari dan menghidu bau busuk akibat buangan sisa kilang, barulah kita tahu betapa siksanya hidup kita..." Malim mencapai cawan. Perlahan-lahan dia menghirup air teh.

"Mudah-mudahan kita tidak mengalami keadaan seperti itu, Malim. Begini sajalah, kau dan kawan-kawan kau tu hentikan saja berpiket tiap-tiap petang tu. Tak ada gunanya?" Datuk seperti tidak mahu bercakap panjang kerana segala keputusan masih dalam kajian.

"Cikgu mengugut?" Malim seperti ingin bingkas. Tetapi dia duduk semula. Mungkin dia menyedari di hadapannya ketua kampung, bukan rakan-rakannya.

"Aku tak mengugut, Malim. Kalau aku biarkan, orang akan kata aku tak ambil tahu hal anak buah aku!" Suara datuk menampakkan ketegasan.

"Kami mahu suara kami diberikan perhatian! Kami penduduk asal kampung ini tidak mahu ketenteraman kampung ~~kami~~ diganggu-gugat!" Suara Malim jelas meninggi. Tidak menghormati orang yang berada di depannya.

"Engkau tau tak, perbuatan kau dan kawan-kawan kau tu memalukan kita sendiri. Masalah ini boleh diselesaikan di meja rundingan bukan dengan tunjuk

perasaan meminta simpati orang?" Datuk bertegas. Datuk tidak mahu kewibawaannya dipertikaikan oleh anak-anak buahnya.

Malim senyap. Dia menggaru-garu kepalanya beberapa kali. Dia tunduk memandang lantai. Tentunya dia menjadi wakil kepada kunci-kuncunya menemui datuk. Aku masih ingat, lelaki itulah yang marah-marah bertanyakan datuk pagi tadi ketika aku dan Pak Su Hadi membetulkan ekzos motosikalnya. Lagaknya sungguh kurang sopan.

Bila sebut saja, datuk ke balai polis, lelaki itu terus beredar.

"Kalau kami tetap teruskan niat kami, cikgu nak buat apa?" Malim seperti mencabar. Dia seolah-olah hilang pertimbangan untuk berfikir secara waras.

"Jangan melawan api, Malim. Kalau kita tidak dapat memadamkan, kita akan padam!" Datuk seperti berfalsafah. Bagi Malim, mungkin kata-kata itu tidak bermakna.

Datuk menggeleng seketika. Barangkali kesal dengan sikap Malim yang tidak mahu mengerti.

"Jadi datuk ke balai polis, supaya polis tangkap kami kalau terus berpiket?"

"Aku bukan kejam, suruh polis tangkap tanpa soal siasat. Sebagai langkah berjaga-jaga. Aku tak mahu ada orang ambil kesempatan dalam keadaan keruh seperti ini." Tegus datuk sambil menarik nafas panjang.

Aku lihat nenek masuk ke ruang tamu. Duduk di lantai, agak jauh dariku. Pandangannya di hala ke kaca tv.

Malim senyap. Dia seperti tidak tahu apa yang harus dilakukan lagi.

"Dengar sini Malim. Kilang yang nak didirikan tu bukan kilang kelapa sawit, juga bukan kilang getah tetapi kilang yang dikenal pasti tidak memberikan pencemaran yang ketara," ujar datuk dengan harapan Malim dapat menerima pandangan datuk.

"Macam nilah, cikgu. Saya dah kutip tandatangan

penduduk kampung ni. Mungkin dalam sehari dua ni, saya dapat serahkan pada datuk. Saya harap datuk dapat bawa perkara ini ke tengah. Kami ada hak untuk membantah, cikgu?" Suara Malim agak menurun, tidak meninggi seperti tadi.

"Sebenarnya Malim. Projek pembinaan kilang itu baru cadangan. Belum diputuskan lagi. Kalau ramai penduduk membantah dengan alasan yang munasabah, mungkin projek itu tidak dilaksanakan. Tapi kalau pihak berkuasa merasakan kilang itu perlu didirikan kerana memberikan manfaat kepada penduduk, kita kena terima, Malim," jelas datuk lagi.

Malim senyap. Dia berasa sudah agak lama menghadap muka datuk, tetapi aku yakin, datuk tidak berasakan itu masalah besar. Untuk mewujudkan kilang berhampiran kampung, bukan tanggungjawab datuk seorang.

"Lagipun Malim, kerajaan akan bertindak tegas ke atas mana-mana kilang yang membuang sisa kilang tanpa mengikut undang-undang kerana ia boleh menjejaskan alam sekitar di samping membahayakan orang ramai," jelas datuk memberi keyakinan. Datuk seperti sudah lama melayan Malim. Tetapi Malim masih belum beredar. Sedang Malim senyap. Di halaman terdengar bunyi motosikal. Sebentar kemudian enjin motosikal dimatikan.

"Assalamualaikum." Satu suara memberi salam.

Datuk menjawab salam. Dia bingkas keluar dari ruang tamu menghala ke beranda. Malim turut bingkas, menuju ke beranda. Aku masih duduk tidak bergerak.

"Ada apa ni, Leman?" Tanya datuk kepada suara yang memberi salam.

"Ni cikgu. Sood kena humber dalam parit dekat simpang sana tu. Kita orang nampak ada dua orang tolak dia dalam parit. Lepas tu, orang tua lari naik motosikal. Saya cuba kejar tapi mereka lagi laju!" beritahu lelaki yang bernama Leman itu.

"Siapa Sood tu, Pak Su?" Aku mencuit bahu Pak Su Hadi. Aku yakin, dia ada mendengar perbualan itu.

“Sood tu, orang gila tulah...,” ujar Pak Su Hadi selamba seperti tidak mahu ambil tahu.

Orang gila? Ketika ini aku cuba mengingatkan akan wajah orang yang tidak siuman siang tadi sewaktu aku berbasikal ke rumah Badrul. Kenapa orang itu dihumban ke dalam parit? Tak berperikemanusiaan langsung sesama manusia, getus hatiku.

Aku bingkas, menghala ke beranda. Di halaman, tercegat seorang lelaki. Malim masih tercegat di sisi datuk.

Di mana Sood sekarang?”

Ada di rumah Pak Imam, cikgu. Kebetulan Pak Imam lalu,” jelas lelaki yang membawa khabar itu.

“Tak apalah cikgu, saya balik dulu.” Malim menyalami datuk. Dia menuruni anak tangga.

“Tak apalah, Leman. Esok aku cuba siasat perkara ni.” Janji datuk. Leman menghidup enjin motosikal. Malim juga menghidup enjin motosikal. Mereka beredar serentak.

Aku lihat datuk seperti mengeluh. Kadang-kadang aku kasihan dengan datuk. Sepatutnya masa bersara inilah waktu untuk berehat dan memenangkan fikiran tetapi tidak pada datuk.

Menurut datuk, semasa masih dalam perkhidmatan perguruan, memang ramai orang kampung meminta bantuan kepada datuk. Datuk yang memang ringan tulang, tidak keberatan membantu.

“Kasihan datuk. Tak habis-habis orang mengadu masalah,” ujarku sambil memandangi wajah datuk. Walaupun sudah bersara sebagai guru besar tetapi panggilan ‘Cikgu’ masih melekat di bibir penduduk kampung.

“Manusia ni macam dunia ini juga. Selagi bernyawa selagi itu ada masalah. Selagi alam ini berputar selagi itu kerosakan berlaku,” kata datuk sambil melangkah ke ruang tamu. Aku mengekori.

Bab 6

**KENANGAN
YANG MANIS**

MUNGKIN kerana suasana bukit yang menghijau, sayup berbalam dari kejauhan terutamanya pada waktu pagi, kampung ini dinamakan Kampung Bukit Hijau. Aku tidak pernah bertanyakan kepada datuk, bagaimana kampung ini mendapat namanya. Tetapi dari suasana dan persekitaran, memang sesuai kampung ini dinamakan Kampung Bukit Hijau.

Ada sungai, ada bukit, ada hutan kecil, suasana tenang sebeginilah, jauh dari kebisingan menjadi impian semua orang. Tetapi tidak semua orang dapat menikmati nikmat hidup seperti ini. Aku bersyukur kerana masih mempunyai datuk. Sekurang-kurangnya dapat juga menikmati suasana seperti ini walaupun tinggal di bandar besar.

Pagi itu seperti dijanjikan, aku dan Badrul sudah sampai di rumah. Asalnya kami mahu memancing tetapi niat itu kami batalkan.

"Macam mana kalau kita jalan-jalan di pinggir hutan sana. Cikgu Fik kata, kalau kita nak kenal alam, tidak cukup dengan hanya melihat gambar atau penerangan saja. Kalau berpeluang, lebih baik melihat sendiri," ujarku kepada Badrul.

"Bagi Bad yang tinggal di kampung, tak jadi masalah. Kadang-kadang, kami ahli pengakap kerap membuat perkhemahan di tempat-tempat seperti ini," kata Badrul,

"Kalau macam tu, apa kata kita pergi sekarang?" Aku sudah bersiap. Berkasut getah, berbaju T lengan panjang dan bertopi.

Tanpa berlengah, aku membonceng basikal yang dikayuh oleh Badrul. Dalam perjalanan, aku sudah terbayang-bayang habitat semula jadi yang cukup menarik. Apabila persekolahan dibuka semula, tentu ini satu pengalaman menarik yang akan aku ceritakan kepada kawan-kawan.

Di antara mereka tentu ada yang menggigit jari kerana asyik mendengar ceritaku ini. Biarlah mereka bercuti ke luar negara, aku lebih suka bercuti dalam negeri

sendiri. Biar hujan emas di negara orang, aku lebih suka hujan batu di negeri sendiri, fikirku.

Aku akan bercerita bagaimana aku melihat lebih dekat serangga kayu, mentadak mentadu, kumbang badak sumbu, cengkerik, kumbang belali, riang-riang dan banyak lagi.

Aku juga akan bercerita tentang burung kelicap yang bergerak pantas dan berwarna-warni, burung pipit yang suka memakan biji benih tumbuhan, burung gembala kerbau yang memakan cacing tanah, serangga dan haiwan kecil.

Semua pengalaman ini bukan mudah untuk diperolehi selalu. Selain burung-burung, aku akan dapat melihat bagaimana sistem pembiakan pada tumbuh-tumbuhan berlaku. Tentunya lebah, kumbang dan rama-rama yang gemar hinggap pada bunga dapat dilihat dengan jelas membawa debunga yang melekat pada kaki atau mulut ke bunga lain.

Sementara di dalam hutan atau belukar pula aku pasti akan melihat kulat dan cendawan yang berbagai-bagai jenis dan bentuk. Ah, terlalu banyak yang hendak aku ceritakan.

"Fik, kita dah sampai," Badrul memberitahu sebaik sahaja basikal melalui lorong kecil. Aku melompat turun. Badrul menyorong basikalnya ke bawah pokok yang rendah.

Masuk sahaja ke hutan kecil itu, sudah terdengar kicau burung. Unggas hutan yang lain juga kedengaran. Tidak ketinggalan nyamuk juga berlegar-legar di cuping telinga.

"Cantik hutan kecil ni ya, Bad." Aku menghala ke satu tunggul kayu. Di situ banyak semut-semut hitam. Ada satu batang kayu reput tumbang di tepi tunggul kayu itu. Aku menterbalikkannya. Rupa-rupanya di situ anai-anai tinggal. Entah berapa ratus ekor anai-anai tidak tentu arah apabila tempat tinggal dirobek-robek.

"Memang cantik. Apa rasa Fik berada di tempat macam ni?" Badrul mendongak. Matahari cerah. Tiga ekor

burung kelicap terbang dari dahan ke dahan. Pada jambul berwarna merah, bulu dadanya kuning manakala kepak berwarna coklat kehitaman.

"Tenang, aman dan segar mata memandang bila melihat kehijauan. Hutan sebenarnya mengawal, memelihara dan melindungi air bersih. Hutan juga mengawal menstabilkan cuaca dan menghalang hakisan. Kayu hutan pula boleh dibuat perabut, ubat-ubatan, makanan, kertas dan macam-macam lagi," ujarku lagi.

"Tak sangka ya. Sekali lagi, hutan ni macam tak ada apa-apa; tapi kalau dikaji banyak hasil hutan ini memberi manfaat kepada manusia." Badrul mencabut satu anak pokok. Daunnya dicium. Tidak berbau apa-apa.

"Tapi sayangnya, manusia tidak menghargai hutan. Hutan ditebang sesuka hati sehingga gondol. Mujur juga di sini, hutan masih kekal," ujarku melangkah beberapa tapak lagi.

"Tempat kita berada ni, hutan kecil saja. Di belakang pokok ni, kalau dilakukan penebangan hutan, siapa tahu?" Badrul mencangkung, memerhatikan cendawan yang berwarna perang. Daunnya keras manakala pangkalnya berlumut dan licin.

"Bad, kau kata di sini ada anak sungai, tak nampak pun?" Aku memerhati sekeliling.

"Tak jauh dari sini, kira-kira 200 meter saja. Di sana banyak ikan. Itu dulu. Sekarang tak tahu, sebab dah lama tak pergi." Badrul yang berada dalam jarak sepuluh meter dariku menuding ke satu arah.

Tiba-tiba aku terdengar seperti ada orang lain berjalan di celah semak-semak, kira-kira lima meter dari tempat aku berdiri. Aku lihat Badrul leka menguis-nguis tanah, entah apa yang dicari.

Aku membalang ranting kayu ke arahnya. Badrul menoleh. Dia seperti terkejut kerana menyangka ranting kayu jatuh di sebelahnya.

"Bad ada dengar sesuatu tak?" Aku memasang telinga. Langkah orang berjalan dalam semak semakin jelas didengar.

Badrul senyap. Dia memasang telinga. Lama dia begitu. Aku cuba mendengar lebih teliti. Bunyi itu hilang. Senyap untuk seketika.

“Tangkap dia! Tangkap dia!”

Satu suara tiba-tiba memecah kesunyian. Sepantas kilat seorang lelaki meluru ke arahku. Seorang lelaki lagi meluru ke arah Badrul. Mereka menarik tangan kananku. Aku yang cuba melarikan diri, terjatuh.

Apabila terjatuh, tangan kiriku dilipat ke belakang. Begitu juga tangan kananku. Mereka mengheretku ke sebatang pokok sebesar paha. Kedua-dua tanganku diikat pada batang pokok. Aku cuba meronta-ronta, tetapi badan dua lelaki itu lebih sasa, tidak mampu aku melawannya.

Aku menoleh ke arah Badrul. Dia juga mengalami nasib yang sama. Tangannya diikat juga pada sebatang pokok, kira-kira jarak lima meter dari tempat aku diikat.

Dua lelaki yang mengikat aku dan Badrul tersengeh-sengeh. Kemudian mereka berbincang sesuatu. Aku dan Badrul berpandangan, tidak faham mengapa dengan tiba-tiba sahaja, kami diikat.

“Kita tinggalkan dia orang di sini sekejap. Aku yakin mereka takkan lepas. Kita jumpa boss. Lepas tu kita datang sini lagi. Baru kita tahu apa nak buat dengan ‘kera-kera’ ni!” Beritahu lelaki bermisai tebal itu kepada kawannya. Aku berasa terhina apabila mereka menganggap aku dan Badrul kera.

Tanpa berlengah, mereka beredar. Lagaknya mereka seperti sudah biasa dengan keadaan hutan di sini. Akhirnya mereka menghilang entah ke mana, mungkin berjumpa ketuanya.

“Apa ni, Bad?” Aku cuba melepaskan tali ikatan tetapi sia-sia kerana ikatan terlalu kuat.

Aku lihat Badrul juga berusaha untuk melepaskan ikatan tangan tetapi gagal. Dia seperti kesakitan. Beberapa ekor nyamuk singgah di pipiku. Aku tak boleh berbuat apa-apa, cuma menggerak-gerakkan kepala.

“Entahlah, aku sendiri tak tahu. Kenapa tiba-tiba saja kita diikat? Apa salah kita” Badrul seperti kesal dengan

apa yang berlaku.

Aku diam, tidak tahu apa hendak dikatakan lagi. Tidak disangka, begini jadinya. Kalau ini yang hendak aku ceritakan kepada kawan-kawan, mungkin mereka akan mentertawakan. Tetapi sekurang-kurangnya pengalaman begini paling sukar hendak dialami.

Ketika ini, aku teringatkan Yogeswaran. Mungkin dia dalam keadaan seperti aku. Tangan diikat. Yoges, di manakah kau sekarang? Sudah dibebaskan atau belum? Hatiku bertanya-tanya sendiri.

Oh Tuhan, selamatkanlah aku dari kejadian yang tidak diinginkan. Aku berdoa dalam hati, moga-moga Tuhan memperkenankan permintaanku.

Aku diculik? Untuk apa? Masakan tak ada apa-apa sebab, aku diculik. Setahuku, aku tidak ada musuh tapi kenapa aku diperlakukan begini?

Aku tidak dapat hendak bayangkan sekiranya aku tidak pulang ke rumah, sudah pasti datuk akan mencari merata-rata tempat. Tapi ke mana datuk hendak mencari?

Salah aku kerana keluar dengan Badrul tidak memberitahu datuk atau nenek. Baru sekarang aku sedari kesilapanku. Kalaupun aku tidak balik, mereka akan mencari aku di sini jika aku memberitahu keinginanku sejak awal.

Aku mendongak. Matahari betul-betul tegak di atas kepala. Tetapi oleh kerana pokok-pokok hutan tinggi dan daunnya rendang, kepanasan tidak terasa malah sinarnya hanya dapat dilihat dari celah-celah daun.

Seekor burung hinggap pada satu ranting. Aku memerhatikan. Burung itu meniti ranting itu hingga ke hujung. Tiba-tiba kedengaran bunyi berdecit. Aku fikir tentunya anak-anak burung riang kerana ibunya pulang membawa makanan.

Ketika ini aku teringatkan ibu yang menyediakan makan tengah hari. Sebaik sahaja pulang dari sekolah, ibu dan dua adikku sudah sedia menunggu di meja makan.

Aku yakin, ketika ini mereka sedang makan tengah hari. Sayang, aku tidak bersamanya. Kalau ibu tahu aku

sedang diikat kedua belah tangan didalam hutan kecil ini, tentu ibu menangis. Seperti juga dengan ibu burung itu, akan sedih apabila pulang mendapati anak-anaknya tidak ada dalam sarang.

Aku menarik nafas panjang. Ketika ini aku benar-benar insaf. Rasa bersalah kerana tidak menjaga diri baik-baik sehingga menerima nasib seperti ini. Kalau ayah tahu, aku pasti, lain kali ayah tidak akan benarkan aku datang sendirian ke rumah datuk.

Aku tidak henti-henti berdoa kepada Tuhan semoga aku diselamatkan. Tetapi siapa yang mahu menyelamatkan aku? Di sini tidak ada sesiapa kecuali, aku. Badrul dan dua lelaki tadi. Tidak mungkin dua lelaki tadi mahu membebaskan aku. Mereka mengikat aku dan Badrul di sini mesti ada sebabnya.

"Eh, Fik! Kenapa Fik diam? Fik nangis ya?"

Suara Badrul mengejutkan aku dari lamunan.

"Taklah." Aku menoleh ke arah Badrul.

"Ya, kalau tak, kenapa Fik senyap?"

"Anak lelaki mana boleh nangis? Anak lelaki mesti berani, mesti tabah!" ujarku sambil membetulkan tempat duduk. Tanah yang aku duduk terasa lembab. Kalaulah ketika ini ada ular menyusur, sudah pasti aku dipatuknya kerana tidak dapat lari.

"Apa yang Fik fikirkan tadi?"

"Tak ada apa. Fik teringatkan macam mana kalau Fik ada kuasa sakti. Fik boleh cairkan tali yang mengikat tangan Fik ini. Kemudian Fik akan lawan dua lelaki tadi!" Aku bersemangat bersuara. Aku berbuat demikian untuk menghilangkan rasa sedih dan takut.

"Kau jangan main-main, Fik. Aku tanya sungguh-sungguh ni!" Suara Badrul seperti orang marah.

"Kenapa? Kau takut?" Tanyaku semula.

"Ha takut? Bagus! Kalau takut kenapa datang sini?" Tanpa aku sedar, kedua-dua lelaki tadi menghampiri. Seorang berdiri di hadapan Badrul. Seorang lagi berdiri, bercekak pinggang di hadapanku.

Aku lihat matanya bulat menyinar. Misainya garang.

Di tangan kanannya ada sebatang kayu panjang kira-kira satu meter, besarnya sebesar kayu hoki.

"Apa tujuan abang buat saya dan kawan saya macam ini? Apa salah kami?" Aku memberanikan diri bertanya.

"Tak salah? Eh, baik beritahu kami, apa awak buat datang sini?" lelaki di hadapanku ini menguis-nguiskan kayu di tangannya ke hujung kakiku.

"Saya tak buat apa-apa. Saja jalan-jalan di sini, salah?"

"Memang salah! Ini tempat kami. Kau berdua datang sini nak mengintip ya? Cakap!" Lelaki itu membentak.

"Mengintip apa? Apa yang ada di sini? Ular dan lipan adalah..." Aku semakin berani. Semangat anak laki-laki seperti menguasai seluruh jiwaku.

"Buat-buat tak tahu. Kalau awak tak nak cakap, ni tengok kayu ni, Kalau hentak di kepala boleh putus tengkuk tau!" Lelaki itu seperti mengugut. Aku lihat Badrul seperti ketakutan. Wajahnya pucat.

"Cakap, apa kau berdua buat di sini?"

"Kami cari burung! Puas hati?"

"Kau masih nak tipu ya. Tak apa, kalau tak nak cakap. Nah rasakan!"

Sejenak aku terasa tengkuk aku sakit. Kepala berpinar-pinar. Satu hentakan kuat mengenai tubuhku.

"Tolong Bad, Tolong !!!" Aku menjerit kuat.

"Eh.... Fik. Kenapa terpekik terlolong malam-malam buta begini?"

Aku terasa tubuhku digoncang berkali-kali. Aku membuka mata. Samar cahaya lampu tidur memenuhi ruang.

Aku terasa tubuhku digoncang berkali-kali. Aku membuka mata. Samar cahaya lampu tidur memenuhi ruang.

Aku beristighfar berkali-kali.

"Itulah tidur tak nak basuh kaki." Pak Su Hadi memandang wajahnya.

Aku terpinga-pinga seketika. Nasib baik mimpi!

Bab 7

**DUA LELAKI
DI HULU SUNGAI**

MACAM mana, Fik?"

"Macam mana apa?" Aku sengaja bertanya walaupun aku tahu apa yang Badrul maksudkan.

"La...Fik kata nak pergi memancing!" Badrul tercegat di hadapanku. Di anak tangga, aku masih duduk menopang dagu.

"Di mana?" Aku seperti hilang semangat untuk memancing. Puncanya kerana mimpi malam tadi.

"Di hulu sungai, tepi bukit sana tu," Badrul menuding ke satu arah. Puncak Bukit Hijau nampak berbalam.

Aku mengeluh.

"Kenapa ni? Dulu bukan main beria-ia nak memancing, sekarang?" Badrul menyeluk kedua belah tangan ke dalam poket seluar.

Bad, apakah perlu ceritakan mimpiku malam tadi? Aku yakin, kalau aku ceritakan, engkau akan tertawakan aku. Alah... mimpi macam tu pun kau percaya. Mimpi kan mainan tidur! Mungkin itulah yang akan kau katakan padaku, Bad.

Datuk kata, mimpi yang baik datangnya dari Allah. Mimpi yang buruk, hanyalah mainan syaitan. Mimpiku malam tadi, mimpi buruk, tentunya dari syaitan, fikirku.

"Eh, kenapa ni?" Badrul mencuit bahuku apabila melihatkan aku diam membatu. Barangkali dia geram kerana aku seperti tidak ambil peduli.

"Tak ada apa!" Selamba aku bersuara.

"Nak memancing tak ni?" Ujar Badrul seperti memberi kata dua.

Aku lihat pada basikalnya yang diletak di halaman, ada dua joran buluh panjangnya kira-kira satu meter lebih. Satu bungkusannya dalam plastik, mungkin umpan diikat pada hendal.

Aku masih berbelah bagi sama ada mahu memancing atau tidak. Aku berfikir sejenak.

Seorang pujangga pernah berkata, lebih baik memberikan pancing dan umpan daripada memberikan ikan kepada seseorang setiap hari.

Maksudnya jelas. Memberikan pancing dan umpan kan membuatkan seseorang itu berusaha setiap hari untuk mendapatkan ikan. Manakala memberikan ikan setiap hari, akan membuatkan orang berkenaan malas berusaha. Sebaliknya mengharapkan orang memberi bantuan setiap hari.

Sekarang, pancing dan umpan sudah di tangan. Kenapa tidak mahu memancing? Nak harapkan orang memberikan ikan, siapa yang mahu memberi?

"Okeylah. Kita memancing." Aku bersetuju walaupun sesekali mimpi malam tadi terbayang-bayang di ingatan. Biarlah, aku tidak akan ceritakan mimpiku itu pada Badrul.

Aku bingkas. Pagi, matahari bersinar cerah. Datuk ke balai raya. Katanya ada mesyuarat ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung. Pak Su Hadi ke pekan bersama kawannya. Yang tinggal hanya nenek.

Aku mendapatkan nenek di dapur. Nenek tidak banyak soal untuk mengizinkan asalkan tahu menjaga keselamatan diri. Aku terus mendapatkan Badrul. Di halaman, Badrul sudah mencapai basikal.

Tanpa membuang masa, aku membonceng basikal. Badrul mengayuh. Aku memegang joran buluh.

"Bad yakin, sungai tu ada ikan lagi?" Aku risau, pergi jauh-jauh, ikan tiada atau sungai dicemari. Sekarang ni pencemaran sungai berlaku di mana-mana.

"Sebelum ni memang banyak. Sekarang tak tahulah sebab dah lama Bad tak memancing di situ. Harap-harap adalah. Tak sia-sia," ujar Badrul. Rumah sudah ditinggalkan kira-kira seratus meter.

"Sekarang ni banyak sungai dah tercemar. Yang aku baca di akhbar, penempatan setinggian banyak mencemarkan sungai. Tengok sajalah Sungai Klang, Sungai Gombak, Sungai Ampang, Sungai Kayu Ara dan Sungai Damansara. Mereka membuang najis dan sampah sarap ke dalam sungai," ujarku. Aku tidak dapat gambarkan kalau aku diam di tempat seperti itu, tentu tidak selesa kerana keadaan yang kotor dan bau yang

kurang menyenangkan.

Sekolahku adalah di antara beberapa buah sekolah menengah yang dijadikan anak angkat oleh Jabatan Pengairan dan Saliran untuk membuat kajian mengenai tahap kebersihan sungai-sungai di ibu kota.

Walaupun aku tidak ikut serta tetapi daripada cerita kawan-kawanku yang membuat kajian mendapati sisa kumbahan menyebabkan air sungai mengandungi amoniakal nitrogen yang menghasilkan warna kuning dan bau busuk.

“Dahsyat juga mereka ya. Takkan mereka tak terfikir, perbuatan mereka tu mencemarkan sungai?”

“Mereka tahu, tapi kawasan setinggan tidak banyak kemudahan. Jadi mereka ambil jalan mudah. Tambah teruk bila kilang-kilang berhampiran turut membuang sisa kilang ke dalam sungai. Bayangkanlah binatang apa yang boleh hidup dalam sungai yang tercemar begitu?”

Basikal kami melewati beberapa buah rumah. Sekitaran bersih, bunga-bunga beraneka jenis dan rupa menghiasi halaman. Sebuah motorsikal datang dari arah belakang. Badrul mengetepikan basikal yang dikayuh.

“Jabatan Alam Sekitar, tak ada ambil tindakan?”

“Fik fikir ada. Tapi yalah, kalau tak silap Fik, di Selangor saja tahun lalu lebih 2,000 kilang haram wujud. Kilang-kilang inilah yang tidak memperolehi kelulusan. Akibatnya kilang-kilang ini membuang sisa buangan sesuka hati,” ujarku sambil membetulkan tempat duduk.

“Tak ada ke usaha-usaha untuk memulihkan sungai-sungai yang tercemar tu?” Badrul memperlakan kayuhan. Barangkali sudah penat.

“Ada. Minggu lepas Fik baca di akhbar. RM 35 juta diperuntukkan untuk memulihkan sungai di ibu kota sepanjang tahun lalu. Sebab itulah diadakan “Kempen Cintailah Sungai Kita” bertujuan untuk menyedarkan orang ramai betapa pentingnya memelihara sungai,” ujarku.

“Sayang ya, sepatutnya wang sejumlah itu boleh digunakan untuk tujuan pembangunan yang lain. Tetapi

kerana kita sendiri tiada kesedaran, sebenarnya wang itu adalah wang kita sendiri,"balas Badrul.

"Bad, jauh lagi ke?" Aku yang tidak biasa dan tidak pernah ke situ, berasakan sudah agak lama membonceng. Punggung terasa sakit kerana aku memang jarang membonceng.

"Dah hampir sampai ni,"

Badrul memperlambatkan basikal. Dia membelok ke satu lorong kecil. Akhirnya dia membrek dan memberhentikan basikal. Aku turun membawa joran.

Badrul meletakkan basikal pada sebatang pokok.

"Kita letakkan basikal di sini. Kita jalan kaki ke sana," Badrul mencapai umpan dalam bungkusan plastik.

Dia melangkah di hadapan. Aku mengekori. Lorong kecil itu seperti ada orang melaluinya. Rumput-rumput di tepi laluan itu seperti bekas dipijak.

"Kita memancing di sini sajalah. Kalau nak ke hulu, jauh lagi di sana." Badrul menuding ke satu arah. Pokok besar, disulami dengan pokok kecil di celah laluan itu.

"Tak kisahlah, asalkan dapat memancing." Ujarku tidak sabar untuk mencampak umpan ke dalam sungai.

Badrul menghampiri tebing sungai. Dia menjengah. Air sungai kotor. Tidak ada sampah sarap kerana tidak ada rumah berhampiran. Tetapi seperti ada cecair mengalir mengikut aliran sungai yang lesu.

"Kau tengok tu Fik. Macam sisa minyak aja." Badrul meminta joran yang ada padaku. Dia mencecahkan hujung joran buluh itu ke dalam sungai. Kemudian hujung joran itu diteliti. Dia memerhati dan mencuit cecair yang melekat di hujung joran.

"Yalah minyak. Siapa yang buang di sini?" Aku memandang Badrul. Dia memandang aku pula.

"Hairan juga ya. Nak kata ada kilang. Mana ada dekat hutan ni?"

"Betullah pencemaran sungai di negara ni semakin buruk. Habis sungai-sungai dicemar. Tak cukup di bandar, sungai di tepi hutan pun nak dicemar. Apa nak jadi?" kataku.

“Nasib baik di sini tak ada nelayan. Kalau ada tentu mata pencarian mereka terjejas. Kalau dah air sungai keruh, ada sisa buangan pulak tu, mana ada ikan nak hidup di sini? Dulu banyak ikan baung, ikan lampam, tapah dan seluang. Tapi Bad ingat, banyak ikan dah mati.”

“Sekarang ni kan Bad, bukan sungai saja yang dicemari malah lautan negara kita sering dicemari tumpahan minyak yang dibuang oleh mereka yang tidak bertanggungjawab,” ujarku.

“Kalau macam tu, ikan-ikan dan hidupan laut tentu mati juga, kan Fik?”

“Sudah tentu. Tumpuhan minyak akan menutup permukaan lautan. Ini menyebabkan terhalang sinaran matahari. Akibatnya oksigen yang diperlukan oleh hidupan laut tidak dapat diterima. Kalau tak silap Fik, minyak yang dibuang tu mengandungi hidrokarbon iaitu bahan beracun yang boleh membunuh hidupan laut,” terangku setakat yang aku tahu.

“Tak bolehkah dielakkan tumpahan minyak di laut tu?”

“Sukar, kerana pelanggaran kapal sukar di jangkakan apa lagi jika terlanggar batu karang.”


“Kalau beginilah keadaan hidup ini. Macam manalah kita nak hidup sejahtera? Di darat, udara kita tercemar, di laut dan sungai juga tercemar?”

“Semua perkara-perkara ni Bad, boleh dielakkan kalau setiap kita mempunyai kesedaran. Seperti juga hidupan lain, mereka juga mahukan hidup yang selesa dan bersih. Jadi, kita nilah yang patut belajar menghargai alam,” ujarku seperti sedang bersyarah.

Badrul senyap sejenak. Dia memerhatikan air sungai yang keruh dan ada tempokan hitam. Rumput-rumput di tebing juga ada kesan hitam.

Dia menyusur sungai itu ke hulu. Joran yang dipegangnya tadi dicacakkan ke tanah. Umpan entah ke mana. Barangkali kecewa kerana ikan yang dicari, tidak diperolehi.

“Kau nak ke mana tu, Bad?” Aku memekik apabila



semakin jauh Badrul menyusur sungai. Kira-kira dua puluh meter aku ditinggalkan.

"Bad nak ikut sehingga mana ada kesan minyak ni?" ujarnya. Dia menghentikan langkah. Ada sebatang buluh kering tersandar pada sebatang pokok. Badrul mencapai. Hujung batang buluh itu di jolok ke dalam sungai. Aku menghampiri.

"Tengok tu, ada ikan matilah." Badrul menuding ke dalam air.

Aku memerhatikan. Badrul menguis-nguis dengan batang buluh. Ada empat ekor ikan lampam yang kelihatan timbul di permukaan air. Jelas ikan itu mati.

Badrul menarik nafas panjang.

"Kempunanlah nampaknya kita nak makan ikan sungai," ujar Badrul. Dia seperti kecewa.

"Tak ada rezeki, nak buat macam mana?"

"Kalau macam ni jadinya, kita kena beritahu datuk, Fik. Bad yakin, datuk belum tahu lagi hal ini."

"Yalah. Kalau tak silap Fik, perkara ni baru lagi. Kalau dibiarkan tentu aliran minyak tu lama-kelamaan akan sampai ke hilir," jelasku sambil memandang sekeliling. Sunyi.

Tidak jauh dari situ ada sekumpulan kera sedang berlompatan di atas pokok. Menyedari kehadiran kami, kera-kera itu melompat ke dahan lain.

"Bad, macam mana kalau kita susur sampai kita jumpa di mana tempat sisa minyak ini dibuang?" Aku mengusulkan.

Badrul senyap sejenak. Dia berfikir. Dia seperti sudah letih melangkah. Tempat di mana kami meletakkan basikal sudah jauh, kira-kira dua ratus meter.

"Engkau tak takut?" Badrul memandang wajahku.

"Kita anak lelaki, kenapa mesti takut?"

"Terpulanglah. Tapi kalau jadi apa-apa nanti, Fik tanggung?"

"Jangan risaulah Bad. Fik yakin, tak ada apa-apa di sini!" Aku menyakinkan tetapi kaki masih belum melangkah.

"Kau tak fikir Fik. Membuang sisa minyak dalam sungai ni perbuatan yang salah. Bad percaya, orang melakukan perbuatan ni mesti ada di sini," ujar Badrul. Aku berfikir sejenak. Kata-kata Badrul memang ada benarnya. Entah-entah masa itu ada mata yang memerhatikan

" Tak apalah. Kita jalan depan sikit lagi. Lepas tu kita baliklah...." Aku mencadangkan. Badrul mengangguk.

Aku dan Badrul melangkah beberapa tapak di tebing sungai sambil memerhatikan aliran air yang lesu.

" Hoiiii ! Apa kau orang buat di sini hah?"

Aku dan Badrul terkejut. Serentak aku melihat ada dua lelaki sedang memerhatikan kami. Lagaknya seperti hendak mengejar. Seorang dari padanya menghala ke arahku.

" Bad ! Cabut !"

Bab 8

**MALANGNYA
NASIBMU**

SELESAI solat asar berjemaah di masjid, aku menunggu datuk di serambi. Mungkin datuk berwirit selepas solat asar. Sementara menantikan datuk, aku memerhatikan sekeliling kawasan masjid.

Pokok bunga corong ditanam di tepi pagar masjid. Bunganya yang kekuningan nampak cantik apabila disinari matahari sore. Di setiap halaman masjid pula tanami pokok rendang yang menghijau. Masjid, tempat untuk memperolehi ketenangan. Memang sesuai sekali dengan suasana yang hijau.

Sedang aku leka menanti, datuk keluar dari dalam masjid. Di belakang datuk, seorang lelaki berkopiah putih dan berserban. Aku menghala ke anak tangga. Datuk sudah pun memakai selipar dan melangkah ke halaman. Lelaki berkopiah putih dan berserban itu berjalan di sebelah datuk. Aku mengekori mereka.

"Fik, kenalkan ini, Haji Damanhuri, Imam masjid. Haji, ini cucu saya, Mohd. Syafik. Anak Hisham yang tinggal di Kuala Lumpur," beritahu datuk kepada Haji Damanhuri.

Aku bersalaman dengan Haji Damanhuri. Dia menepuk-nepuk bahu. Aku tersenyum.

"Senang-senang datanglah ke rumah pak cik. Bukan jauh sangat. Pak cik pun ada anak lelaki sebaya Syafik. Boleh main sama-sama," ujar Haji Damanhuri. Aku hanya mengangguk.

Kaki terus melangkah. Matahari menyinar cerah. Di serambi, masih ada beberapa makmum berdiri di situ. Aku, datuk dan Haji Damanhuri sudah melewati pintu pagar masjid.

Rumah datuk dengan masjid, tidak jauh kira-kira dua ratus meter. Begitu juga dengan rumah Haji Damanhuri, selang beberapa buah rumah dengan rumah datuk.

"Oh ya, cikgu. Ada hal sebenarnya saya nak bincang dengan cikgu," kata Haji Damanhuri memulakan perbualan.

"Kalau macam tu, eloklah. Singgah di rumah

sekejap. Fasal apa tu?" Datuk memandang Haji Damanhuri. Aku hanya mendengar sahaja.

"Ni ha, fasal Sood. Lepas Sood dihumban dalam parit oleh orang yang tak di kenali, saya terfikir. Kenapa kita tak hantar dia ke Hospital Bahagia, di Tanjung Rambutan?"

"Ya tak ya juga. Selama ni kenapa kita tak fikir begitu. Bila dah jadi macam ni, baru kita nak buat sesuatu," ujar datuk seperti menyetujui cadangan Haji Damanhuri.

"Bukan apa cikgu. Saya kasihan tengok dia. Hidup sebatang kara. Anak isteri dah tak ada. Ada saudara mara pun, siapa yang mahu mengaku dalam keadaan dia begitu?" Kata Haji Damanhuri. Masjid sudah ditinggalkan kira-kira 100 meter.

"Elok cadangan Haji tu. Tapi kita tak pasti dia tu gila. Ada masanya dia baik. Ada masanya dia macam orang sasau. Cuma kata doktor yang pernah rawat dia tu dulu, Sood kena penyakit fobia. Fobia ni ialah keresahan atau ketakutan yang tidak menentu apabila teringat atau terpandang sesuatu. Mungkin apa yang berlaku itu ada kena mengena dengan penghidapnya," jelas datuk. Baru aku faham apa yang dimaksudkan penyakit fobia ini.

"Tapi Sood tu tak kacau orang, cikgu. Masalahnya, hidup dia tak terurus." Haji Damanhuri seperti mahu mempertahankan Sood supaya tidak dihantar ke Hospital Bahagia.

"Sekarang mungkin tidak. Tapi selepas ini, siapa tahu dia akan berdendam dengan sesiapa yang dianggap mengganggu hidupnya," terang datuk lagi. Datuk mengusap-ngusap janggutnya yang sejempit.

Kami terus melangkah. Akhirnya datuk membelok ke halaman rumah. Halaman rumah sunyi. Pak Su Hadi yang keluar ke pekan dengan kawannya, belum pulang. Aku tidak pasti sama ada dia pulang ke rumah semula atau terus pulang ke Serdang.

Badrul pulang ke rumahnya. Katanya mahu ambil pakaian. Dia akan datang semula sebelum maghrib kerana mahu bermalam di rumah datuk.

Kembali dari sungai setelah disergah dua lelaki, dia singgah sebentar. Selepas makan tengah hari, dia balik ke rumah. Sekarang ini, aku masih terbayang-bayang wajah lelaki itu.

Kalau tidak silap aku, dua lelaki itulah yang pernah bertanyakan aku di tengah jalan sewaktu pulang dari rumah Badrul semalam.

"Kita ke rumah saja, Haji?" Pelawa datuk sebaik sahaja sampai di halaman.

"Tak payahlah cikgu. Kita duduk-duduk saja bawah pokok ketapang ni. Lagipun redup di sini." Haji Damanhuri menghala ke bangku panjang di bawah pokok ketapang. Di situ memang sesuai untuk berehat-rehat waktu petang.

Haji Damanhuri duduk di sebelah tepi, datuk di tengah, aku di sebelah datuk. Aku hendak masuk ke rumah, tidak ada sesiapa yang boleh diajak berbual. Aku ambil keputusan duduk di situ bersama datuk dan Haji Damanhuri.

"Berbalik cerita fasal Sood ni, cikgu macam mana?" Haji Damanhuri menyambung cerita. Dia memandang wajah datuk.

"Cadangan tu memang baik. Sekurang-kurangnya bila dirawat di Hospital Bahagia tu, dia dapat dipulihkan. Dapat juga belajar kemahiran. Kalau keluar nanti, taklah hidupnya terumbang-ambing," ujar datuk bersetuju.

"Kalau macam tu, elok kita fikirkan bersama bila nak bawa dia ke sana?"

"Oleh kerana saudara maranya pun dah tak nak ambil tahu, elok kita bawa bincang dengan JKKK. Mudah-mudahan perkara ni boleh diselesaikan. Sampai sekarang pun kita tidak tahu, kenapa Sood dihumban dalam parit, dan siapa yang melakukannya?" Jelas datuk.

"Kita serahkan saja pada polis. Nanti tahulah kita apa sebab dan siapa yang melakukannya," tambah Haji Damanhuri.

"Kenapa Sood jadi macam tu, tuk?" Aku memberanikan diri bersuara.

"Entahlah Fik. Ada orang kata dia kena buatan orang. Tapi perangnya mula berubah bila anak dan isterinya meninggal dunia," beritahu datuk seperti ingin mengingat cerita lama.

"Kasih Sood tu, lepas anak tunggalnya meninggal, isterinya pula meninggal. Mungkin kerana sayang, dia selalu terkenang-kenang anak dan isterinya, akhirnya dia seperti hilang akal. Apa lagi keluarga telah membuangnya. Dia berkahwin dengan perempuan yang tidak disukai keluarganya," terang Haji Damanhuri. Sedikit sebanyak aku sudah tahu latar belakang Sood.

"Mungkin ada sebab lain tak tuk, dia jadi begitu?" Aku bersuara. Awam kelabu melindungi sinar matahari. Redup alam untuk seketika sebelum awan beralih.

"Hanya Sood saja yang tahu. Dia jarang bercampur orang. Makan minum pun tak tentu. Tinggal memencil di pondok buruk di hulu sungai tepi bukit," Datuk membuka kopiah di kepala. Rambut putih hampir separuh memenuhi kepala.

"Anak dan isteri Sood tu meninggal kerana sakit apa tuk?"

"Dulu Sood tu tinggal di kawasan setingan. Mungkin kerana keadaan tempat tinggal yang kotor dan tidak sempurna, anak Sood yang berusia enam tahun meninggal kerana demam denggi. Enam bulan selepas itu, isterinya pula meninggal dunia. Khabarnya kerana kerosakan paru-paru dan buah pinggang akibat tawas," kata datuk. Dia merenung jauh kehijauan bukit di sebelah timur.

"Tawas? Apa tawas tu tuk?" Rasanya aku tidak pernah dengar perkataan itu.

"Tawas tu Fik, sejenis bahan kimia iaitu alumunian sulfat. Bahan ini digunakan dalam perawatan air di loji pembersihan untuk kegunaan seharian. Apabila tawas ini bercampur air, semua bahan terampai dapat digumpalkan dan berketul-ketul. Ini memudahkan untuk melakukan pengasingan. Biasanya tawas digunakan di kawasan tanah gambut. Mereka yang mendapat bekalan dari tanah

gambut ini mendapat bahaya yang tinggi," terang datuk panjang lebar.

"Tak sangka ya, tawas boleh membawa kesan kepada penggunaanya," ujar Haji Damanhuri.

"Ya haji. Logam toksik ini boleh memudaratkan kesihatan untuk jangka panjang. Dari kajian yang pernah dibuat, mereka boleh menghidap penyakit seperti kerosakan otak, limpa, paru-paru, jantung, buah pinggang, gangguan saraf dan penyakit tulang."

"Bahaya juga ya tuk. Jadi macam mana dengan air paip yang kita gunakan sekarang?" Aku berasa bimbang mengenangkan hal ini. Selama ini aku tidak tahu, adanya bahan ini digunakan untuk tujuan perawatan air.

"Walaupun air yang kita gunakan bersih tetapi kita tidak tahu tahap kebersihannya dengan tepat. Kita kenalah berhati-hati," ujar datuk.

"Kenapa pula air tanah gambut ni bahayanya lebih tinggi jika dibandingkan dengan tanah di air biasa tuk?" Aku seperti meluap-luap untuk bertanya. Bagiku cerita ini amat menarik sekali. Selain ia memberi pengetahuan, ia mengingatkan supaya berjaga-jaga supaya tidak meminum sebarang air.

"Air gambut ni Fik, mempunyai bahan terampai yang banyak. Apabila air semakin keruh, semakin banyak tawas digunakan untuk menjernihkannya," jelas datuk lagi. Haji Damanhuri mengangguk. Kini aku baru mengerti.

Secara tidak langsung penggunaan tawas dalam perawatan air juga menjadi pencemar untuk jangka panjang, fikirku. Aku teringatkan Sood. Mungkin Sood tidak tahu kematian isteri dan anaknya hasil bahan kimia yang mencemarkan dan alam sekitar yang tidak bersih.

"Di sini, kawasan mana yang mempunyai tanah gambut Tuk? Bimbang juga, kalau ke tempat itu nanti kenalah berhati-hati," tanyaku sekadar untuk pengetahuan.

"Hmmm kalau di Selangor ni di Loji Pembersih Air Sungai Sireh, Tanjung Karang; kemudian Sungai Harmoni

Kuala Selangor; Loji Pembersih Semenyih di Hulu Langat dan Bukit Tampoi, Kuala Langat," jelas datuk lagi yang banyak berpindah tempat bertugas ketika bertugas sebagai guru. Apabila bersara, datuk lebih suka tinggal di kampung.

"Jadi di Kuala Selangor ni tawas masih digunakan dalam loji pembersih air?" Aku masih sangsi.

"Begitulah."

"Tak ada ke bahan-bahan lain yang boleh digunakan untuk menggantikan tawas ni cikgu?" Haji Damanhuri yang senyap sejak tadi, berminat untuk tahu. Mungkin menyedari kesannya untuk jangka panjang akan menjadi masalah besar.

"Khabar ada, seperti kitin dan kitosan. Bahan-bahan ini boleh didapati daripada kulit udang, ketam dan belangkas. Tapi ini kajian baru. Penggunaan sepenuhnya mungkin belum digunakan lagi," terang datuk. Dia menyinsing lengan baju melayu sebelah kanan, selepas itu sebelah kiri.

"Sekarang ni ramai orang suka minum air mineral dalam botol plastik mungkin kerana sudah tahu bahaya tawas ni ya tuk?"

"Mungkin juga. Tapi Atuk yakin, pihak Jabatan Bekalan Air sentiasa buat kajian bagaimana mahu menggantikan tawas ini dalam perawatan air," jelas datuk.

"Kalau macam tu, kita tak lah bimbang sangat. Jika tidak, sudah tentu belanja merawat penyakit kesan tawas ini lebih tinggi daripada penyelenggaraan perawatan air ini," kata Haji Damanhuri. Dia melihat jam di tangan, mungkin menyedari sudah agak lama berbual-bual dengan datuk.

"Cikgu, saya pun dah lama di sini. Nanti risau pula orang rumah. Tak balik-balik dari masjid." Haji Damanhuri bingkas. Dia meminta izin untuk beredar. Datuk bersalaman. Aku juga bersalaman.

"Fik, kalau lama cuti di sini, datanglah rumah pak cik. Selang empat rumah saja dari sini," beritahu Haji Damanhuri. Aku tersenyum dan mengangguk. Datuk

bersalaman. Aku juga berbuat demikian.

Datuk memerhatikan langkah Haji Damanhuri sehingga dia membelok ke kanan. Aku masih duduk di bangku panjang. Rasanya aku mahu ceritakan apa yang berlaku pagi tadi kepada datuk, tetapi bila aku fikir-fikir, masih ada masa lagi. Mungkin malam ini atau esok, bila Badrul ada bersama.

Kalau aku hendak ceritakan, mungkin datuk tidak percaya. Biarlah Badrul sendiri yang cerita. Dia orang kampung sini, aku hanya datang bercuti sahaja, fikirku.

Datuk sudah bingkas. Mungkin dia mahu ke rumah. Baru beberapa tiga meter melangkah. Badrul tiba-tiba berbasikal laju ke halaman, hampir melanggar datuk.

Datuk menghentikan langkah.

"Eh, kenapa ni Badrul? Macam kena kejar hantu saja?" Datuk memandang wajah Badrul. Lagaknya seperti cemas. Aku juga menatap wajah Badrul yang tercungap-cungap.

Basikal ditongkat. Di belakang basikal, ada satu bungkusan plastik. Mungkin pakaian Badrul. Katanya dia mahu tidur rumah datuk sepanjang aku bercuti di sini.

Aku tidak kisah. Sekurang-kurangnya aku ada kawan untuk berbual-bual.

"Ada orang kejar Bad, tuk" Nafas Badrul turun naik.

Aku terkejut seperti tidak percaya. Siapa yang mahu mengejar? Sood?

"Siapa yang kejar? Sood?"

"Bukan!"

• • •

Bab 9

**JALAN MASIH
BERLIKU**

HARI ini, Isnin. Hari ketiga aku bercuti di kampung. Hari ketiga juga aku menyedut udara segar dan nyaman. Alangkah indahnyā alam ciptaan Tuhan ini.

Pagi ini, seperti dua pagi yang lepas, aku, datuk dan Badrul melakukan senaman ringan di halaman. Badan, aku rasakan semakin cergas dan ringan. Pagi-pagi selepas sarapan, datuk memberitahu ingin menziarah Tuk Su, adik datuk di hospital dengan nenek.

Datuk berpesan supaya tidak ke mana-mana. Kira-kira pukul 9.00 pagi, datuk dan nenek berkereta ke Hospital Kuala Lumpur. Katanya, lewat petang baru balik.

Sebelum pergi, nenek sudah menanak nasi dan lauk untuk aku dan Badrul makan tengah hari. Aku tidak tahu apa mahu dilakukan di rumah. Tentu bosan kalau tidak ke mana-mana.

"Kita keluar jalan-jalan, Bad?" Aku menghampiri Badrul yang duduk di kerusi di beranda. Dia sedang asyik menatap majalah.

"Datuk pesan, suruh jaga rumah!" Badrul memandangi wajahku. Aku serba salah. Kalau tidak ikut pesanan datuk, pasti datuk marah kalau apa-apa terjadi. Tetapi aku yakin, kampung ini aman. Datuk tidak pernah bercerita ada berlaku kecurian.

"Kita pergi sekejap aja. Tengah hari kita baliklah. Rugilah, bercuti di kampung, asyik duduk rumah aja." Aku memujuk. Badrul meletakkan majalah di atas meja. Dia berfikir sejenak. Aku memerhatikan.

"Nak ke mana?" Badrul bersuara.

"Fik ingat, nak pergi tempat semalam. Tempat yang kita kena sergah. Fik cuma nak tahu, apa mereka buat di sana?" Aku menyandar ke tiang beranda.

Badrul menarik nafas panjang. Dia menggaru-garu kepala. Mungkin dia pun serba salah.

"Kalau dia orang tu tangkap kita, macam mana?" Badrul melahirkan kebimbangan. Sebarang kemungkinan perlu difikirkan sebelum terjadi.

"Ala, kalau Bad takut, cakap sajalah...."

"Nak buat apa kita nak ambil tahu hal mereka.

Biarkanlah," ujar Badrul seolah-olah keberatan. Mungkin dia berasa hati apabila aku menganggapnya penakut.

"Bad, orang yang kita lihat semalam tu, mencemarkan sungai. Kita kena ambil tahu. Walaupun peranan kita kecil, sekurang-kurangnya kita dapat membantu pihak berkuasa mencegah pencemaran ini. Kita nak hidup harmoni tapi kita tak mahu bekerjasama menjaga alam. Macam mana?"

Badrul seperti serba salah. Aku sudah siap sejak tadi. Badrul yang berkain pelikat, bingkas. Dia masuk ke dalam bilik tanpa berkata apa-apa. Sebentar kemudian, dia sudah berseluar panjang dan berbaju T berjalur merah kuning.

"Macam mana kalau Fik kayuh basikal, Bad membonceng?" Badrul menuruni anak tangga tanpa menyatakan persetujuan. Tetapi dari gayanya, dia tidak keberatan.

"Fik setuju." Aku mengunci pintu rumah. Badrul memastikan pintu dapur juga dikunci. Tingkap juga tidak ada yang terganggu.

Tanpa berlengah aku mencapai basikal. Badrul segera melompat ke belakang basikal. Perlahan-lahan aku mengayuh. Aku masih ingat jalan yang kami lalui semalam.

Di belakang, Badrul senyap. Tidak ada apa-apa yang mahu dibualkan. Aku tidak tahu apa yang dia fikirkan. Kira-kira dua puluh minit perjalanan, aku memperlahankan kayuhan. Tempat yang dituju hampir sampai.

Masuk sahaja ke lorong kecil yang muat untuk laluan motosikal, aku menoleh ke kiri dan ke kanan. Aku yakin tidak ada sesiapa di situ. Akhirnya aku berhenti. Badrul melompat turun.

"Kita jangan ikut jalan semalam. Bahaya," bisik Badrul sebaik sahaja aku menyandarkan basikal pada sebatang pokok. Di situ keadaan agak terlindung, ada semak kecil.

"Habis ke mana?"

"Kita ikut lorong yang ni." Badrul menghala langkah

ke sebelah kanan. Aku mengekori. Sekali lagi aku memerhati ke kiri dan ke kanan. " Kalau Fik dengar ada orang lalu dalam semak, tolong bagi tahu. Kerja ni bahaya. Kalau kena tangkap, mati kita," pesan Badrul separuh berbisik.

"Bad jangan bimbang. Telinga Fik tajam. Bunyi burung terbang pun Fik dengar," ujarku bergurau.

Badrul melangkah perlahan-lahan. Semalam aku dan Badrul menyusur hulu sungai. Tetapi kali ini, Badrul memilih jalan agak jauh sedikit. Aku hanya ingin tahu, di mana tempat sisa buangan itu dicurah atau dikumpulkan.

Kira-kira seratus meter meninggalkan basikal, Badrul berhenti. Pandangannya di hala ke satu arah. Dia mencangkung. Aku turut mencangkung. Dia seperti memandang sesuatu.

"Fik, kau tengok tu!" Badrul mencuit bahu. Aku menghala pandangan ke arah yang dimaksudkan.

"Yang ada pondok buruk tu?" Aku ingin kepastian.

"Eh, kau tengok tu...." Badrul memperlambatkan suaranya. Pondok buruk itu dari tempat aku dan Badrul jauhnya kira-kira 70 meter sahaja.

Aku memandang dari jauh. Seorang lelaki sedang menutup tong-tong plastik biru dengan guni. Di sekitar tempat itu agak licin. Rumput-rumput di mana tong-tong itu diletakkan, kelihatan layu. Daunnya kehitaman.


Tidak jauh dari situ, kira-kira dua puluh meter, ada satu laluan menuju ke tebing sungai. Mungkin dari situlah, pemuda itu menumpahkan sisa minyak ke dalam sungai.

"Kau perasaan tak Bad?" lelaki itulah yang sergah kita semalam!" ujarku. Badrul mengangguk.

"Lelaki itulah juga yang kejar Bad petang semalam, masa Bad nak ke rumah datuk." Wajah Badrul berubah. Dia memperlambatkan suaranya.

"Mana lelaki yang seorang lagi ha? Takkan dia seorang saja?" Aku berbisik ke telinga Badrul. Badrul senyap tidak menjawab. Dia memerhatikan sekeliling, bimbang ada orang memerhatikan.

"Kita jalan ke depan lagi sikit. Ikut jalan sebelah



kiri." Badrul berbisik. Aku yang tidak biasa, hanya mengikut sahaja.

Badrul melangkah perlahan. Jalan yang dilalui, bukan jalan sebenarnya tapi laluan yang dibuat sendiri. Tidak jauh dari situ, satu kawasan semak. Agak terlindung daripada pandangan.

Sampai di kawasan semak itu. Badrul berhenti. Aku juga berhenti. Dia meninjau-ninjau di sekitar.

"Eh, ada lori..." Badrul berbisik.

Aku mencari-cari lori yang dimaksudkan oleh Badrul. Memang tidak silap. Lori itu agak jauh sedikit dari tempat letak tong-tong tadi. Mungkin lori itulah yang membawa tong-tong plastik biru itu ke situ.

Aku memerhatikan lori berkepala merah itu. Aku berasa seperti pernah melihat lori itu. Belakang lori itu ditutup dengan kain kanvas hijau. Benar lori inilah yang aku lihat dua hari lepas.

"Rupa-rupanya lori tu lalu jalan sebelah sana." Badrul mengalihkan ranting kayu di depannya. Dia mendongak. Matahari cerah. Sinarnya dilindungi oleh daun-daun daripada jatuh ke bumi.

"Mana Bad tahu, ada jalan sebelah sana?"

"Bad yakin. Nak ke sini cuma ada dua jalan saja. Satu jalan cuma boleh untuk laluan motosikal. Satu lagi laluan untuk lori. Jalan tu dulu, kalau tak silap Bad digunakan untuk mengangkut kayu-kayu. Dulu ada penduduk kampung ni yang cari kayu untuk dibuat batang cangkul." Tegus Badrul. Seekor nyamuk hinggap di lengan kirinya. Belum sempat darah dihisap, nyamuk itu sempat ditampar.

"Apa kita nak buat sekarang Bad?" Aku pandang wajah Badrul.

"Buat apa lagi? Baliklah...." Badrul berbisik.

"Sekarang kita dah tahu tempat dan apa yang dia orang buat. Mudah bagi kita." Ujarku melangkah setapak ke belakang.

"Mudah apa?"

Aku tidak menjawab pertanyaan Badrul. Sebaliknya

aku menarik lengan baju Badrul untuk beredar. Badrul tidak membantah. Aku dan Badrul perlahan-lahan meninggalkan tempat itu.

"Cepat sikit! Nanti kalau dia orang nampak. Habis kita!" Aku menoleh ke belakang. Badrul terjatuh kerana terlanggar tunggul kayu. Aku segera menarik bajunya.

Akhirnya aku dan Badrul sampai juga ke tempat di mana aku meletakkan basikal. Aku segera mencapai basikal. Setelah Badrul membonceng, aku segera mengayuh meninggalkan tempat itu. Hati aku puas.

Sampai di jalan besar, hati aku lega. Lega kerana tidak ada orang memerhatikan gerak geri aku dan Badrul tadi.

"Eh, Fik nak ke mana ni?"

Aku terlupa hendak memberitahu Badrul. Aku ingin ke kedai di simpang empat. Mungkin dia sedar, aku mengayuh basikal bukan jalan untuk pulang ke rumah tetapi ke arah lain.

"Fik nak beli surat khabar di kedai simpang empat tu. Tiga hari di sini, tak ada peluang nak baca surat khabar," terangkanku mempercepatkan kayuhan. Di angkasa, cahaya matahari terik memancar.

"Sesetengah orang, kalau sehari tak baca surat khabar, hidup macam ada yang tak lengkap. Betul ke?"

"Ya, baca akhbar macam makan nasi juga. Bayangkan kalau sehari kita tak makan nasi? Banyak maklumat kita tak tahu, kalau kita tak baca akhbar. Kita tak tahu perkembangan dunia. Tidak tahu apa yang terjadi pada alam kita dan macam-macam lagi." --

Badrul senyap. Mungkin tidak ada apa-apa yang hendak diperkatakan lagi. Deretan kedai di simpang empat sudah kelihatan. Aku memperlambatkan kayuhan. Sesampai sahaja di simpang empat itu, Badrul melompat turun. Aku menyorong basikal ke kedai hujung.

Tanpa berlengah aku menghampiri kedai akhbar dan membeli Utusan Malaysia. Aku melipat dan mengepit di celah ketiak. Badrul masih menunggu di basikal.

"Eh, apa yang Bad perhatikan tu?" Aku lihat Badrul

seperti sedang memerhatikan seseorang.

"Fik tengok tu!"

Aku mengalakan pandangan ke arah yang dimaksudkan. Seorang lelaki sedang duduk di pangkal sambil mengunyah roti.

"Bad, tolong belikan air kotak." Aku menghulurkan syiling satu ringgit. Badrul mengambil tanpa banyak soal. Dia ke kedai runcit yang tidak jauh dari situ.

Seben̄tar kemudian, Badrul datang semula membawa sekotak air.

"Fik nak buat apa dengan air kotak ni?" Tanya Badrul. Dia menyerahkan air kotak itu kepadaku.

"Ikut Fik!" Aku melangkah ke arah lelaki itu.

"Eh, Fik. Kau nak buat apa dengan pak cik gila tu?" Aku tidak menjawab. Sebaliknya aku terus menghampiri Sood yang tidak menyedari kedatanganku. Badrul akhirnya mengekori langkahku.

Aku terus memberikan air kotak itu kepada Sood. Sood segera mencapai. Perlahan-lahan dia menyedut. Aku bayangkan roti yang dikunyahnya itu pemberian orang yang simpati. Dia mengunyah seperti tersekat-sekat. Tetapi setelah menyedut air itu, dia berasa lega.

"Terima kasih." Sood tersenyum. Aku duduk kira-kira satu meter dari tempat dia duduk.

Aku agak terkejut apabila Sood bersuara. Kalau hendak dikatakan gila, tentu engkau tidak tahu menghargai pemberian orang. Hatiku berfikir.

"Saya dengar orang bercerita, pak cik gila?" Aku memberanikan diri bersuara. Aku harap pak cik di depanku ini, tidak marah.

"Mereka yang gila!" ujar Sood selamba. Dia mengunyah baki roti yang masih di tangan. Kemudian dia menyedut air kotak sehingga kosong.

"Kalau tak gila, kenapa pak cik buat macam ni?"

"Apa yang pak cik buat? Pak cik tak kacau orang. Tapi orang yang kacau hidup pak cik. Pak cik buat apa yang pak cik fikir betul," ujar Sood. Dia mengusap mulutnya dengan lengan baju.

“Kalau pak cik tak buat apa-apa, kenapa ada orang nak aniaya pak cik?” Aku tidak putus-putus menyoal memandangkan Sood tidak menampakan rasa tidak senang apabila ditanya.

“Entahlah...” Sood berwajah sayu. Misai dan janggutnya yang panjang, membayangkan hidup yang tidak terurus. Tambahan pula rambutnya seperti tidak pernah disikat.

“Apa yang pak cik fikirkan. Pak cik ingatkan siapa?”

Badrul di sebelah diam membatu. Dia hanya memerhatikan Sood bercakap.

“Pak cik tak ada sesiapa di dunia ini. Ramai orang pandang hina pada pak cik, jalan-jalan di tepi sungai tu pun, ada orang marah pak cik. Pak cik nak rehat-rehat di rumah pak cik tepi bukit tu, pun ada orang kata, pak cik nak intip mereka. Nak hidup pun susah,” suara Sood perlahan.

“Siapa kata pak cik nak intip?” Ketika ini aku teringatkan dua lelaki yang menyergah aku dan Badrul semalam. Mungkin mereka.


“Ada dua orang anak muda. Pak cik tak kenal. Tak pernah jumpa dia!”

“Itukah puncanya pak cik dihumban dalam parit? Lain kali pak cik jangan merayau-rayau tepi hutan tu!” Aku mengingatkan.

“Entahlah. Pak cik tak pernah buat tak baik pada orang, kenapa ada orang nak aniaya pak cik? Bila agaknya dunia ni nak aman?”

“Hidup ni tak semudah yang kita sangka pak cik! Ia seperti jalan yang berliku-liku.”

Sood termenung sejenak. Matanya sayu.



Bab 10

**CEMAR DI
MANA-MANA**

“Eiii kotornya!”

Aku menunjukkan hujung jari telunjuk kepada datuk. Hujung jari telunjukku baru saja aku kuis ke badan kereta Proton Saga datuk. Dari jauh tidak nampak habuk dan debu yang melekat pada badan kereta warna putih itu. Tetapi apabila dekat, dilihat dengan mata kasar, habuk dan debu melekat.

Semaşa datuk dan nenek hendak ke Hospital Kuala Lumpur pagi tadi menziarah Tuk Su, datuk sudah mengelap kereta. Tetapi bila balik, kereta nampak berdebu dan hitam.

“Kalau ke Kuala Lumpur memang macam nilah. Tambah pula sekarang musim panas,” ujar datuk sambil melihat hujung jari telunjukku.

Dia membongkok. Kain tuala kecil dicelup ke dalam baldi berisi air bercampur cecair pembasuh kereta. Kemudian tuala itu diperah. Air kotor berjatuhan ke dalam baldi.

“Kenapa tuk? Kotor sangat udara di Kuala Lumpur?” Aku bertanya kerana datuk seperti merungut. Setahuku, Kuala Lumpur jika dibandingkan dengan keadaan di kampung ini, nampak indah. Boleh dikatakan pokok-pokok bunga di tanam di sepanjang jalan.

Di sesetengah tempat pula, kelihatan seperti taman bunga-bunga. Beraneka jenis bunga dan berwarna-warni menyegarkan mata memandang.

Di kampung, bunga-bunga juga ditanam sepanjang jalan. Cuma bezanya, tidak ada bangunan tinggi, tiada banyak kenderaan dan suasana tidak bising.

Datuk mengelap pintu sebelah hadapan dengan tuala lembab. Habuk dan debu yang melekat pada badan kereta tidak kelihatan lagi.

“Bekas hitam yang melekat ni mungkin kerana asap kenderaan yang terlalu banyak. Bila asap kenderaan terlalu banyak, ditambah pula dengan asap dari pembakaran sampah terbuka dan asap kilang, udara menjadi semakin kotor,” terang datuk. Pintu sebelah belakang pula dilap. Aku mengelap cermin hadapan

dengan tuala lembab.

Matahari petang menyinar sederhana. Tidak terik seperti tengah hari tadi. Angin sore pula berpuput lembut. Suasana kampung, tenang. Bunyi motor dan kereta yang sesekali lalu lalang tidak membingitkan telinga seperti di Kuala Lumpur.

Badrul balik ke rumahnya sebaik sahaja datuk dan nenek pulang dari Kuala Lumpur selepas waktu asar. Dia sempat makan tengah hari bersamaku selepas balik dari kedai di simpang empat setelah membeli surat khabar.

Selesai makan tengah hari, aku membelek akhbar. Tujuanku hanya untuk mencari berita mengenai penculikan Yogeswaran, tetapi tidak ada. Aku agak kecewa. Sebagai kawan baik, aku selalu teringatkannya apabila aku senang.

Aku tidak tahu, apa sudah jadi dengan Yogeswaran. Hendak menelefon, telefon awam cuma ada satu di balai raya. Menurut Badrul, telefon itu sudah rosak. Dia tidak tahu siapa yang merosakkannya.

Kalau hendak menelefon kena pergi pekan. Kira-kira enam kilometer jauhnya dari kampung. Aku malas hendak berbasikal ke pekan. Menurut datuk, tidak lama lagi penduduk kampung akan mendapat kemudahan telefon. Buktinya, tiang-tiang telefon sudahpun dicacak di tepi jalan. Seseengah rumah, termasuk rumah datuk sudah pun dipasang wayar telefon.

Di akhbar, tidak ada berita yang menarik. Cuma aku berminat membaca di mana penduduk kampung meminta Majlis Perbandaran dan Jabatan Alam Sekitar supaya bertindak menutup kuari di Lembah Jaya, Ampang.

Pada satu muka surat lain pula, penduduk mengadu pembakaran sampah terbuka di tempat perlupusan sampah di Hulu Langat dan Pandamaran, Pelabuhan Klang mencemarkan alam sekitar. Juga dimuatkan berita rungutan penduduk Kampung Sungai Balak Dalam, Balakong yang diancam bahan kimia dan lori.

Menurut berita itu, kawasan berkenaan dijadikan tempat pembuangan dan pembakaran bahan sisa plastik.

Ia mengganggu lalu lintas dan mengganggu persekitaran.

Tambah menyedihkan, semua itu dilakukan oleh kilang-kilang haram. Walaupun pihak berkuasa sudah memberi amaran tetapi pembakaran masih dilakukan, terutamanya pada waktu malam.

"Kalau udara kotor, mudahlah kita mendapat penyakit, ya tuk?" Aku pastikan cermin kereta belakang yang aku lap, tidak ada debu hitam melekat lagi.

"Sudah tentu. Mungkin Fik tak tahu lagi, dalam udara kita terdapat logam berat yang membahayakan kesihatan," jelas datuk. Dia beralih ke depan bahagian enjin.

"Logam berat? Apa tu, tuk?" Di sekolah, aku pernah mendengar perkataan itu tetapi aku lupa apa maksudnya.

"Logam berat tu macam plumbum dan raksa. Ia berpunca daripada asap kenderaan yang menggunakan petrol berplumbum. Plumbum dan raksa tu terapung bersama habuk terampai lain termasuk karbon dan debu yang boleh menjejaskan kesihatan," Datuk mengelap bahagian depan enjin. Aku mengangguk.

"Jadi, asap kereta Atuk ni berplumbumlah?" Aku memandang wajah datuk. Datuk leka mengelap kereta.

"Sekarang ni dah ada minyak tanpa plumbum. Pengguna kenderaan digalakkan menggunakannya. Tujuannya untuk mengurangkan jumlah plumbum dan raksa dalam udara. Atuk guna minyak tanpa plumbum," Aku mengelap cermin belakang.

"Biasanya kalau tersedut udara kotor, tentulah sesak nafas ya tuk?" Cermin belakang yang aku lap kelihatan berkilat.

"Bukan itu saja Fik, Kalau plumbum dan raksa tu berkumpul dalam paru-paru dan menyerap ke dalam darah ia boleh menyebabkan kerosakan otak serta mengganggu sistem saraf kita. Ia juga boleh menjejaskan bayi dalam kandungan," jelas datuk lagi. Aku berdiri di belakang datuk, memerhatikannya mengelap pintu kereta.

"Bahaya juga kalau macam tu ya tuk, tapi Fik yakin ramai antara kita tak sedar," ujarku. Aku berfikir demikian

kerana biasanya pesakit memakan masa yang lama untuk dikesan mendapat penyakit setelah menyedut udara kotor.

“Memanglah sebab logam raksa tu boleh menyebabkan kanser dan penyakit buah pinggang dan kalau jumlahnya amat tinggi dalam tubuh kita, ia boleh membawa maut.” Datuk mengalih mengelap pintu kereta sebelah pemandu.

Memandangkan matahari sore panas, aku berlindung di bawah pokok ketapang. Aku duduk di bangku panjang. Kereta yang sedang datuk lap, tidak jauh dari bangku panjang tempat aku duduk.

Aku lihat dahi datuk berpeluh. Melihatkan aku duduk di bangku panjang, datuk segera menyudahkan kerjanya. Tidak lama kemudian, datuk membasuh tuala yang digunakan tadi. Tuala dijemur di ampaian. Air dalam baldi disiram ke pangkal pokok bunga corong.

Datuk menghampiriku sebaik sahaja selesai membasuh tangan. Dia duduk di sebelah sambil memerhatikan dari jauh kereta yang baru dilap. Kereta sudah lama, tetapi datuk begitu cermat menjaganya.

“Kenapa Atuk tak cuci saja, kan senang?” Aku sebenarnya sudah terfikir sejak tadi. Paip ada, saluran getah aku lihat ada di bawah rumah tetapi datuk lebih suka mengelap sahaja.

“Atuk cuma cuci kalau kena hujan. Sebab air hujan tu berasid yang boleh memudarkan cat kereta. Kalau terkena debu atau asap, Atuk lebih suka lap saja. Jimatkan air. Lagipun kalau kereta selalu sangat dicuci, ada bahagian tertentu cepat karat.” Datuk mengesat dahi yang mengalir di dahi datuk. Baru aku faham mengapa datuk tidak mencuci, sebaliknya mengelap sahaja.

Aku diam sejenak. Datuk juga diam. Mungkin datuk penat mengelap kereta. Tambah pula datuk belum berehat sekejap selepas mengelap kereta.

“Oh ya tuk, apa sakitnya Tuk Su tu?” Aku tiba-tiba teringatkan Tuk Su. Aku, ayah, emak, kakak dan adik-adik pernah berkunjung ke rumah Tuk Su tidak lama dulu sewaktu majlis perkahwinan anak Tuk Su. Waktu itu, aku

lihat Tuk Su masih sihat.

Aku memandangi wajah datuk. Datuk memandangi jauh ke sebelah timur, kehijauan hutan di bukit nampak berbalam. Dia seperti mengingati sesuatu.

"Lelah. Kadang-kadang nak bernafas pun susah. Kasihan Atuk tengok, badannya kurus." Datuk seperti membayangkan wajah Tuk Su.

"Apa sebabnya Tuk Su jadi macam tu, tuk?" Aku semakin berminat ingin tahu.

"Puncanya macam tadi itulah. Menyedut udara kotor yang berhabuk dan berdebu atau tersedut bulu haiwan seperti kucing. Kadang-kadang perubahan cuaca juga boleh menyebabkan lelah. Walau hidung kita ada bulu penapis, tetapi habuk yang halus boleh masuk ke saluran pernafasan. Ini menyebabkan paru-paru berlendir atau lembab, menyukarkan untuk bernafas," terang datuk.

"Kasihan Tuk Su, ya tuk. Ada harapan boleh sembuh?"

Datuk menarik nafas panjang. Dia senyap untuk seketika. Menurut datuk, sudah lama datuk hendak menziarah Tuk Su tetapi selalu sahaja ada urusan.

"Anaknya nak bawa Tuk Su tinggal bersama di Kajang juga. Berhampiran kampung tu pula ada kuari pecah batu. Habuk dan debu diterbangkan angin hingga mencemarkan kampung," ujar datuk seperti kesal dengan sikap adiknya itu.

"Macam mana pula kuari boleh jalankan kerja-kerja di situ? Majlis Perbandaran tak ambil tindakan?" Aku teringat berita yang aku baca dalam akhbar UTUSAN MALAYSIA tengah hari tadi.

"Kalau nak ikutkan syarat, kuari yang letaknya kira-kira lingkungan tiga kilometer dari kawasan perumahan diwajibkan menyediakan laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling. Masalahnya kuari itu wujud dahulu sebelum kampung itu wujud," kata datuk menyeka sisa keringat di dahi.

"Sepatutnya pengusaha kuari tu memberhentikan kegiatannya kerana membahayakan kesihatan

penduduk," kataku yang simpati dengan nasib penduduk.

"Sepatutnya begitu, tapi yalah, semua harapkan orang tengah campur tangan sebab pengusaha kuari tu tak mahu mengalah. Tapi sekarang, kuari tu ditutup sementara waktu,' jelas datuk.

"Kalau tak silap Fik, cikgu ada beritahu habuk dari kuari tu boleh menyebabkan batuk kering. Sebab bapa cikgu Fik tu pernah terkena." Aku mengharapkan kepastian.

"Memang benar. Kata Tuk Su, kira-kira sepuluh orang penduduk kampung disahkan doktor mengadu batuk-batuk sebab kuari tu bergiat sudah hampir sembilan tahun di situ. Mereka terhidu habuk yang terlalu tebal," jelas datuk lagi.

"Hai nampaknya hidup di mana-mana pun tak ada yang selamat. Ada saja yang mengganggu," jelasku.

"Selagi kita hidup Fik, selagi itu kita akan berhadapan dengan perubahan. Sekarang ni nampaknya perubahan dalam pembangunan sedikit sebanyak mengorbankan suasana asal alam sekitar."

"Benar Tuk, tapi masyarakat mesti mengubah sikap dengan mengutamakan pemeliharaan alam sekitar dalam semua kegiatan tidak kira sama ada ia untuk pembangunan atau tidak," jelasku.

"Eh, pandai cucu Atuk bercakap fasal alam sekitar?"

"Mestilah. Nak jadi generasi berwawasan mesti peka dengan keadaan semasa.' Aku menjeling ke arah datuk. Datuk mengusap-ngusap belakang bahu.

Sedang aku berbual-bual dengan datuk. Sebuah motosikal berkuasa kecil membelok ke halaman rumah datuk. Datuk memerhatikan penunggang motosikal itu. Sebaik sahaja enjin motosikal dimatikan, lelaki itu membuka topi keledar.

"Assalamualaikum Tuk!" Lelaki muda berbadan tegap itu memberi salam.

Datuk menjawab salam. Aku menjawab juga. Lelaki itu menghampiri datuk sambil menghulur tangan bersalaman, Kemudian menyalamiku.

“Saya Hasrul dari balai polis Kuala Selangor. Sebenarnya saya sedang kumpulkan maklumat. Cuma saya nak minta kerjasama dengan Tuk Ketua kalau terlihat orang-orang yang mencurigakan berkeliaran di sini,” ujar anggota polis bermisai tebal itu.

Datuk mempelawa Hasrul duduk. Hasrul mengangguk. Dia masih berdiri menghadap datuk.

“Apa kesnya encik?” Datuk bertanya.

Bab 1-1

**AMANAH
ALLAH**

“DAN ingatlah juga, tatkala Tuhanmu memaklumkan: Sesungguhnya *Jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah nikmat kepadamu, dan jika kamu mengingkari, maka sesungguhnya azab-Ku amat pedih.*”

Semua makmum yang mendengar kuliah agama, malam Selasa di masjid itu, menghalai pandangan ke wajah Ustaz Hafiz. Maksud surah Ibrahim ayat 7 itu amat dalam maknanya.

“Sebenarnya segala apa yang diciptakan oleh Allah di dunia ini adalah untuk hamba-Nya. Semuanya sudah cukup lengkap dan sempurna untuk kita. Andainya kita tidak mensyukuri dan berasakan tidak sempurna lalu menokok tambah anugerah ciptaan Allah ini, maka akan terjadilah kerosakan. Dan mereka yang melakukan kerosakan akan menerima azabnya,” ujar Ustaz Hafiz dari Jabatan Agama Islam Selangor yang mengadakan kuliah agama selepas maghrib kampung setiap minggu.

Aku yang duduk di dalam masjid bersama kanak-kanak yang sebaya serta kira-kira 20 orang makmum lain terpaku mendengar kuliah agama itu.

Datuk duduk di hadapan sekali bersama Haji Damanhuri serta beberapa maklum lain. Ada lebih kurang enam orang muda, yang selebihnya orang muda dan kanak-kanak.

“Maaf ustaz saya nak bertanya.” Seorang makmum yang duduk di depan sekali bersuara.

“Silakan.”

“Adakah seseorang itu dikatakan tidak bersyukur jika ia menokok tambah kejadian Allah di muka bumi ini?”

“Ya, alam semula jadi ciptaan Allah ini sudah cukup sempurna. Allah ciptakan pokok-pokok, gunung-ganang, bukit-bukau, sungai, laut, bulan bintang dan sebagainya sudah cukup lengkap. Jangan diganggu! Jika diganggu, akan berlakulah kerosakan,” terang Ustaz Hafiz lagi seperti memberi amaran. Dia meneguk sedikit air dalam gelas yang disediakan.

“Boleh ustaz berikan satu atau dua contoh, supaya di antara kita lebih faham apa yang ustaz jelaskan tadi...”

pinta lelaki yang bersuara tadi.

“Contoh yang jelas, seperti apa yang berlaku baru-baru ini di negara kita. Kondominium runtuh misalnya. Ini terjadi kerana ia dibina di tanah tinggi yang tidak sesuai didirikan. Kita perhatikan maksud ayat 41, *surah* Ar-Ruum yang bermaksud, : *Telah nampak kerosakan di darat dan di laut disebabkan kerana perbuatan tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian daripada akibat perbuatan mereka, agar mereka kembali ke jalan yang benar.*

“Allah menjadikan gunung-ganang dan bukit-bukau itu sebagai tonggak atau paksi kepada bumi. Jika paksi-paksi itu dirosakkan, diratakan atau dihancurkan akan goncanglah bumi ini. Bukankah segala kerosakan ini dilakukan oleh manusia sendiri. Akhirnya manusia itu juga yang menerima bencana akibat perbuatan tangan mereka.

“Ini ditegaskan lagi dalam surah an Nahl ayat 15, Allah berfirman bermaksud, *“Dan Dia menancapkan gunung-gunung di bumi supaya bumi itu tidak bergoncang bersama kamu, dan Dia menciptakan sungai-sungai dan jalan agar kamu mendapat petunjuk.”*

“Contoh yang lain, penebangan pokok-pokok. Jika ini dilakukan berterusan, bumi akan semakin bertambah panas, kerana pokok-pokoklah yang akan menyerap haba dari ruang udara kita. Penebangan pokok juga akan menyebabkan, tanah terhakis ke dalam sungai. Sungai akan mendap dan mengakibatkan banjir. Manusia juga yang menjadi mangsa akibat banjir.

“Kerana penebangan pokok juga, akan menyebabkan takungan air. Apabila tanah tidak mampu menakung air yang berlebihan, akan berlakulah tanah runtuh seperti yang berlaku baru-baru ini. Cuba tuan-tuan fikir, adakah kita menyedari perkara itu?

Semua makmum yang ada di masjid itu terdiam. Ada di antara mereka, aku lihat berpandangan sesama sendiri. Mungkin mereka menyedari, semua itu berlaku kerana kelalaian mereka sendiri. Kata-kata Ustaz Hafiz yang bersandarkan al-Quran itu memang benar.

"Pada pandangan ustaz, mengapakah perkara seperti ini berlaku? Maksud saya dilakukan oleh manusia." Seorang lagi makmum bertanya. Beberapa makmum memandang ke arah lelaki yang duduk di barisan tengah itu.

"Seperti yang saya katakan tadi. Manusia tidak pernah bersyukur dengan apa yang ada. Sifat tamak dan rakus sentiasa mendorong manusia melakukan kerja yang ditegah. Allah menciptakan alam ini melakukan kerosakan, tetapi sebaliknya berlaku...

"Malangnya dalam keadaan begini pun, ada manusia yang menyalahkan Allah kerana menurunkan bencana. Manusia tidak sedar, bencana itu sebenarnya untuk memperingatkan kita supaya tidak melakukan kerosakan tetapi kita lihat sekarang, tanah-tanah tinggi sudah rata, bukit bukau sudah gondol." Terang Ustaz Hafiz panjang lebar. Beberapa makmum aku lihat mengangguk.

"Tapi Ustaz, itu adalah salah satu cara untuk membangunkan negara dan umat juga!" Tambah makmum yang bertanya tadi.

"Benar. Agama sendiri menyuruh kita berusaha dan membangun tetapi tidak disuruhnya kita merosakkan yang lain untuk mendapatkan yang lain. Bagi manusia yang berfikir, perkara ini boleh diseimbangkan dengan tidak merosakkan yang sedia ada. Manusia diberinya akal dan fikiran untuk berfikir."

Aku merenungkan kata-kata Ustaz Hafiz, memang jelas kebenarannya. Selama ini apa yang aku tahu kerosakan alam banyak terjadi berpunca dari perbuatan manusia. Tidak salah kalau manusia itu sendiri yang menerima padahnya.

"Pada pandangan ustaz, manusia bukan saja bertanggungjawab terhadap diri, keluarga, agama, bangsa dan negara tetapi juga kepada alam tempat manusia diami." Seorang lagi makmum bersuara.

"Ya benar. Alam ini merupakan anugerah kepada manusia dan menjaganya adalah satu amanah. Sesiapa

yang merosakkan, bermakna mengengkari amanah Allah!" Begitu bersemangat Ustaz Hafiz berhujah. Baru aku sedar, menjaga alam sekitar ini juga dituntut dalam agama. Malah banyak ayat-ayat dalam al-Quran memperingatkan supaya tidak melakukan kerosakan tetapi malangnya ramai yang mengengkari.

Aku termenung seketika. Kalau memandangi sekeliling sudah beratus-ratus kerosakan dilakukan oleh manusia terhadap alam anugerah ini. Malah sudah ramai pula yang menerima akibat daripada perbuatan mereka.

"Hai Fik, apa yang Fik menungkan tu?"

Aku tersedar dari lamunan apabila datuk tiba-tiba menegur. Aku menoleh. Selepas solat isyak jemaah di masjid, aku dan datuk pulang ke rumah.

Di rumah, nenek sudah menyediakan makan malam. Tanpa berlengah aku menjamah nasi. Tambah pula lauk yang nenek masak, memang kegemaranku seperti ulam-ulaman.

Di bandar sukar hendak mendapat sayuran kampung seperti pucuk paku, pucuk ubi, jantung pisang, daun pegaga, jering, pucuk daun malinjau, cekor manis dan banyak lagi. Semua sayur-sayuran kampung itu mempunyai khasiat dan zat kerana baru saja dipetik.

"Sebenarnya tuk, Fik teringatkan kuliah agama di masjid tadi," ujarku membetulkan tempat duduk. Selepas makan malam aku berehat di ruang tamu sambil menonton tv. Tetapi tidak ada rancangan menarik. Aku biarkan kaca tv tidak bertonton.

"Apa yang tak kenanya?" Datuk bingkas. Dia membuka tingkap cermin. Angin malam berhembus lembut, sesekali kuat seperti mahu hujan.

"Betul kata Ustaz Hafiz, ramai manusia tak tahu bersyukur Tuk. Contohnya banyak. Kerana tak tahu bersyukur, manusia lakukan apa yang mereka suka. Betul tak, tuk?"

Datuk duduk semula di tempat tadi.

"Betul tu. Kalau tak silap Atuk dalam surah Ibrahim, ayat 34, Allah berfirman bermaksud, "Sekiranya kamu

cuba menghitung nikmat Allah, sungguh kamu tidak akan sanggup menghitung kerana terlalu banyak, tetapi sayang masih banyak manusia yang zalim, tidak pandai berterima kasih atas nikmat Allah itu," jelas datuk panjang lebar.

"Kalau macam tu, sejak kecil azali lagilah Allah memang sudah memperingatkan kita supaya alam anugerah Allah ini dijaga dan dipelihara?"

"Ya, dalam al-Quran sendiri sudah ditegaskan. Cuma manusia saja yang tidak berfikir bahawa nikmat Allah itu jangan diganggu-gugat," jelas datuk lagi.

Aku diam sejenak. Penerangan Ustaz Hafiz dan penjelasan datuk itu kalau direnung memang menginsafkan diri. Betapa manusia terlalu kecil di dalam dunia ciptaan Allah ini. Tidak seharusnya mencatat celakan ciptaan-Nya.

"Oh ya tuk. Sebenarnya ada perkara yang Fik nak cerita pada datuk,' ujarku sambil memandang wajah datuk.

"Apa dia cakaplah...."

"Begini tuk. Semalam Fik dan Bad ingat nak pergi memancing di hulu sungai tepi bukit sana tu. Tapi bila Fik dan Bad pergi, warna sungai sudah berubah. Fik yakin ada orang mencemarkan sungai. Memang betul. Bad dan Fik siasat. Sedang Fik siasat, dua lelaki sergah Fik dan Bad. Kami cabut!" ujarku berterus terang.

Aku fikir, aku tidak perlu menunggu Bad bercerita pada datuk. Kebetulan pula petang tadi ada anggota polis datang mencari maklumat. Lebih baik aku memberitahu datuk sahaja.

"Lepas tu apa yang berlaku?" Datuk bertanya seolah-olah tidak percaya dengan ceritaku.

"Pagi tadi, masa datuk dan nenek ke hospital, Fik ajak Bad pergi semula ke tempat semalam. Kami intip lagi. Dua lelaki semalam itulah yang melakukan kerja ini. Di situ ada satu pondok buruk, tuk!" Aku berterus-terang.

Aku yakin, datuk pasti akan mengungkit kerana tidak mematuhi pesanan supaya menjaga rumah semasa ketiadaannya.

"Jadi Fik dan Bad tak patuhi pesanan tuk ya?"

Aku sudah menduga datuk akan berkata demikian.

Aku senyap.

"Tapi tak apalah. Atuk puji sikap Fik dan Bad yang sanggup menyusahkan diri kerana ada semangat nak menjaga alam sekitar," jelas datuk.

"Fik ingat tuk, kita kena beritahu polis yang datang petang tadi. Fik ingat, mereka mesti buat kerja yang dilarang. Lagipun, Fik memang curiga dengan perlakuan mereka sejak dua tiga hari ini.

"Kalau perkara tu betul, memang kita kena bagi tahu pihak berwajib. Tak sangka pulak. Selama ni di kampung ni tak ada apa-apa perkara tak baik berlaku!" Datuk seperti tidak percaya apa yang aku ceritakan tetapi aku yakin, datuk akan mendapatkan maklumat dari punca lain.

"Tuk ingat lagi tak petang semalam?"

"Apa dia?" Datuk seperti cuba mengingati sesuatu.

"Petang semalam, masa Bad datang sini, dia kata ada orang kejar dia. Bad bagi tahu Fik, orang yang kejar Bad tu, orang yang kami nampak di tepi bukit dekat hulu sungai sana," terangku.

"Eh, kita tak boleh biarkan! Kenapa pulak dia kejar Bad?"

"Mungkin mereka perasan kami mengintip mereka!"

Bab 12

**NEGARAKU
YANG MAKMUR**

HARI keempat berada di kampung terasa seperti baru semalam. Belum puas untuk ke sana ke mari. Kalau boleh aku mahu keliling kampung. Tetapi apabila mengingatkan ada orang yang mencurigakan berkeliaran di kampung, aku batalkan niat untuk berjalan-jalan.

Aku bimbang, orang yang mengejar Badrul semalam akan mengejar aku pula. Apabila aku fikirkan semula, mengapa aku mesti takut sedangkan aku tidak bersalah?

Bagaimanapun pesan ayah dan ibu semasa aku hendak bertolak ke rumah datuk, perlu aku patuhi. Aku tidak mahu perkara yang tidak diingini berlaku.

Kalau di bandar, cuti sekolah begini tidak banyak aktiviti dilakukan. Mahu tidak mahu, duduk di rumah saja atau sesekali ke rumah Yogeswaran atau teman-teman sekolah yang lain pada waktu petang.

Tetapi musim cuti sekolah kali ini, ramai teman-temanku yang bercuti bersama keluarga ke luar negara. Maklumlah, ada di antara mereka dari kalangan orang berada. Tidak mahu bercuti di dalam negeri.

Kalau hendak dibandingkan dengan luar negara, negara sendiri apa kurangnya? Banyak lagi tempat-tempat menarik boleh dikunjungi. Keadaan alam semula jadi yang indah permai serta negara yang aman dan makmur, memang menjadi tarikan pelancongan.

Anehnya, rakyat negara sendiri bercuti ke luar negara. Manakala rakyat negara luar, melancong ke negara ini. Kehijauan alam sekitar dan suasana yang mendamaikan, pantainya bersih, rakyatnya yang ramah, serta Kempen Melawat Malaysia yang diadakan setiap tahun, tidak ada sebab mengapa memilih negara luar untuk bercuti.

"Fik, apa yang dimenungkan tu?" Suara datuk menegur.

Aku tersedar dari lamunan. Mungkin sejak tadi datuk memerhatikan. Pagi-pagi selepas sarapan, datuk meminta aku menolongnya memetik buah kelapa sawit di sekitar kawasan rumah.

Aku tidak keberatan. Sekurang-kurangnya dengan bekerja menolong datuk dapat mengeluarkan peluh. Kalau keluar, tentu badan sihat sebab banyak lemak-lemak dalam badan dapat dikeluarkan.

Aku lihat datuk asyik mengait buah kelapa sawit. Dia beralih dari satu pokok ke satu pokok apabila buah kelapa sawit dapat dikaitkan.

Pelepahnya yang jatuh ke tanah perlu dipotong, kemudian dilonggokkan di tempat yang disediakan. Itu antara tugas ringan yang perlu aku buat, kata datuk memberitahu semasa sarapan.

Selepas itu jika ada biji kelapa sawit yang gugur dari tandannya akan dikutip dan dimasukkan ke dalam karung plastik. Aku lihat banyak juga biji kelapa sawit yang gugur dari tandannya.

Tanpa berlengah aku memotong pelepah kelapa sawit yang jatuh ke tanah. Banyak pelepah bersimpang siur. Tugas aku mengemas dan membersihkannya.

Datuk menggunakan galah buluh untuk mengait tandan kelapa sawit. Di hujung batang buluh itu, penyabit tajam melengkong seperti bulan sabit diikat dengan tali getah. Tinggal dua pokok kelapa sawit yang buahnya belum dikaitkan.

Aku memandang kehijauan daun-daun pokok kelapa sawit. Tingginya kira-kira sepuluh meter dari tanah. Datuk memasukkan mata penyabit di celah-celah pelepah itu jatuh ke tanah.

Mata penyabit dimasukkan ke celah-celah tangkai tandan kelapa sawit. Kelihatan tandan itu sudah merah. Lebih kurang lima puluh biji yang tertanggal dari tandan jatuh ke tanah.

Datuk mengait perlahan-lahan. Tidak lama kemudian, tandan itu terpisah dari tangkai dan terjatuh ke tanah. Datuk berpusing ke sebelah. Dia mendongak. Tidak ada tandan yang masak. Di celah-celah pelepah, dikeliling buah kelapa sawit yang menunggu untuk masak.

Datuk mengalih ke satu pokok lagi. Kira-kira

sepuluh meter dari pokok tadi. Aku ke tempat pokok yang baru dikait tadi. Pelepah yang berselerak aku potong dengan parang panjang dan memotong pelepah pokok kelapa sawit itu menjadi tiga. Kemudian aku angkat satu persatu. Aku kumpulkan pada longgokan yang sedia ada.

Tidak jauh dari situ, nenek sedang mengutip biji-biji kelapa sawit yang gugur kemudian dimasukan ke dalam karung plastik.

"Hai, rajin Fik hari ini?"

Aku menoleh. Badrul yang datang berbasikal masuk ke halaman rumah. Dia terus menyandarkan basikal berhampiran anak tangga.

"Nasib baik Bad datang!" ujarku sebaik sahaja Badrul menghampiri. Dia menolong mengangkat pelepah yang sudah aku potong tadi.

"Kenapa?"

"Kalau tak, nampaknya Fik seorang sajalah yang tolong atuk!" kataku sambil menetak pelepah. Sekali tetak tidak putus. Aku tetak sekali lagi. Badrul hanya memerhatikan.

"Orang bandar, sesekali datang kampung kena buat kerja macam ni. Baru tahu, susah atau senang jadi orang kampung. Kalau tinggal di bandar, tak merasalah kerja-kerja macam ni. Bad tak kisah. Bad dah biasa buat kerja-kerja macam ni," ujar Badrul. Dia mengangkat pelepah yang aku potong tadi.

"Ha, Bad pun ada. Bila sampai?" Datuk bertanya sebaik saja melihat Badrul di sisiku.

"Baru saja tuk. Kalau tak datang, kasihan pulak Fik sorang-sorang buat kerja," ujar Badrul. Aku tahu Badrul bergurau.

"Kalau Fik penat, rehatlah dulu. Lepas rehat nanti boleh angkut buah kelapa dengan kereta sorong." Datuk melangkah ke bangku panjang, di bawah pokok ketapang. Galah pengait buah disangkut pada pokok kelapa sawit.

Di situ, nenek sudah sediakan air dan sedikit baki sarapan pagi tadi. Pengat ubi yang dibalut daun pisang. Dahiku terasa basah oleh peluh. Walaupun matahari

belum tinggi tetapi kerana bekerja, banyak peluh yang keluar.

Tanpa berlengah aku melangkah ke bangku panjang. Datuk sudah duduk. Dia menyeka keringat dengan tuala kecil. Badrul mengekori.

Datuk menuang air ke dalam tiga gelas. Aku di sebelah kanan datuk. Badrul di sebelah kiri datuk. Datuk mengambil segelas untukku.

"Banyak buah kelapa sawit kali ni, tuk?" Tanyaku. Dari bangku panjang, aku dapat lihat hampir pada setiap pokok, ada buah yang dipetik. Malah pada satu pokok sampai tiga tandan yang masak sekali gus.

"Boleh tahan. Tengoklah daun-daun pokok yang subur menghijau. Tanah di sini memang sesuai untuk tanaman kelapa sawit. Tambah pula selalu dibaja. Lagipun sekarang jumlah kawasan tanaman kelapa sawit semakin bertambah." Datuk meneguk air yang baru dituang ke dalam gelas. Topi bulat di kepala ditanggalkan. Diletakkan di sebelahnya.

"Malaysia merupakan pengeluar dan pengeksport minyak sawit yang utama di dunia. Betulkan, tuk?" Badrul bersuara.

"Betul. Pandai cucu Atuk." Datuk menepuk bahu Badrul. Badrul tersengeh-sengeh apabila dipuji.

"Tapikan tuk, mengapa negara-negara barat mengadakan kempen anti minyak kelapa sawit?" Aku bertanya. Kalau tidak silap aku perkara ini semakin hangat diperkatakan semula di akhbar sejak kebelakangan ini.

"Sebenarnya Fik, Bad, minyak kelapa sawit menjadi saingan minyak kacang soya yang dikeluarkan oleh negara mereka. Mereka mengadakan kempen memburuk-burukkan minyak kelapa sawit kerana pengeksportan minyak kacang soya semakin berkurangan." Tegus datuk. Dia mengipas-ngipas dada dengan topi tadi.

"Ada tak negara-negara yang terpengaruh dengan kempen negara barat tu tuk?" Badrul bertanya. Dia mengambil pengat pisang kemudian dikupas daun pisang yang membalut.

"Ada. Macam Nigeria dan beberapa negara lain. Mereka terpengaruh dengan kempen buruk Amerika Syarikat. Negara itu mempengaruhi negara lain dengan menabur fitnah kononnya minyak kelapa sawit mengandungi banyak kolesterol yang boleh membahayakan kesihatan. Sebenarnya tidak. Tetapi mereka tak sedar. Kajian yang dibuat baru-baru ini, minyak kacang soya mengandungi sejenis asid yang boleh menjejaskan kesihatan," jelas datuk lagi. Dia menuang air ke dalam gelas.

"Bila negara ini tidak mengimport kelapa sawit dari negara kita, sudah tentu mereka akan mengimport minyak kacang soya. Begitukan tuk?" Aku mengagak.

"Benar. Amerika Syarikat melalui Persatuan Kacang Soya melakukan kempen berterusan sehingga sekarang. Minyak sawit menjadi ancaman utama kerana mutunya yang baik dan kos pengeluaran yang rendah," tegas datuk. Datuk bingkas. Dia mengambil kereta sorong, tidak jauh dari situ untuk mengangkat kelapa sawit.


"Dahsyat ya tuk, perbuatan mereka...." Aku bingkas bangun. Badrul juga bingkas bangun. Aku mengekori datuk. Di langit sinar matahari mulai terik memancar.

"Ya memang dahsyat. Mereka menggunakan akhbar-akhbar negara mereka dengan memburuk-burukkan minyak sawit kerana pengusaha kacang soya di negara barat terjejas teruk. Sekarang negara barat mula membuka mata kerana negara kita memperolehi penemuan baru dari minyak kelapa sawit," tegas datuk.

Datuk mengangkat setandan kelapa sawit. Kemudian dimasukkan ke dalam kereta sorong. Aku hanya memegang pemegang kereta sorong. Walaupun tubuhku agak gempal sedikit tetapi tidak terlarat mengangkat setandan kelapa sawit.

"Apa penemuan baru tu tuk?" Badrul tidak sabar-sabar ingin tahu. Dia mengutip biji kelapa sawit yang gugur, kemudian dimasukkan ke dalam kereta sorong.

"Selama hampir sepuluh tahun kajian dijalankan, sekarang minyak kelapa sawit boleh dijadikan bahan api



untuk menggerakkan kenderaan." Datuk menolak kereta sorong ke pokok satu lagi. Di situ ada dua tandan yang dikait. Aku menghampiri, cuba mengangkat setandan tetapi tidak terangkat. Datuk hanya tersenyum memerhatikan.

"Jadi, kereta boleh bergerak menggunakan minyak kelapa sawit, ya tuk?" Aku bersuara. Di situ tidak ada biji kelapa sawit yang gugur.

"Ya, minyak ni bukan saja tinggi mutunya tetapi tidak mencemarkan alam kerana bahan buangnya cuma wap dan karbon dioksida yang boleh digunakan kembali oleh tumbuh-tumbuhan," jelas datuk lagi. Datuk mengangkat setandan lagi kelapa sawit di bawah pokok itu. Di dalam kereta sorong ada tiga tandan.

"Wah, sudah bagus tu. Tak lama lagi tentu pekebun kecil yang mempunyai kebun kelapa sawit, akan bertambah hasil pendapatan!" ujar Badrul. Dia cuba menolak kereta sorong. Perlahan-lahan bergerak ke arah satu pokok lagi.

"Tapi Bad, sekarang ni penggunaannya belum meluas. Setakat ni kira-kira 36 enjin sudah diuji dan hasilnya cukup membanggakan kerana diesel kelapa sawit lebih baik daripada diesel petrolium." Datuk mengangkat setandan kelapa sawit. Empat tandan dalam kereta sorong sudah cukup untuk ditolak ke tempat longgokan di halaman rumah. Kata datuk, di situ nanti lori akan datang mengambil.

Aku mengangguk. Aku bangga kerana negaraku telah maju setapak lagi jika dibandingkan dengan negara-negara maju lain dalam teknologi bahan api.

Nenek yang tadi mengutip biji kelapa sawit yang gugur, aku lihat sedang memotong lidi daun kelapa sawit yang masih berdaun. Aku memerhatikan. Aku tidak tahu apa yang nenek hendak buat dengan kelapa sawit itu.

"Sebenarnya kelapa sawit ni banyak gunanya. Lidi kelapa sawit boleh dibuat penyapu. Ia lebih lembut jika dibandingkan dengan lidi daun kelapa. Tempurung kelapa boleh digunakan untuk menambak jalan. Malah

batang pokok kelapa sawit sekarang sudah dibuat kajian untuk dibuat perabot," ujar datuk. Dia menolak kereta sorong yang sarat dengan tandan kelapa sawit ke halaman. Di situ, tandan kelapa sawit diturunkan.

Aku dan Badrul menolong datuk menurunkan tandan kelapa sawit. Sedang aku dan Badrul menolong datuk menurunkan tandan kelapa sawit di ~~jalan~~ jalan raya, Sood terjengok-jengok. Dia seperti hendak masuk ke halaman tetapi masih tercegat memerhatikan kami.

"Apa hal dengan si Sood tu? Tak pernah dia buat macam tu?" Datuk bersuara sambil memandangi wajah Sood.

"Jadi ke tuk, Sood tu dibawa ke Tanjung Rambutan?" Aku bertanya ingin kepastian. Badrul juga berminat ingin tahu.

"Itu saja Fik caranya kalau nak rawat dia. Sekurang-kurangnya hidup Sood tu lebih terjamin dari segi keselamatan dan makan pakainya. Kalau di sini pun, tiada siapa yang ambil tahu," jelas datuk.

"Saudara maranya sudah diberitahu tuk?" Badrul bertanya.

"Sudah. Tapi nampaknya mereka serahkan semuanya pada ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung."

"Kasihlah Sood tu. Beginilah nasib. Manusia hanya kenal saudara jika senang. Tetapi jika susah, hidup seperti terasing," ujarku.

Di jalan raya, Sood seperti melambai-lambai. Aku memandangi datuk. Datuk memandangi semula.

Kami saling berpandangan. Tidak faham apa yang Sood mahu perkatakan.

Bab 13

**AIR
KUMBAHAN**

PETANG ini, aku bercadang ingin mengajak Badrul melihat projek ternakan ikan air tawar yang dijalankan oleh ahli persatuan belia. Kata Badrul, Kalau nak tengok bermacam-macam jenis ikan air tawar, boleh lihat ke tempat itu. Tidak dapat memancing, dapat melihat ikan dalam sangkar atau dalam kolam pun jadilah, fikirku.

Tetapi petang itu, datuk meminta aku dan Badrul menolongnya membuat lubang di belakang rumah selebar 1 x 1 meter, dalamnya kira-kira setengah meter. Katanya lubang itu untuk digunakan menimbus tin-tin kosong, botol plastik, sampah sarap dan bahan buangan yang tidak berguna.

Selepas makan tengah hari, mandi dan solat zohor di rumah, aku berehat-rehat di kerusi panjang di beranda. Tanpa aku sedari rupa-rupa aku tertidur. Aku rasa terlalu penat kerana menolong datuk memungut buah kelapa sawit di sekitar rumah.

Datuk mengejutkan aku sebaik sahaja dia pulang dari masjid menunaikan solat asar berjamaah. Mulanya aku rasa malas hendak bangun. Mata seperti mendengar datuk mengejutkan tetapi kelopak mata amat berat hendak dibuka.

Setelah menggeliat beberapa kali, aku gagahi juga membuka mata. Matahari sore bersinar cerah. Setengah jam setelah datuk mengejutkan, baru terasa penat terasa hilang. Tentu lebih segar apabila membasuh muka.

Aku menoleh ke ruang tamu. Rupa-rupanya Badrul juga terlelap, tidak jauh dari situ. Tadi aku mendengar, datuk turut mengejutkan Badrul tetapi Badrul masih lagi terlena. Aku termenung sejenak sebelum mengambil wuduk dan bersolat asar.

Selesai solat asar, aku mengejutkan Badrul. Nampaknya liat sangat dia hendak bangun. Agaknya bangun pagi dia pun begitu juga, fikirku. Ketika Badrul masih menggeliat, aku ke belakang rumah. Tentu datuk sudah lama menunggu.

Di situ datuk sudah membuat tanda kawasan seluas 1 x 1 meter untuk dibuat lubang. Nenek turut menolong

datuk membersihkan kawasan sekitar. Aku turut membersihkan kawasan itu. Rumput-rumput aku cabut. Tidak lama kemudian Badrul menyusul.

"Minggu depan pegawai-pegawai Unit Rancangan Kebersihan Alam Sekitar dari Pejabat Kesihatan Daerah akan melakukan pemeriksaan dari rumah ke rumah untuk memastikan kebersihan kawasan rumah," beritahu datuk sebaik sahaja aku memegang batang cangkul.

"Semua kampung di daerah ini kena periksa ya tuk?" Badrul bertanya. Dia masih tercegat memerhatikan datuk yang sedang mencangkul.

"Ya. Di daerah Kuala Selangor ni ada 56 buah kampung, luasnya kira-kira 118, 104 hektar dibahagi kepada sembilan mukim. Unit Rancangan Kebersihan Alam Sekitar menumpukan kegiatannya kepada kampung di luar bandar dan masih serba kekurangan," jelas datuk sambil berhenti sejenak. Dia menarik akar kayu yang kebetulan terkena mata cangkul.

"Apa tujuannya unit ni adakan pemeriksaan dari rumah ke rumah, tuk?" Tanyaku sambil mencangkul. Rendah saja aku mengangkat cangkul memandangkan lubang yang mahu digali tidak besar. Bimbang akan berlagu dengan cangkul datuk.

"Banyak Fik. Antaranya mahu menentukan setiap buah rumah menyediakan tempat pembuangan sampah dan air kumbahan yang sempurna supaya serangga pembawa penyakit seperti lalat, nyamuk, lipas, tikus tidak membiak." Datuk mencangkul semula. Tanah yang dicangkul dilonggokkan di tepi supaya mudah untuk menimbus nanti.

"Kalau begitu setiap rumah kenalah buat lubang macam ni, ya tuk?" Badrul bersuara. Nenek sudah beredar dari situ. Dia mencari tin-tin kosong, tayar buruk, bekas plastik di sekitar rumah.

"Sudah sepertinya, sebab Pejabat Daerah Kesihatan juga mahu memastikan sejauh mana penyertaan penduduk kampung untuk memperbaiki kebersihan alam sekitar rumah dan kampung mereka." Datuk mencangkul

dan terus mencangkul. Tanah yang dicangkul sudah banyak berlonggok di tepi lubang.

"Macam mana dengan sambutan penduduk di sini, Tuk? Adakah mereka juga membuat lubang seperti ni?" Aku bertanya. Dada terasa mengah, barangkali kerana tidak biasa.

"Semua penduduk kampung sudah pun diberitahu sebelum sembahyang Jumaat di masjid minggu lepas. Cara ini juga yang terbaik untuk mendidik kanak-kanak menggunakan kemudahan kebersihan yang terdapat di rumah mereka." Datuk berhenti sejenak. Banyak peluh membasahi belakang baju T putih yang dipakai.

"Macam mana Pejabat Kesihatan Daerah tu memilih kampung-kampung untuk rancangan ni tuk? Sebab Fik fikir, tak semua kampung di daerah ini ada kemudahan asas?" Aku memberikan cangkul kepada Badrul.

"Sebenarnya Fik, keutamaan diberi kepada kawasan luar bandar yang mempunyai pertubuhan masyarakat seperti persatuan belia, pertubuhan peladang dan ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung. Ini memudahkan mereka mengadakan kerja gotong royong jika diperlukan," tegas datuk. Air dalam botol plastik yang nenek sediakan, datuk capai. Air dituang ke dalam gelas dan diteguk perlahan-lahan.

"Macam mana pula dengan kampung yang pernah diserang penyakit tapi tak ada pertubuhan belia atau pertubuhan sosial?" Tanyaku sambil melihat Badrul mencangkul.

"Kawasan seperti ini juga diberi keutamaan. Sebab kawasan yang sering diserang penyakit seperti kolera, tifoid, denggi dan sebagainya berkemungkinan akan berulang lagi berpenyakit yang sama. Selain itu, kawasan yang ada program Amalan Pemakanan dan Pemakanan, program Kesihatan Ibu dan Anak dan Perancang Keluarga juga diberi keutamaan." Tegas datuk lagi. Nenek yang mencari benda-benda yang perlu dikambus, meletakkan benda-benda itu tidak jauh dari lubang.

Datuk meneruskan kerjanya. Walaupun aku tidak

biasa mencangkul, bukan bermakna aku tidak tahu langsung. Mencangkul bukan kerja susah. Kira-kira sepuluh kali mencangkul, seperti berlari lima puluh meter penatnya. Keringat mula membasahi dahi.

Aku lihat Badrul mencangkul seperti dia sudah biasa melakukannya. Maklumlah dia anak kampung, aku anak bandar. Memegang cangkul, parang, tajak dan sabit jarang sekali.

Aku memerhatikan Badrul mencangkul. Laju saja pergerakannya. Mungkin sudah biasa mencangkul. Mungkin sudah biasa, fikirku.

“Hujung minggu ni, penduduk kampung akan bergotong royong membina tandas curah. Kalau Fik dan Bad ada masa. Boleh ikut serta,” beritahu datuk sambil menyeka peluh di dahi.

“Tapi Fik tengok banyak rumah di kampung ni cantik-cantik, takkan mereka tak gunakan tandas curah, tuk?”

“Gotong royong bina tandas curah ni untuk mereka yang tidak berkemampuan. Di sesetengah tempat, kerajaan membekalkan mangkuk dan paip plastik. Manakala pemasangan mangkuk dan paip tandas simen, kerajaan akan memberikan subsidi. Untuk membinanya gotong royong diadakan,” Badrul mencelah.

“Sebenarnya Fik, kerajaan bertanggungjawab untuk memastikan kesihatan rakyat terjamin. Apa yang perlu menyediakan lubang dan rumah tandas. Pembantu Kesihatan Awam akan mengawasi kerja-kerja ini,” tambah datuk lagi. Lubang yang digali sudah sedalam setengah meter.

“Kenapa di bandar tidak diadakan kemudahan seperti ini, tuk? Bukankah kesihatan mereka perlu juga diutamakan?” Aku mempersoalkan kerana ada sesetengah penduduk bandar tidak mendapat kemudahan seperti itu walaupun tidak tinggal di kawasan perumahan.

“Macam ni Fik. Sebenarnya kawasan bandar mempunyai bekalan air yang cukup, loji pembuangan najis, sampah dan air kumbahan. Tetapi di kampung-

kampung tidak ada kemudahan seperti loji penapisan najis, lori yang mengangkut sampah dan pemprosesan air kumbahan," ujar datuk. Dia berehat sebentar. Di sekeliling tempat lubang itu agak jauh dari pokok kelapa sawit.

Aku mengangguk.

"Air kumbahan tu apa, tuk?" Badrul bertanya.

"Air kumbahan tu, air yang telah digunakan oleh manusia dari berbagai-bagai kegiatan, misalnya air basuhan dari rumah, kilang-kilang, pejabat, bangunan, tempat awam, sekolah dan sebagainya. Air kumbahan dari rumah kediaman biasanya hasil daripada bahan pencuci, sisa makanan, najis dan sebagainya."

"Ia membawa kesan kepada persekitaran ya, tuk?"

Aku bertanya sambil memerhatikan Badrul yang memperdalamkan lagi lubang seluas satu meter persegi itu.

"Benar. Air kumbahan ni mengandungi kuman dan boleh menjadi penyakit jika bercampur dengan air minuman atau mencemari tempat rekreasi seperti taman atau pantai. Ia lebih bahaya jika air kumbahan ini dibuang ke sungai dan air sungai itu dijadikan air minuman." Datuk seperti mengingatkan. Kalau tidak silap aku, air sungai di Kuala Lumpur banyak dari hasil air kumbahan ini.

"Tak adakah langkah untuk mengolah air limbah ni, tuk?" Badrul bersuara sebaik sahaja dia meletakkan cangkul. Mungkin dia penat. Peluh membasahi dahinya.

"Ada. Ia boleh diolah supaya boleh digunakan semula. Contohnya air kumbahan yang diolah, digunakan untuk perindustrian dan enap cemarinya digunakan untuk baja."

"Bad pernah tengok, ada orang gunakan air yang telah digunakan seperti mencuci pinggan mangkuk untuk menyiram sayur-sayuran. Tak bahayakah tuk?" Badrul memandang wajah datuk.

"Eh, tak boleh tu, sebab air kumbahan ini mengandungi bahan kimia, radioaktif, asid dan alkali. Apa lagi jika sayur-sayuran itu yang dimakan mentah seperti

ulam umpamanya." Tegas datuk.

"Kalau macam tu, Bad kenalah beritahu mereka sebab mungkin mereka tak tahu. Mereka ingat air kumbahan itu seperti baja agaknya...." Balas Badrul. Dia duduk memerhatikan lubang yang menantikan masa untuk disumbat dengan sampah sarap, tayar buruk dan tin kosong.

"Lepas ni kita kena buat lubang tandas, ya tuk?" Tanyaku.

"Tak payahlah Fik. Kita kan dah ada tandas curah. Tandas curah tu untuk mereka yang tidak mampu mengadakannya," balas datuk.

"Buat lagi satu apa salahnya tuk?"

"Tak salah, tapi ada baiknya beri pada mereka yang memerlukan. Tak begitu?"

Aku mengangguk.

"Kalau gunakan tandas biasa, bukan tandas curah tak boleh ke tuk?" Badrul pula bertanya.

"Bukan tak boleh Bad, tapi najis yang terdedah akan memudahkan penyakit berjangkit yang dibawa oleh lalat. Tapi syukurlah, kajian yang dibuat oleh Unit Kebersihan Alam Sekitar, Pejabat Daerah Kesihatan Kuala Selangor ni, mendapati kira-kira 85.5 % daripada 11,085 buah rumah sudah mempunyai tandas curah yang sempurna. Hanya kira-kira 14.5% saja rumah yang belum mempunyai tandas yang sempurna," jelas datuk. Dia yang kerap ke Pejabat Daerah, tentunya maklum dengan perkara ini.

"Kenapa yang selebihnya tu tak menggunakan tandas curah? Agaknya mereka tak dapat subsidi tak? Atau mereka tidak mahu menggunakan tandas curah?" Badrul bertanya.

"Ada beberapa sebab, antaranya keadaan kawasan yang rendah di mana aras air di permukaan tinggi. Kawasan ini memerlukan tangki najis khas dan memerlukan belanja yang tinggi. Yang kedua, sikap penduduk yang terlalu mengharapkan subsidi dan memandang ringan kepentingan tandas curah ini dan ketiga, rumah-rumah yang didirikan di tepi sungai atau

pantai. Ini juga memerlukan tangki bersimen, jika tidak air najis akan meresap ke kawasan aras air. Tangki khas ini mahal harganya." Terang datuk panjang lebar.

"Kalau macam tu susahlah. Sampai bila-bilapun mereka tidak akan ada tandas yang sempurna?" Tegasku.

"Mereka yang belum menggunakan tandas curah ini, boleh gunakan tandas lubang. Tapi tandas lubang ini akan mencemari air dalam tanah. Secara tidak langsung air ini akan mencemari perigi berhampiran. Tandas seperti ini dianggap terdedah kerana ia berbau dan dihinggapi lalat," tambah datuk. Dia bingkas bangun. Datuk memeriksa sama ada dalam lubang itu sudah mencukupi atau belum.

"Apa kelebihan tandas curah ni Tuk?" Badrul bersuara.

"Kelebihannya, tandas curah ini bersih, murah harganya dan mudah dibina, sesuai untuk kawasan luar bandar yang tidak mendapat bekalan air. Tandas ini tidak perlukan kawasan luas dan boleh digunakan pada musim kemarau. Tapi ia ada kelemahannya kerana tidak boleh mengolah air kumbahan, dibuat jauh dari telaga. Ia tidak sesuai dibuat di tanah liat kerana susah meresap," terang datuk panjang lebar.

Sekarang baru aku faham. Tidak rugi, melihat projek kolam ikan air tawar kerana di sini banyak pengetahuan aku perolehi.

Bab 14

**TETAMU
TIDAK DIUNDANG**

Awal pagi, Kampung Bukit Hijau menyambut kedatangan hari Khamis dengan suasana yang ceria. Walaupun menurut datuk sudah sebulan tanah di kampung ini tidak dibasahi hujan tetapi setiap pagi embun turun membasahi daun.

Menurut datuk, inilah kebesaran Tuhan. Hujan tidak turun tetapi Tuhan masih memberikan air kepada hamba-Nya dalam bentuk yang lain.

Ketika bangun untuk mandi dan menunaikan solat subuh, kedinginan masih terasa kerana embun masih lagi berada di hujung daun. Kesegaran seperti ini sudah ditentukan Allah yang mencipta alam.

Benarlah kata Ustaz Hafiz, Allah menciptakan alam ini sudah cukup sempurna. Allah menciptakan tanah, cahaya, air, udara, tumbuhan-tumbuhan dan sebagainya saling memerlukan di antara satu dengan lain.

Manusia juga memerlukan semua ciptaan Allah itu untuk meneruskan hidup. Tanpa air, manusia tidak boleh hidup. Begitu juga dengan tumbuh-tumbuhan. Tanpa cahaya juga, manusia tidak boleh hidup. Bagaimana tumbuh-tumbuhan mahu menghasilkan makanan jika air dan cahaya tidak ada?

Anehnya manusia tidak menghargai kurniaan Allah. Benarlah seperti kata Ustazah Zaharah yang mengajar pelajaran Agama Islam di sekolah. Katanya memetik firman Allah dalam surah al-Asri: *Demimasa. Sesungguhnya manusia dalam kerugian kecuali orang-orang yang beramal salih serta saling menasihati tentang hak dan kesabaran.*

Memikirkan tentang kebesaran Allah, telah ramai manusia berasa kerugian kerana banyak kerosakan yang dilakukan untuk merubah keadaan alam sekitar. Ini berlaku kerana manusia tidak menyedari betapa pentingnya menjaga amanah Allah.

"Hoi budak, apa yang awak bualkan dengan orang gila tu kelmarin, ha?"

Aku terkejut dari khayalan. Rupa-rupanya ada suara yang menyergah. Aku memandang ke halaman. Seorang lelaki masih di atas motosikal merenung ke arahku. Entah

bila masanya lelaki itu sampai, aku tidak tahu. Sedar-sedar dia sudah terpacak di halaman rumah.

Lelaki bertopi keledar yang berwajah garang itu masih mengharapakan jawapan. Aku diam. Badrul yang duduk di sebelah juga diam. Tetamu tidak diundang itu memandang sekitar. Mungkin bimbang ada orang memerhatikannya. Aku seperti pernah melihatnya, tapi di mana ya?

Aku memandang Badrul. Dia memandanguku semula. Wajah Badrul berubah. Mungkin dia takut. Aku mengusap dadaku. Tidak terasa apa. Tidak ada debaran walaupun wajah lelaki bermisai tebal itu nampak garang.

"Hoi budak? Awak tak dengar ke saya tanya?" Lelaki itu mengulangi lagi pertanyaannya.

Di anak tangga batu, aku dan Badrul tidak berganjak. Mungkin nasib kami kurang baik. Mungkin ketika aku sedang memikirkan kebesaran Allah di anak tangga tadi, lelaki bermotosikal itu berhenti di halaman.

"Kami tak cakap apa-apa? Saja bual kosong dengan dia. Salah?" Aku memberanikan diri bersuara.

"Awak jangan nak bohong! Saya tahulah apa nak buat kalau awak tipu kami!" Lelaki yang berada kira-kira 15 meter dari anak tangga, tempat aku duduk seperti tidak puas hati dengan jawapan yang aku berikan.

Aku tidak faham siapa yang dimaksudkan 'kami' kerana dia datang seorang. Mungkin dia bagi pihak ketuanya, fikirku.

"Betul. Saya tidak cerita apa-apa pada Sood tu!" Aku bersuara agak keras kerana suara lelaki itu juga keras. Lagaknya seperti hendak mengugut.

"Awak ingat saya tak dengar, apa yang awak bualkan dengan orang gila tu?"

"Kalau dah dengar, buat apa datang tanya saya? Lagipun apa kena mengena dengan awak? Awak siapa?" Aku mulai geram tetapi aku cuba pujuk hatiku supaya bersabar.

Entah kenapa, tiba-tiba sahaja aku berasa berani untuk bersoal jawab dengan lelaki itu. Tetamu tidak

diundang itu senyap. Aku agak dia terperangkap dengan kata-katanya tadi.

"Kalau awak tak nak beritahu, tak apa. Tapi kalau terjadi apa-apa pada awak nanti, jangan salahkan kami! Kami dah beri amaran!"

Aku diam sejenak. Aku dapat mengagak, ketika aku dan Badrul singgah ke kedai dan bertemu dengan Sood, ada orang memerhatikan. Mungkin lelaki itu, fikirku.

"Kalau Fik nak tahu, itulah lelaki yang kejar Bad masa Bad datang sini kelmarin." Badrul berbisik. Dia seperti takut-takut hendak bersuara.

"Sebab apa agaknya dia kejar Bad kelmarin?"

"Mungkin fasal nilah. Tapi masa tu Bad dah nak sampai di sini. Kebetulan pulak, sampai di sini dia nampak Fik dan Atuk di halaman, terus dia pergi," bisik Badrul lagi.

"Fik fikir dia ni macam ada sesuatu yang dirahsiakan. Mugkin takut orang tahu."

"Siapa yang tahu?"

"Mungkin Sood. Sebab itulah Sood dihumban ke dalam parit. Kalau Sood mati tentu tak ada orang yang nak bocorkan rahsia mereka." Badrul berpendapat begitu. mungkin betul juga pendapat itu.

"Aku tahu rahsianya. Lelaki ni yang kita lihat di tepi bukit, di hulu sungai. Mungkin dia dan kawan-kawannya yang melakukan kerja tu. Dia bimbang sebab rahsianya sudah diketahui orang lain."

"Macam mana pulak Sood boleh tahu?" Tanyaku.

"Soodkan suka merayau-rayau. Mungkin dia sampai ke tempat tu," Badrul membuat andaiannya betul sebab itulah Sood dijadikan mangsa.

"Aku fikir begitu. Agak-agak datuk dah beritahu atau belum fasal orang yang mencurigakan ini pada polis tu?"

"Entahlah aku pun lupa nak tanya datuk."

"Hoi, ingat awak berdua takkan selamat kalau awak berdua main-mainkan kami," ujar lelaki itu. Dia menghidupkan enjin motosikal. Tali minyak diputar.

Motosikal menderum meninggalkan halaman. Mungkin dia bengang kerana aku dan Badrul tidak melayannya. Aku menarik nafas panjang.

"Hai, kenapa dia datang ketika datuk tak ada. Kalau datuk ada, tentu ada idea apa yang perlu dibuat ketika berhadapan dengan perkara seperti ini.

Pagi-pagi lagi ada orang jumpa datuk. Waktu itu aku, datuk dan Badrul sedang melakukan senaman ringan di halaman. Datuk menjemputnya ke rumah. Datuk memperkenalkan aku kepada lelaki muda itu. Usianya lebih kurang sama usia dengan Pak Su Hadi. Kata datuk, lelaki itu anak Tuk Su.

Hatiku berdebar-debar. Mungkin ada sesuatu yang sudah berlaku pada Tuk Su, fikirku. Aku membiarkan datuk, lelaki itu serta nenek berbual-bual di ruang tamu. Aku dan Badrul terus melakukan senaman ringan di halaman sebagai mana yang biasa datuk lakukan.

Tidak lama kemudian lelaki itu turun dari rumah. Dia menaiki kereta dan terus beredar. Datuk memanggilku dan Badrul untuk bersarapan.

"Fik, Bad, ada berita tak baik Atuk nak sampaikan. Tuk Su sudah kembali ke rahmatullah malam tadi. Selepas sarapan nanti, datuk dan nenek nak pergi menziarahi pengkebumian Tuk Su. Bad dan Fik, jangan ke mana-mana. Jaga rumah sehingga datuk dan nenek balik," beritahu datuk sebaik sahaja menghadap sarapan.

Aku dan Badrul berpandangan. Tidak ada kata-kata yang terkeluar dari hatiku selain mengucapkan, *Innā lillāhi Wainna Illāhi Rajiun*. Selepas sarapan, datuk dan nenek bersiap-siap untuk menziarahi arwah Tuk Su.

Kasihannya Tuk Su. Akhirnya engkau pergi juga kerana penyakit sesak nafas. Cerita datuk mengenai keadaan tempat tinggal Tuk Su masih aku ingat.

"Hai Fik, apa yang Fik fikirkan? Lelaki itu dah pergi..." Badrul menegur. Aku tersedar dari lamunan.

Entahlah. Macam-macam yang Fik fikirkan."

"Ah, buat apalah nak fikirkan masalah orang. Yang penting kita tak kacau orang, Fik!" ujar Badrul. Dia

memandang wajahku. Dia seperti memberikan semangat.

"Tapi orang kacau kita, Bad!"

"Siapa?"

"Lelaki tadi itulah. Bad tak dengar, dia macam mengugut tadi?"

"Aku rasa, dia kejar aku kelmarin kerana nak tahu apa yang kita bualkan dengan si Sood tu. Fik dah pun bagi tahu tadi. Dahlah. Apa lagi yang dia nak?"

"Entahlah..." Aku bingkas, menuruni anak tangga. Di halaman aku lihat, rumput-rumput yang datuk tajak kelmarin sudah kering.

"Daripada tak buat apa, elok kita bersihkan halaman rumah. kita kumpulkan rumput-rumput kering, kita buang dalam lubang yang kita buat semalam." Aku mencadangkan. Badrul mengangguk. Dia ke bawah rumah mengambil pungkis.

"Bagus tu..."

Aku dan Badrul segera ke halaman rumah. Rumput-rumput kering serta daun-daun pokok ketapang yang gugur, aku masukkan ke dalam pungkis. Kemudian aku dan Badrul sama-sama mengangkat ke belakang rumah.

"Masa gotong royong nak buat tandas curah nanti, Fik nak ikut tak?" Badrul bertanya. Sampah sudah dicampakkan ke dalam lubang.


"Itu kerja orang tua-tua. Budak-budak macam kita, apa yang kita boleh buat?" Badrul membawa pungkis ke halaman rumah. Aku mengekori.

"Kita buatlah apa yang patut, macam bancuh simen atau buat lubang tandas. Lagipun kerja menjaga kebersihan tanggungjawab semua. Tak kira kecil atau besar." Badrul mencadangkan.

Hampir semua rumput-rumput kering sudah aku dan Badrul buang ke dalam lubang di belakang rumah. Matahari di angkasa panas memancar. Peluh sudah menitik di dahi. Aku kepanasan.

Badrul menuju ke bangku panjang. Di situ redup kerana daun dan pokok ketapang yang lebar menghalang sinar matahari.

"He...he...he..."



Aku terkejut apabila ada suara orang terkekeh-kekeh. Aku menoleh ke belakang. Rupa-rupanya Sood sudah berdiri di belakang bangku tempat aku dan Badrul duduk.

"Ada apa, Sood?" Badrul bersuara. Sood seperti hendak menerangkan sesuatu tetapi macam sukar hendak diluahkan.

Aaadda orang kena ikat di sana tu...!" Suaranya teragak-agak. Sood menunding ke satu arah.

"Siapa?"

"Tak tahu..." Sood seperti teragak-agak hendak memberitahu.

Aku memerhatikan sekitar. Aku bimbang juga kalau lelaki tadi nampak, sudah tentu dia akan berbuat sesuatu. Kalau tidak mengganggu Sood, mungkin akan mengganggu aku.

"Macam mana, kalau betul kata Sood, elok kita pergi tengok. Bad setuju?"

"Fik lupa pesan datuk pagi tadi. Jangan ke mana-mana!" Badrul mengingatkan. Hatiku seperti merontaronta ingin tahu sama ada benar atau tidak kata Sood.

"Habis macam mana?"

"Kita tunggu datuk balik. Kita jangan buat sesuatu yang menyusahkan diri kita. Entah-entah Sood itu bergurau," bisik Badrul.

"Tak apalah pak cik, nanti kita orang pergi tengok," ujarku memujuk Sood. Akhirnya Sood beredar. Aku agak terkilan kerana tidak dapat melihat apa yang dikatakan oleh Sood itu. Hendak menunggu datuk balik, entah pukul berapa.

Kalaulah benar apa yang dikatakan Sood itu, tentulah orang itu dalam bahaya dan memerlukan pertolongan. Tetapi timbul pula pertanyaan dalam benakku, mengapa orang itu diikat di situ? Adakah mereka juga mengintip perbuatan mereka seperti aku dan Badrul mengintip perbuatan mereka?

Aku tidak dapat bayangkan kalau aku diikat sebagaimana yang terjadi dalam mimpiku itu. Tentulah

datuk akan gelisah, mencari aku ke sana ke mari.
Manakala jika ayah dan ibu tahu, mungkin mereka juga
akan susah hati.

Aku masih menunggu kepulangan datuk.
Pulanglah cepat.

Bab 15

**TERJAWAB
PERTANYAAN**

SUDAH seminggu aku di sini. Selama seminggu juga aku tidak menatap ayah, ibu, kakak dan adik-adik. Rindukah aku kepada mereka? Aku bertanya kepada diriku. Entahlah, tetapi rinduku kepada kampung yang aman damai, harmoni dan hijau ini telah terubat.

Aku tidak tahu apa yang hendak aku buat sekarang. Hendak keluar berjalan-jalan, aku masih diselubungi rasa bimbang. Bimbang lelaki kelmarin akan mengekoriku.

Semalam hari Jumaat, aku tidak ke mana-mana. Pagi-pagi selepas sarapan, aku dan Badrul menyambung kerja-kerja membersihkan kawasan rumah datuk. Aku dan Badrul mengumpulkan botol-botol kosong, tempurung kelapa dan tin-tin kosong yang ditakungi air.

Sesudah dilonggokkan, aku dan Badrul sama-sama mengangkat barang-barang terbuang itu dengan pungkis. Kami buang ke tempat buangan sampah yang kami gali sebelum ini.

Datuk pula ke balai polis setelah aku dan Badrul menceritakan apa yang berlaku kelmarin. Sebelum solat Jumaat, datuk pulang ke pekan. Aku yakin pihak polis akan bertindak sesudah menerima laporan datuk.

Datuk pula mengingatkan supaya tidak bimbang dengan perkara itu kerana negara mempunyai undang-undang. Walaupun datuk sudah memberi jaminan, tetapi hati kecilku sentiasa membayangkan bermacam-macam perkara yang tidak diingini boleh berlaku.

Aku duduk di anak tangga sambil memerhatikan sekitar halaman. Nampak bersih dan segar mata memandang. Hati pula berasa damai dan sunyi. Seseekali hembusan angin menyapa. Ia amat melegakan perasaanku.

Pagi-pagi selepas sarapan, datuk ke balai raya. Katanya ada mesyuarat ahli jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung untuk membincangkan projek gotong royong yang akan diadakan esok.

Sebelum ke balai raya, datuk berpesan supaya jangan ke mana-mana. Tinggal di rumah sahaja. Aku tidak tahu mengapa datuk berpesan demikian.

Badrul pula, selepas sarapan terus pulang ke rumah. Aku cuba menakut-nakutkannya bahawa lelaki semalam akan mengekorinya. Tujuanku supaya dia tidak pulang. Sekurang-kurangnya aku ada teman untuk berbual-bual.

“Apa nak ditakutkan! Datuk kan dah pergi ke balai polis. Tak lama lagi, lelaki tu akan kena tangkap polis. Percayalah...” Kata-kata Badrul itu membuatkan aku tidak tahu apa yang hendak dikatakan lagi. Akhirnya Badrul pulang ke rumahnya. Katanya, esok dia hendak datang semula.

Apabila Badrul pulang. Aku termangu sendiri. Beginilah di kampung, kalau sunyi terlalu sunyi. Tidak tahu apa yang hendak dibuat. Di bandar pula, kalau bising terlalu bising, bermula sejak celik mata sehinggalah terlelap mata. Hendak berehat atau mencari ketenangan, kena pergi jauh-jauh dari kebisingan. Seperti ke taman-taman misalnya.

Menurut datuk, sekarang ini ramai anak muda meninggalkan kampung halaman kerana bekerja di bandar. Mereka lebih suka bekerja di kilang-kilang daripada mengerjakan tanah. yang tinggal hanya orang tua seperti datuk dan nenek.

Aku tidak tahu siapa hendak disalahkan. Kalau seperti mereka, mungkin juga aku berbuat demikian. Di kampung tidak ada hiburan sebagaimana yang terdapat di bandar. Di kampung hanya ada kedamaian, kehijauan dan ketenangan.

Mungkin anak-anak muda tidak suka pada kehijauan, kedamaian dan ketenangan. Mungkin mereka lebih suka dengan kehidupan bandar yang banyak menjanjikan keseronokkan.

Mengenangkan ini, aku berasakan kasihan kepada datuk dan nenek. Tinggal hanya berdua, kalau ada apa-apa terjadi kepada siapa mahu mengadu kerana anak-anak jauh. Aku fikir orang lain yang seusia datuk dan nenek, juga mengalami nasib yang sama.

Kalau aku tua nanti, apakah aku juga akan mengalami nasib seperti ini? Entahlah...Siapa hendak

disalahkan. Anak-anak sesudah dewasa, bekerja dan bermahatanga, memang wajar untuk membentuk hidup mereka sendiri. Di bandarlah tempat mereka memperjudikan hidup.

Kalau alam ini mengalami perubahan, hidup ini juga akan mengalami perubahan. Kini baru aku mengerti, semua ciptaan Tuhan tidak akan kekal. Sampai masa ia akan mengalami perubahan juga.

Aku bingkas. Aku ke bawah rumah. Di situ, nenek sedang meraut lidi daun kelapa sawit untuk dijadikan penyapu. Aku lihat lidi yang sudah diraut kelihatan bersih. Kalau tidak silap aku, ada kira-kira 200 batang lidi yang nenek sudah raut.

Nenek menghulurkan pisau dan sarung tangan. Baru saja aku hendak memakai sarung tangan, kereta datuk masuk ke halaman rumah. Tidak lama kemudian datuk keluar dan menutup pintu kereta.

Melihatkan aku dan nenek di bawah rumah, datuk menuju ke arah aku dan nenek. Di bawah rumah ada kerusi untuk berehat-rehat. Datuk duduk sambil membuka kopiah di kepala.

"Cepat datuk pulang?" Tanyaku sambil mencapai sebatang lidi. Sebenarnya aku tidak biasa meraut lidi. Hati bimbang juga jika terkena pisau.

"Cepat, sebab cuma nak pastikan semuanya berjalan lancar dan pastikan rumah-rumah yang belum ada tandas curah sudah menerima bekalan simen dan pasir. Ini untuk memudahkan pasukan gotong royong menjalankan kerja kerana mereka akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan," terang datuk.

"Bolehkah siap dalam masa sehari tuk?"

"Boleh. Sebab dipecahkan kepada beberapa kumpulan. Tugas mereka membuat lubang dan memasang mangkuk tandas curah. Rumah tandas, tuan rumah kena buat sendiri," jelas datuk.

"Kalau semua keluarga dah ada tandas curah, tak timbullah lagi masalah kena penyakit berjangkit, ya tuk!"

"Harap-harap begitulah. Bukan senang nak ubah

kebiasaan orang kampung yang dah biasa gunakan tandas lubang sejak bertahun-tahun dulu.”

Sedang aku dan datuk berbual-bual sebuah kereta peronda polis, sebuah jip dan sebuah kereta Proton Saga biru masuk ke halaman rumah. Datuk bingkas. Datuk segera ke halaman mendapatkan kereta peronda polis dan kereta biru itu.

Hatiku berdebar. Aku turut bingkas bangun. Diikuti oleh nenek. Aku menghampiri anak tangga bersama nenek. Aku melihat salah seorang anggota polis mendapatkan datuk. Kalau tidak silap aku, anggota polis itulah yang berjumpa datuk tempohari.

Aku memerhatikan empat lelaki yang berada di dalam jip polis. Tangan empat lelaki di dalam jip polis itu digari. Manakala dua orang anggota polis berpakaian preman mengawalinya. Aku tersentak kerana pernah melihat dua lelaki yang bergari itu.

Aku yakin seorang darinya, ialah mereka yang datang ke sini kelmarin. Manakala seorang lagi pernah aku lihat ketika aku dan Badrul membuat intipan.

Sedang datuk bercakap-cakap dengan anggota polis itu, lelaki yang memandu kereta Proton Saga biru keluar. Dia menghampiri datuk. Aku terkejut kerana aku memang kenal lelaki yang sebaya ayah itu. Dia, Encik Maniam ayah Yogeswaran. Tetapi mengapa dia ada di sini?

Aku memerhati dua penumpang yang ada di dalam kereta Proton Saga itu dari jarak kira-kira 20 meter. Aku perhatikan dengan teliti. Sah. Memang di dalam kereta itu Yogeswaran. Di sebelah Yogeswaran, ibunya.

Kenapa dengan engkau, Yogeswaran? Itukah lelaki-lelaki yang menculik engkau? Mengapa pula engkau yang diculik? Berapa ratus ribukah penculik itu meminta bayaran? Aku bertanya-tanya di dalam hati.

Rasanya aku mahu sahaja berlari mendapatkan Yogeswaran. Tetapi aku lihat dari jauh Yogeswaran seperti tidak bermaya. Dia menyandarkan kepala di bahu ibunya di tempat duduk belakang. Ayah Yogeswaran pula tidak nampak aku kerana terlalu asyik berbual-bual dengan

datuk.

Aku lihat datuk mengangguk-angguk. Begitu juga dengan Encik Maniam dan anggota polis itu. Encik Maniam dan anggota polis itu bersalaman sebelum mereka beredar.

Tidak lama kemudian, kereta peronda polis, jip polis dan kereta Proton Saga biru itu perlahan-lahan meninggalkan halaman rumah. Sesampai di jalan raya, anggota polis tadi mengangkat tangan. Begitu juga dengan Encik Maniam. Aku memerhatikan mereka beredar sehingga hilang dari pandangan.

Setelah mereka beredar, datuk menghampiriku dan nenek.

“Siapa mereka tu, tuk?” Tanyaku tidak sabar-sabar untuk mengetahui lebih lanjut. Datuk duduk di anak tangga.

“Mereka tu anggota polis. Mereka baru saja buat serbuan di tepi bukit, berhampiran sungai dekat hutan itu. Mereka tu sebenarnya yang membuang sisa toksid dan sisa minyak ke dalam sungai. Mereka juga melakukan penculikan,” jelas datuk.

“Tapi tuk, orang yang kena culik tu kawan sekolah Fik. Yogeswaran namanya. Bapanya yang bersalaman dengan datuk tadi, tinggal tidak jauh dari rumah Fik. Selang beberapa buah saja,” jelasku kepada datuk. Datuk seperti terperanjat. Begitu juga dengan nenek.

“Memang yang kena culik tu, anaknya. Menurut anggota polis tu, Yogeswaran tu sudah banyak kali di pindah-pindahkan ke tempat persembunyian untuk mengelakkan dikesan. Tetapi pihak polis lebih bijak kerana selalu membuat siasatan dan intipan, juga maklumat yang Fik dan Sood berikan,” tegas datuk lagi. Nenek diam tidak berkata apa-apa.

“Apa kena mengena kes penculikan tu dengan mereka yang membuang sisa toksid tu, tuk?” Entah kenapa, banyak pula soalan yang aku ingin tahu.

“Mereka orang yang sama. Sebelum ini mereka pernah membuang sisa toksid di beberapa tempat, tapi

akhirnya dapat lepas apabila polis dan Jabatan Alam Sekitar buat serbuan. Tapi kali ini mereka masuk perangkap polis juga," jelas datuk.

"Licin juga perbuatan mereka ya, tuk?"

"Yalah, sependai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah juga." datuk memandangkan ke wajahku.

"Yang menghairankan Fik. Mengapa Yogeswaran diculik? Ayahnya bukan orang kaya kalau mereka mahukan wang tebusan?" Pertanyaan ini yang selama menghantui fikiranku.

"Sebenarnya Fik, ayah Yogeswaran itu bekerja dengan Jabatan Alam Sekitar dan aktivis alam sekitar. Ayah Yogeswaran dan beberapa pegawai lain yang selalu membuat siasatan dan mengambil tindakan terhadap mereka yang mencemarkan alam sekitar." Terang datuk lagi. Kini baru aku mengerti. Aku mengangguk.

"Jadi mereka menculik Yogeswaran bertujuan supaya ayahnya jangan mengganggu dan tidak membocorkan kegiatan mereka?" tegasku.

"Begitulah Fik."

"Satu yang menghairankan Fik, mengapa sampai ke kampung ini Yogeswaran disembunyikan? Tak adakah tempat lain?"

"Mereka mungkin berfikir di sini selamat. Tetapi mereka lupa, pujangga ada berkata, bangkai kalau ditutup dengan apa sekalipun, akan berbau juga. Maksudnya kesalahan bentuk apa sekalipun, hendak disembunyi di mana-mana pun, akan diketahui orang juga."

"Nasib baiklah polis tu cepat ambil tindakan. Kalau tak, tak tahulah apa akan terjadi pada Yogeswaran." Hatiku lega apabila Yogeswaran selamat.

"Yogeswaran tu tak diapa-apakan tuk?"

"Fik jangan bimbang. Dia selamat. Dia nampak lemah sedikit kerana tak cukup tidur dan berpindah randah tempat disembunyikan," jelas datuk. Mungkin Encik Maniam memberitahu datuk kerana datuk tidak melihat Yogeswaran semasa dalam kereta tadi.

"Agaknya mereka juga yang menghumbankan Sood

dalam parit ya tuk?"

"Mungkin juga. Atuk tak sangka si Sood yang orang kampung kata tak siuman sebenarnya berguna. Dialah juga yang mula-mula memberitahu ada budak diikat di pokok tu. Kalau tak kerana dia, mungkin Yogeswaran lambat diselamatkan."

"Kita patut berterima kasih pada dia, ya tuk?"

"Sudah tentu. Kalau tidak tentu mereka yang membuang sisa toksid tu masih bermaharajalela."

"Mereka tu patut dipenjara kerana tidak bertanggungjawab terhadap alam sekitar tempat dia tinggal. Sepatutnya mereka menjaga bukan mencemarkan lagi," ujarku.

"Kalau ikutkan, sesiapa yang melanggar Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, kalau didapati bersalah mereka boleh didenda RM 10,000 atau dua tahun penjara atau kedua-dua sekali. Mereka juga boleh didenda RM 1,000 sehari jika masih mengulangi kesalahan yang sama," tegas datuk.

"Walaupun denda tinggi, tapi ada yang tak takut. Masih mencemarkan alam sekitar sesuka hati," tambahku.

"Harap-harap bila dah siap sepenuhnya tempat untuk memproses dan menyimpan bahan-bahan buangan seperti sisa toksid di Bukit Nenas, Negeri Sembilan, akan berkuranganlah perbuatan membuang sisa toksid dan sisa buangan lain," kata datuk.

"Eh, tu macam Sood, Tuk! Apa dia nak?"

Ketika aku berbual-bual dengan datuk, Sood muncul di jalan raya. Dia berhenti betul-betul di jalan masuk ke rumah.

"Panggil dia ke mari. Macam ada sesuatu yang dia nak cakap."

Aku bingkas bangun mendapatkan Sood.

Bab 16

**BERMULA
HIDUP BARU**

PAGI hari minggu, bagai hari-hari biasa, matahari pagi bersinar cerah. Hati seperti meronta-ronta untuk pulang ke Kuala Lumpur. Entah mengapa, keinginan untuk bertemu Yogeswaran menjadi-jadi. Mungkin kerana dia kawan akrab, meskipun berlainan bangsa dan agama aku ingin tahu benar khabarnya.

Aku tahu, tentu dia banyak cerita. Kalau aku mengalami apa yang dialami oleh Yogeswaran, mungkin akan aku tuliskan peristiwa ngeri semasa diculik.

Selain itu, aku dihurung rasa terkilan kerana tidak menulis surat sebagaimana pesan ibu sebelum aku berangkat ke kampung ini. Aku tahu, tentu ibu tertunggu-tunggu sama ada aku selamat sampai atau tidak.

Entah kenapa, seminggu di sini, baru aku teringat pesan ibu itu. Hari-hari yang telah lalu, aku seperti tidak terlintas untuk menulis surat. Maafkan anakmu ini, ibu!

Aku berhajat untuk menulis surat malam ini. Esok hari Isnin, boleh surat itu aku poskan. Mungkin hari Selasa atau Rabu, sampailah surat itu ke tangan ibu.

"Hai Fik, kenapa termenung? Ingatkan mak ayah?"

Datuk menyapa ketika aku sedang duduk di beranda, berseorangan. Selepas sarapan pagi, aku tidak ada rancangan hendak ke mana-mana. Kalau Badrul datang mengajak untuk ikut serta dalam gotong royong, mungkin aku akan pertimbangkan.

"Tuk ingat, Fik tengah ingatkan apa?" Aku pula bertanya kepada datuk. Dia sudah bersiap-siap untuk pergi gotong royong membina tandas curah.

"Sangkaan tuk mesti betul?" Datuk duduk di kerusi berhadapan denganku.

"Macam mana tuk tahu?"

"Datuk dulukan pernah kecil macam Fik. Tuk boleh baca apa yang Fik fikirkan!"

"Entahlah tuk. Tiba-tiba saja Fik ingatkan mak ayah..." ujarku sambil membelek-belek majalah lama.

"Fik jangan risaulah. Petang nanti mak dan ayah datang ambil Fik," ujar datuk. Aku terkejut, macam mana datuk tahu ayah dan emak akan datang ke sini.

"Tuk bergurau..."

"Tak. Atuk jumpa ayah dan emak Fik masa pengembumian arwah Tuk Su. Ayah Fik yang beritahu nak datang sini. Katanya dah lama tak balik kampung," jelas datuk.

Aku sudah mampu tersenyum. Tidak perlu aku bersusah payah naik bas untuk pulang ke Kuala Lumpur. Aku ingin batalkan niat untuk menulis surat kalau benar ayah dan emak datang petang ini.

Emak dan ayah tentu gembira aku selamat di kampung. Kalau ditanya apa yang aku buat sepanjang seminggu di sini, aku tidak tahu apa yang hendak dijawab.

Tentu emak akan marah kalau dia mendapat tahu aku pergi ke sungai dan berjalan-jalan di pinggir hutan berhampiran bukit itu.

"Kalau macam tu, Fik tak payahlah ikut gotong royong. Fik nak tunggu mak ayah," ujarku sambil memandangi wajah datuk.

"Terpulanglah. Atuk tak paksa. Tapi kalau Fik nak rasa pengalaman bergotong royong apa salahnya?"

"Tengoklah kalau Bad nak ikut serta, Fik ikut. Kalau tak ada biarkan Fik duduk rumah saja. Tuk tak pergi lagi?" jelasku sambil meletakkan majalah di atas meja.

Jam di dinding sudah melangkah ke angka 8.30 pagi.

"Atuk tunggu Malim."

"Tunggu Malim? Ke mana?"

"Fik belum tahu lagi? Malim dan Haji Damanhuri nak hantar Sood ke Hospital Bahagia. Atuk tak dapat pergi sebab nak pastikan gotong royong berjalan lancar."

Sejak Malim datang ke rumah beberapa malam lalu, aku tidak dengar ceritanya lagi. Apakah dia sudah mengotakan kata-katanya untuk menyerahkan tandatangan orang kampung yang membantah kilang didirikan berhampiran kampung ini.

"Macam mana dengan Malim? Dia tak jadi nak serahkan tandatangan orang kampung pada atuk?"

"Malim dah tarik balik niatnya. Katanya, dia serahkan saja perkara ini pada atuk. Kalau perkara tu baik

untuk semua dia dan kunci-kuncunya ikut saja.”

Aku mengangguk.

Sedang aku dan datuk berbual-bual di beranda, sebuah kereta Proton Saga putih masuk ke halaman. Datuk bingkas menuju ke anak tangga dan menuruninya.

Pemandunya, Malim keluar dari kereta seraya memberi salam. Datuk menjawab salam. Kemudian Haji Damanhuri keluar dari kereta mendapatkan datuk.

Aku turut bingkas menuruni anak tangga. Datuk sudah melangkah ke halaman mendapatkan Malim dan Haji Damanhuri. Di dalam kereta kelihatan Sood seperti bersedih hati. Wajahnya muram.

Aku menghampiri datuk. Datuk menghampiri kereta. Sood duduk di dalam kereta. Malim, Haji Damanhuri dan aku mengerumuni Sood yang resah dan tidak berkata apa-apa.

“Sood, Kalau di sana nanti, jaga diri baik-baik. Ikut peraturan hospital. kalau senang-senang nanti, kami datang tengok,” ujar datuk.


Sood senyap. Beberapa saat kemudian dia mengangguk. Dia seperti faham apa yang datuk maksudkan dan di mana dirinya hendak dibawa.

“Aku tiba-tiba sahaja kasihan melihat Sood. Dia seperti mengharap simpati supaya dirinya tidak dibawa ke Hospital Bahagia. Tetapi dia tidak mampu untuk bersuara.

“Malim, Haji...Eloklah berangkat. Nanti kesiangan lambat pulak nak balik sini,” luah datuk. Dia memandang wajah Malim. Lelaki itu mengangguk.

Datuk menghulurkan tangan pada Sood. Sood menyambut hুলuran tangan datuk. Tanpa disedari air mata Sood menitis. Datuk juga sedih kerana Sood akan menjalani kehidupan baru, tetapi itu untuk kebaikan dirinya masa depan.

Malim sudah masuk ke tempat pemandu. Haji Damanhuri di sebelah. Enjin kereta dihidupkan. Kereta bergerak perlahan-lahan meninggalkan halaman rumah. Aku memerhati wajah Sood sehingga hilang dari



pandangan. Kereta terus beredar dan meluncur di jalan raya. Sebak hatiku semakin terasa.

"Fik, Atuk nak pergi gotong royong ni. Fik tak nak ikut?" Datuk mempelawa.

"Tak apalah. Fik nak tunggu Badrul," kataku sambil melangkah ke anak tangga.

Datuk mendapatkan motosikal di bawah rumah. tidak lama kemudian, motosikal meninggalkan halaman rumah. Aku sendirian di anak tangga.

Saat ini, aku terkenang-kenangkan Sood. Aku masih ingat. Semalam selepas anggota polis membawa orang yang menculik Yogeswaran. Sood muncul di hadapan rumah.

Aku memanggil. Sood walaupun tidak siuman, ada kalanya apabila bercakap, perkataannya teratur.

"Tuk, saya tak mahu di hantar ke hospital, tuk. Saya bukannya gila. Saya tak gila." Ujar Sood berwajah sedih. Mungkin sebelum ini dia sudah diberitahu mengenai perkara ini.

Aku lihat datuk serba salah.

"Sood. Sood jangan bimbang. Di sana nanti, hidup Sood lebih terjamin. Ada orang jaga makan pakai Sood. Kalau di sini, makan pakai Sood siapa nak jaga? kalau Sood sakit nanti, siapa susah? Sampai bila Sood nak hidup macam ni?" datuk memujuk.

Sood tunduk. Dia memejam mata. Tentu hatinya sedih.

"Tolonglah tuk. Tolonglah..." Sood seperti merayu.

Datuk menarik nafas panjang. Datuk meraup wajah dengan tapak tangan kanan. Aku hanya berdiam diri.

"Nantilah saya fikirkan semula," ujar datuk meredakan perasaan Sood.

Sood senyap. Harapannya untuk tidak dihantar ke Hospital Bahagia terasa cerah.

"Sood dah makan?" Datuk bertanya.

Sood diam tidak menjawab. Dia terus beredar tanpa sepatah kata. Aku memandangnya sehingga dia hilang dari pandangan.

Aku berfikir, selepas pertemuan itu, mungkin datuk akan mengubah fikiran. Tetapi pagi ini, Sood terpaksa akur dengan kehendak datuk untuk kebaikan Sood.

Kini Sood semakin jauh. Jauh meninggalkan kampung halaman untuk memulakan hidup baru. Bukit bukau, aliran sungai yang lesu, kehijauan pokok, kicauan burung-burung dan kokokan ayam waktu pagi tidak mungkin dapat dipandang dan didengar lagi. Dia akan meninggalkan semua itu.

Demi kasihnya pada kampung halaman, satu ketika aku pasti dia akan kembali ke sini. Kembali menyatukan diri dengan kehijauan, ketenangan dan keharmonian kampung halaman.

Aku dapat rasakan hidup Sood seperti juga alam ini, akan berubah apabila sampai masanya. Tetapi aku yakin perubahan Sood akan membawa kebaikan kepada dirinya sedangkan perubahan alam sekitar ini ada kalanya merugikan.

*****Selesai*****

SINOPSIS

SECARA umumnya novel ini memaparkan kedamaian sebuah desa tetapi kerana sikap segelintir manusia yang tidak bertanggungjawab terhadap alam sekitar menyebabkan kedamaian desa tergunat.

Kisah bermula apabila Syafik bercuti ke kampung datuknya. Di kampung itu dia menemui pelbagai peristiwa. Antaranya dia mengenali Sood, lelaki yang kurang waras pemikirannya, akhirnya dia mengetahui juga apakah yang menyebabkan lelaki itu bersifat demikian.

Kisah bermula apabila Syafik dan sepupunya Badrul memancing di sebatang sungai di kampung itu. Mereka terkejut apabila mendapati air sungai telah tercemar. Sifat kanak-kanak yang suka menyiasat akhirnya membuahakan hasil apabila mendapati, sungai itu tercemar akibat pembuangan sisa buangan di kaki bukit.

Ketika mereka menyiasat mereka juga terserempak dengan satu kes penculikan di mana seorang budak sedang ditahan di situ. Mereka memberitahu pihak berkuasa dan apabila dibuat serbuan, barulah Syafik tahu, rakan sekelas dengannya menjadi mangsa penculikan.

Ini kerana ayah rakannya itu bertugas sebagai penguatkuasa Jabatan Alam Sekitar yang membanteras kegiatan pihak tertentu yang suka mencemar alam. Apa pula yang menyebabkan Sood tidak waras fikirannya, bacalah novel ini.

BIODATA PENULIS



MUHD. NASRUDDIN DASUKI, lahir di Kampung Bukit Kerayong, Kapar, Selangor. Mula menulis sejak tahun 1976. Bermula menulis puisi, rencana, cerpen, novel, drama radio dan drama tv. Pernah bertugas sebagai wartawan di beberapa buah penerbitan selama lapan tahun sebelum beralih ke penerbitan buku. Banyak karya disiarkan di pelbagai akhbar tempatan seperti *Mingguan Malaysia*, *Berita Minggu*, *Dewan Masyarakat*, *dewan Budaya* dan *Dewan Sastera*. Sehingga kini lebih daripada 90 cerpen disiarkan di pelbagai media, 12 buah novel, dua antologi cerepn persendirian serta 17 antologi cerpen bersama. Beliau kini bertugas di sebuah syarikat penerbitan di samping terus menulis novel dan skrip drama tv. Di antara pencapaian terbaik di bidang penulisan ialah:

1. Memenangi Hadiah Utama Cerpen Remaja Utusan-Public Bank, 1990.
2. Saguhati cerpen dewasa Utusan-Public Bank 1991.
3. Hadiah Utama Cerpen Remaja Utusan-Public- Bank, 1992.
4. Hadiah Utama Cerpen Dewasa Utusan-Public Bank, 1992.
5. Saguhati Cerpen Remaja Utusan Public Bank, 1994
6. Hadiah Penghargaan Sayembara Cerpen Perpaduan, anjuran Jabatan Perpaduan Negara, 1995.
7. Hadiah Penghargaan Sayembara Menulis Novel Remaja Berunsurkan Islam anjuran Jabatan Perdana Menteri, 1992.
8. Hadiah Ketiga Sayembara Menulis Novel Kanak-Kanak Berunsurkan Alam Sekitar anjuran Jabatan Alam Sekitar dan Utusan Melayu 1995.
9. Hadiah Saguhati Cerpen DBP-Maybank, 1995.
10. Anugerah Seri Angkasa 96, Kategori Teleplay terbaik Panggung RTM.

